



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 625]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 655]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional (Pindaan) [Ruangan 655]
- Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan) [Ruangan 670]
- Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) [Ruangan 673]
- Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) [Ruangan 681]
- Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan 683]
- Rang Undang-undang Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) [Ruangan 728]
- Rang Undang-undang Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) [Ruangan 735]
- Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) [Ruangan 746]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb April, 1977

Mesuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KELAB-KELAB MALAM/BAR

1. **Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menerangkan samada Kelab-kelab Malam dan Bar yang ada dibenarkan di Wilayah Ibukota dan lain-lain Bandar di Malaysia ini telah dikaji dan ubahsuaikan syarat-syarat meluluskan kebenarannya supaya sesuai dengan tujuan pelaksanaan pembangunan rohaniah dalam negara ini atau terus menutupnya langsung sekurang-kurangnya ditegah sebarang orang Islam menyertainya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, bagi membenarkan Bar dan Kelab-kelab Malam di Kuasa-kuasa Tempatan melainkan di Kuala Lumpur pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen Bar dan Kelab Malam tersebut ialah Pegawai Daerah di tempat masing-masing dengan kerjasama pihak polis. Penguasa-penguasa Tempatan hanya mengeluarkan lesen kelulusan penggunaan bangunan di mana Bar atau Kelab-kelab Malam yang hendak dijalankan dari segi kesihatan sahaja. Oleh itu, bagi mengkaji dan mengubahsuaikan sebarang syarat-syarat meluluskan kebenarannya terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Bagi Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, kelulusan Dewan Bandaraya mestilah diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu bangunan atau tempat atau sebahagian daripadanya boleh digunakan sebagai Kelab

Malam. Kelulusan ini dalam bentuk Premises Licence yang hanya akan dikeluarkan di bawah undang-undang kecil (bye-law regarding the control of theatres and places of public resort) 1948, (Part VIII) dan Town Board Bye-Law, 1948 (Part VI) dan apabila pemohon telah memenuhi kehendak-kehendak serta syarat-syarat yang dikenakan setelah ditinjau dari aspek-aspek keselamatan, bahaya kebakaran, kesihatan bangunan serta perancangan dan juga mengelakkan daripada kelakuan-kelakuan yang liar, kelulusan dan persetujuan pihak polis juga adalah diperlukan. Pertunjukan-pertunjukan tidak akan dibenarkan selagi lesen ini tidak dikeluarkan atau diluluskan. Setelah lesen bangunan ini diluluskan maka lesen-lesen berasingan pula adalah diperlukan bagi tiap-tiap satu pertunjukan yang hendak diadakan. Seperti biasa lesen-lesen hiburan dan pertunjukan seumpama ini juga mempunyai syarat-syarat tertentu untuk memastikan tidak berlaku kelucahan. Lawatan-lawatan mengejut juga sentiasa diadakan dari masa ke semasa bagi memastikan yang syarat-syarat tersebut dipatuhi dengan sewajarnya.

Mana-mana Kelab Malam yang didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan akan diambil tindakan yang sewajarnya seperti amaran, denda dan penarikan balik lesen-lesen hiburan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun berkenaan dengan melarang orang-orang Muslim masuk ke tempat-tempat ini, ini adalah di luar bidang kekuasaan Kementerian saya, dan jika ada apa-apa cadangan, ia bolehlah dirujuk kepada pihak Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada pun orang-orang Muslim yang tulin, pada fikiran saya walaupun tidak ada apa-apa undang-undang yang menegah mereka, mereka sentiasa akan menjauhkan diri daripada tempat-tempat ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya dua soalan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atas jawapan yang dibentangkannya di Dewan ini.

Pertama, saya hendak meminta penjelasan untuk menghalalkan lesen Bar dan Kelab Malam ini, beliau mengatakan atas bentuk kesihatan. Sila huraikan kepada Dewan ini bagaimanakah bentuk kesihatan itu maka lesen ini dihalalkan.

Kedua, dalam lawatan mengejut yang dibuat, itu baik. Ketika lawatan mengejut itu dilakukan, adakah termasuk Yang Berhormat Menteri sekali memeriksa ke kawasan-kawasan itu.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, ada dua undang-undang (bye-law) yang mengawal syarat-syarat ini. Saya boleh menjemput Ahli Yang Berhormat untuk diberi briefing oleh Kementerian saya mengenai syarat-syarat ini dan tentang lawatan mengejut itu adalah sentiasa dilakukan. Saya ada Enforcement Officers dan saya fikir saya belum perlu untuk bertindak sendiri.

TV MALAYSIA—GANGGUAN SIARAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar tentang gangguan yang sering berlaku di TV Malaysia, dan jika ya, mengapa dan bagaimanakah Kementerian ini hendak mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kita tidak ada tambahan gangguan dibandingkan dengan masa yang lalu. Gangguan yang sering berlaku adalah gangguan yang tidak dapat dielakkan seperti gangguan akibat petir, kilat dan hujan ribut yang menyebabkan gangguan bekalan letrik. Kadang-kadang ada gangguan teknikal yang tidak dapat diramalkan tetapi gangguan ini dikurangkan ke paras minima dari satu masa ke semasa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ada gangguan TV di sebelah selatan Malaysia, khususnya Negeri Johor. Maka dengan sebab itu, peminat-peminat TV ini mengalihkan siarannya

kepada TV Singapura, tidak berminat kepada TV Malaysia dengan sebab ada gangguan. Apakah langkah dibuat dalam masaalah ini.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar gangguan-gangguan ini berlaku di mana sahaja samada kawasan utara atau kawasan selatan dan sentiasa apabila selepas sahaja gangguan itu berlaku Juruhebah kita mengumumkan meminta maaf. Kita terpaksa meminta maaf oleh kerana gangguan berlaku daripada jam sekian, katalah, dari pukul 8.35 hingga pukul 8.40. Ini adalah disebabkan kegendalaan yang tidak disengajakan dan kesalkan. Jadi keadaan-keadaan seperti itu kita sedar berlaku. Masalah orang-orang di selatan menuntun siaran TV negeri bersempadan adalah menjadi kebiasaan mana-mana negara juga.

PENUNGGANG BASIKAL

3. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa memandangkan bahaya keselamatan jalanraya kepada orangramai yang dilakukan oleh penunggang-penunggang basikal yang menggunakan jalanraya pada waktu malam tanpa sebarang cahaya (lampu) yang betul dan bahawa kelemahan dan perasaan tidak peduli oleh pihak polis dan penguasa tempatan untuk melaksanakan undang-undang kecil tentang cahaya (lampu) yang betul ke atas basikal-basikal yang digunakan pada waktu malam, bolehkah Menteri mengambil langkah-langkah yang patut dan efektif untuk mengatasi hal ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa banyak daripada penunggang-penunggang basikal di waktu malam tidak memasang lampu mereka. Perbuatan mereka itu sangat merbahaya kepada diri mereka sendiri.

Undang-undang telah melarang bagi seseorang itu apabila menunggang basikalnya di waktu malam tanpa memasang lampu putih di hadapan dan lampu merah di belakang dan ianya boleh didenda sehingga \$500 atau dipenjarakan selama 3 bulan jika tidak mematuhi undang-undang tersebut.

Dari segi menjalankan kuatkuasa, saya telah difahamkan bahawa pihak polis dengan

sedaya-upaya telah mengambil tindakan ke atas penunggang-penunggang basikal yang tidak mematuhi undang-undang lalulintas. Satu gerakan khas yang dipanggil "Gerakan Bilis" selalu diadakan oleh Ibu Pejabat-pejabat Daerah, Balai-balai Polis bersaing dengan lain-lain gerakan lalulintas untuk menentukan penunggang-penunggang basikal sentiasa mematuhi undang-undang lalulintas. Disamping itu polis juga selalu memberi amaran tentang gerakan tersebut melalui mass media-mass media tempatan.

Langkah-langkah lain bagi mengatasi masalah keselamatan jalanraya terhadap penunggang-penunggang basikal itu juga diambil melalui kempen keselamatan jalanraya yang diadakan dengan memberi nasihat melalui risalah-risalah buku-buku kecil, tayangan filem dan lain-lain kegiatan lagi. Pihak sekolah juga telah diminta untuk memberi kerjasama supaya memeriksa basikal kepunyaan murid-murid bagi menentukan ianya berada di dalam keadaan baik dan selamat.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyeru kepada penunggang-penunggang basikal yang berkenaan supaya mematuhi undang-undang jalanraya yang diadakan itu untuk keselamatan diri mereka sendiri. Tiada langkah-langkah lain yang lebih berkesan yang boleh difikirkan selagi penunggang-penunggang basikal itu sendiri mengambil sikap tidak peduli terhadap undang-undang yang ada bagi melindungi keselamatan diri mereka di jalanraya. Bukanlah menjadi suatu kesukaran ataupun masalah bagi penunggang-penunggang basikal untuk melengkapkan basikal mereka dengan lampu-lampu yang diperlukan. Penunggang-penunggang basikal mestilah sedar betapa pentingnya lampu-lampu ini dimana disamping memberi kemudahan kepada mereka pada waktu malam juga boleh mengelakkan dari berlakunya kemalangan jalanraya yang boleh mengakibatkan kecederaan dan kehilangan jiwa raga.

IBUSAWAT TALIPON OTOMATIK DI ALOR STAR

4. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang kesusahan membuat panggilan talipon di Kedah sekarang ini terutama di waktu pagi dan untuk membuat panggilan jauh ke Kuala Lumpur memakan masa antara 3-4 jam, dan jika ya

samada Kementerian akan memperbaiki sistem talipon sekarang ini dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu tidak menerangkan dengan tepat, dari manakah berlakunya panggilan-panggilan talipon ke Kuala Lumpur yang mengambil masa antara 3-4 jam pada waktu pagi. Oleh sebab Alor Setar ialah bandar yang terbesar di Negeri Kedah, saya anggap tentulah kesulitan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dialami di Alor Setar.

Oleh kerana ibusawat talipon otomatik di Alor Setar yang bermuatan 3,000 talian itu telahpun penuh, nada dial terdapat lambat sedikit apabila pengguna-pengguna talipon mengangkat gagang sebelum mendail, tetapi sebaik sahaja nada dial didapati, panggilan-panggilan tempatan dan juga panggilan-panggilan luar daripada Alor Setar termasuk ke Kuala Lumpur boleh didapati dengan agak cepat dan senang yang mana pada biasanya tidak mengambil masa sampai 3-4 jam. Kelambatan begitu boleh dialami jika saluran gelombang mikero (microwave) daripada Alor Setar ke Pulau Pinang terganggu. Mengikut rekod-rekod di Jabatan Talikom, daripada bulan Oktober, 1976 hingga sekarang telah berlaku tiga kerosakan gelombang mikero dan boleh jadi gangguan pada panggilan talipon yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dialami selepas kerosakan gelombang mikero itu telah dibaiki, di mana ibusawat talipon di Alor Setar akan menjadi sesak dengan panggilan-panggilan yang telah bertambah.

Walau bagaimanapun, oleh sebab muatan ibusawat Alor Setar perlu ditambah, Jabatan Talikom pada masa ini sedang membina alat-alat yang perlu untuk menambah 7,000 talian lagi dan, apabila siap, ibusawat tersebut akan bermuatan 10,000 talian. Kerja-kerja pemasangan dan pembinaan ibusawat tambahan ini dijangka siap pada penghujung tahun ini dan selepas itu, perkhidmatan talipon di bandar tersebut akan bertambah baik lagi.

RANCANGAN PERUMAHAN HARGA RENDAH

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilakah beliau akan mulai melaksanakan rancangan-rancangan perumahan

harga rendah di bandar-bandar dan di luar bandar dalam Negeri Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah sudah dan sedang dilaksanakan di bandar-bandar dan di luar bandar dalam Negeri Melaka. Kini di samping 4 projek yang menjadi sambungan kepada Rancangan Malaysia Kedua ada 11 projek yang di dalam berbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan.

BEKALAN AIR DAN LETRIK DI KAWASAN PERUMAHAN HARAM

6. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai atau diperolehi dengan peruntukan bekalan air dan letrik di kawasan-kawasan perumahan haram yang telah lama ada di Wilayah Persekutuan, terutama sekali cadangan untuk mendirikan rumah-rumah yang tidak mencukupi untuk mereka.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, banyak kemajuan telah dicapai di dalam pemberian kemudahan-kemudahan asas pada kawasan-kawasan setinggan yang lama di Wilayah Persekutuan. Kemudahan-kemudahan asas ini terutamanya bekalan air dan letrik telah dapat memberikan keselesaan dan kesenangan hidup kepada setengah penduduk-penduduk tersebut. Boleh dikatakan setakat ini kebanyakan kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan telahpun mempunyai bekalan paip-paip umum.

Berhubung dengan bekalan letrik pula kajian yang rapi perlulah dijalankan ke atas sesuatu tanah kawasan sebelum ianya dibekalkan dengan letrik dan ini juga bergantung samada bekalan letrik boleh mencukupi untuk kawasan yang berkenaan.

Berkenaan dengan rumah-rumah murah sentiasa dibina oleh Dewan Bandaraya menurut kemampuannya dari masa ke semasa untuk mengatasi kesulitan rumah-rumah di Wilayah Persekutuan bagi mereka yang berpendapatan seluruhnya, yakni bukan untuk setinggan-setinggan sahaja.

NELAYAN PUKAT TUNDA

7. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa akibat dari penahanan 70% daripada bot-bot ikan tak berlesen di Kuala Sanglang, Perlis, oleh pihak Polis Laut telah menyebabkan kehilangan mata pencarian bagi kaum nelayan di tempat itu, dan jika ya, adakah Kerajaan akan menimbang untuk melonggar syarat-syarat menangkap ikan dan memberikan kemudahan-kemudahan kepada kaum nelayan untuk mendapatkan lesen menangkap ikan memandangkan kepada kekurangan bekalan ikan pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, jika maksud soalan Yang Berhormat ini lesen pukat tunda, sukalah saya memberi penjelasan iaitu adalah diketahui bahawa pukat tunda di kawasan tepi pantai memang merosakkan sumber ikan. Tambahan pula di Semenanjung Malaysia, lesen pukat tunda di kawasan di tepi pantai adalah terlalu banyak. Oleh itu, Kementerian Pertanian memutuskan lesen-lesen baru tidaklah lagi akan dikeluarkan bagi kawasan daripada tepi pantai sehingga 12 batu. Kalau nelayan-nelayan pukat tunda yang tidak berlesen hendak terus menjalankan tangkapan ikan dengan pukat tunda, maka mereka bolehlah memohon lesen-lesen yang akan dipertimbangkan bagi kawasan-kawasan selepas 12 batu. Kalau mereka hendak menangkap ikan di kawasan di bawah 12 batu, maka mereka boleh memohon lesen bagi lain-lain jenis pukat yang boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Pertanian seperti pukat hanyut, pukat udang, pukat kisa, pukat dalam dan juga lain-lain pukat. Bahkan Kerajaan boleh menimbangkan subsidi dalam berbagai bentuk yang disediakan oleh Kementerian.

GURU SISWAZAH DI LUAR BANDAR

8. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian di masa-masa yang akan datang dapat menempatkan lebih ramai guru-guru siswazah ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar seimbang dengan sekolah-sekolah di dalam bandar. Ini memandangkan kemudahan-kemudahan juga situasi-situasi di luar bandar adalah terlalu terhad dan dengan ramainya

guru-guru golongan ini akan membantu murid-murid yang serba kekurangan ini dalam pelajaran mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menempatkan lebih ramai lagi guru-guru siswazah di kawasan-kawasan luar bandar. Bilangan guru-guru siswazah yang ditempatkan di kawasan luar bandar itu sebagaimana yang dapat dilihat telah meningkat dalam tempoh beberapa tahun yang lalu. Di samping itu harus juga diingatkan bahawa penuntut dari kawasan luar bandar ramai terlibat dalam penempatan di sekolah-sekolah khas seperti Sekolah-sekolah Menengah Sains, Sekolah-sekolah Utama (Premier School) dan juga sekolah-sekolah Berasrama Penuh, yang mana ini bermakna penuntut dari luar bandar mendapat guru yang berijazah sama seperti mereka dalam bandar.

TANAMAN SEMULA PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

9. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan berapa luas kawasan tanaman nenas, tanaman kelapa yang patut ditanam semula dan jumlah pada kedua-duanya itu dan apa kemudahan yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan yang patut ditanam semula ialah:

(a) Nenas	18,000	ekar
(b) Kelapa	37,000	ekar
Jumlah	55,000	ekar

Kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil yang menyertai rancangan tanaman semula ini selain daripada kemudahan-kemudahan khidmat nasihat daripada Pegawai-pegawai Pertanian, bantuan matabenda dan juga kewangan adalah diberikan, iaitu nenas bantuan yang berupa matabenda dan wang tunai berjumlah bernilai \$600 seekar dan bantuan tanaman kelapa bantuan yang berupa matabenda dan wang tunai berjumlah bernilai \$900 seekar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian baru sebentar tadi jumlah ekar tanaman kelapa dan nenas yang akan dilaksanakan dalam negeri ini, saya cuma ingin hendak mengetahui dengan luasnya iaitu apa langkah Kementerian ini bagi mengawal harga nenas dan harga kelapa supaya dapat seimbang dengan bahan-bahan pertanian yang lain?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal hasil pengeluaran kawalan harga ini adalah bergantung dengan keadaan pasaran pada hari ini tetapi pada hari ini soal kelapa memuaskan, nenas juga dalam keadaan yang memuaskan, tetapi untuk memberi jaminan yang tertentu tidak akan turun ini susah untuk dibuat oleh Kementerian ini. Hanya apa yang boleh kita buat bagi meninggikan taraf hidup petani-petani ialah bagi meninggikan lagi hasil pengeluaran. Kalau biasanya kurang pengeluarannya ditambah lagi dengan benih-benih yang baru dan mutu keluaran yang lebih banyak daripada masa-masa yang lampau.

HUKUMAN MATI MENGGUNAKAN SENJATAPI

10. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa ramaikah orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman mati kerana menggunakan senjata secara haram dan berapa banyak lagi kes-kes serupa itu yang masih menunggu untuk dibicarakan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1975 hingga bulan Februari tahun ini seramai 366 orang telah ditangkap kerana memiliki atau menggunakan senjata secara haram. Antara mereka itu 15 orang telah dihukum gantung iaitu 11 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan 4 orang di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat). 5 orang di penjara seumur hidup di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat). 72 orang dijatuhkan hukuman antara ikat jamin hingga penjara selama 10 tahun serta rotan. 40 orang telah dilepaskan kerana kekurangan keterangan manakala kes-kes terhadap 234 orang masih belum selesai pada ketika ini.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Cuma saya hendak bertanya di sini yang lagi 234 yang belum dihukum ataupun

belum dibicarakan ini bolehkah saya mendapat tahu sebab-sebab dan adakah boleh perkara ini diatasi atau tidak?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telahpun dijawab di Dewan ini beberapa kali tetapi bagi meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua saya perlulah menerangkan iaitu ada berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh pihak Mahkamah dan juga pihak-pihak penguatkuasa Undang-undang dalam menjalankan sesuatu kes di bawah kedua-dua kesalahan di bawah Akta yang berkenaan. Di antaranya ialah beban-tugas yang dialami oleh Mahkamah pada masa ini dan juga keterangan-keterangan yang lebih lengkap yang diperlukan oleh pihak-pihak pendakwa dari pihak penguatkuasa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak soal bentuk itu juga tetapi saya mendapat satu ilham lain untuk soalan tambahan ini. Bagaimana pandangan Kementerian ini sejak kuatkuasa Undang-undang menjatuhkan hukuman mati kepada mereka yang terlibat sebagaimana yang disebutkan dalam soalan ini, samada keadaan jenayah dalam negeri kita ini menurun ataupun meninggi balik?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, angka yang tepat tidak ada pada saya untuk menyakinkan kenyataan untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, tetapi dari segi pandangan umum dapatlah dikatakan iaitu nisbah jenayah di negara pada masa ini tidaklah seburuk daripada apa yang dijangka oleh setengah-setengah pihak malahan di setengah-setengah peringkat dan jenis penjenayah itu ada nampak turunnya dengan nyata.

BEKALAN KAYU BALAK

11. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha atau rancangan yang patut dibuat bagi menghilangkan rasa takut negara ini berkenaan habisnya bekalan kayu balak dalam tempoh 28 tahun akan datang, ini telah dibentangkan dalam akhbar 29hb Mac, 1977. Adakah Kerajaan Pusat akan mengurangkan pengeluarannya atau menghadkan luas hutan yang diusahakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator berita yang disiarkan dalam akhbar pada 29hb Mac, 1977 itu telah berbangkit daripada percakapan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kepada pemberita-pemberita selepas Yang Berhormat Menteri mengahadiri satu mesyuarat dengan pegawai-pegawai perhutanan negeri-negeri baru-baru ini.

Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahayanya besar yang kita akan kehabisan khazanah hutan dalam tempoh 28 tahun yang akan datang melainkan kita semua sedar dan mengambil langkah-langkah yang sesuai dari sekarang untuk mengelakkan keadaan ini. Walaupun begitu, bukanlah tujuan Kementerian saya untuk mengesyorkan supaya kita mengurangkan pengeluaran kayu balak sekarang. Sebenarnya khazanah hutan kita bukan saja boleh menampung kehendak-kehendak sekarang malah boleh meningkatkan lagi pengeluarannya di masa hadapan dengan syarat exploitasi dan pengurusan kawasan-kawasan perhutanan ini patutlah dijalankan dengan teratur untuk mendapatkan hasil yang maksima dan mengelakkan pembuangan yang sia-sia. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pengeluaran lesen membalak, permit serta pengurusan perhutanan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan juga bagi menyelaraskan dasar-dasar itu melalui Majlis Perhutanan Negara.

Dalam hal ini satu perkara yang penting ialah penubuhan ladang perhutanan kekal, dan sekiranya semua Kerajaan-kerajaan Negeri dapat bersetuju mengadakan satu dasar perhutanan bagi pembangunan perhutanan mungkin kita dapat mengelakkan keadaan akan habisnya hutan dalam tempoh 28 tahun itu. Perkhidmatan perhutanan yang cekap dan nasihat teknikal dan kepakaran oleh Jabatan Perhutanan patutlah digunakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dalam segi menentukan keluasan yang patut dibuka dan pengurusan kawasan-kawasan dalam bidang pengeluaran dan penggunaan kayu-kayu itu. Perkara yang sama penting ialah pemulihan semula hutan (regeneration) dan menghutan semula (reafforestation) secara berkesan bagi kawasan-kawasan yang telah dibalak supaya mutu kanzah hutan boleh dimajukan lagi di

masa hadapan bagi mencapai jenis kayu-kayan "commercial" yang lebih seragam dan mengeluarkan hasil yang lebih banyak dalam seekar.

Di samping usaha-usaha Kerajaan ini, pihak perindustrian juga patutlah meningkatkan kecekapan mengeksploitasi dan memproses kayu-kayan yang dikeluarkan dari hutan-hutan di negara kita. Mereka patutlah juga mencari jalan untuk menggunakan kayu yang tidak berapa besar serta jenis kayu yang kurang popular sekarang. Ini akan melebihi jumlah kayu-kayan yang boleh digunakan serta memanjangkan usia khazanah hutan kita untuk generasi akan datang.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan bahawa Kerajaan Pusat telah berusaha untuk mendapat persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengendalikan masalah pembahagian kawasan-kawasan balak ini di masa yang lalu. Saya mohon bertanya sejauh manakah hasil daripada percakapan ataupun ucapan yang dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama itu sekarang ini, sejauh manakah tujuan yang telah dicapai di antara Kerajaan-kerajaan Negeri?

Soalan yang kedua, adakah pihak Kementerian sedang membuat satu peraturan-peraturan yang comprehensive, peraturan-peraturan yang menyeluruh bagi menyempurnakan kehendak-kehendak pembahagian kayu-kayan di negeri ini?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu dasar perhutanan negara yang diluluskan oleh Jumaah Menteri pada tahun 1976 akan dibentangkan kepada Majlis Perhutanan Negara dalam mesyuarat akan datang yang dijangka pada bulan Julai tahun ini, dan saya yakin bahawa dalam mesyuarat ini persetujuan dapat dicapai di antara Kerajaan Negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan satu dasar perhutanan negara.

Bagi menjawab soalan yang kedua, apakah tindakan yang telah atau sedang diambil oleh Kementerian untuk mengadakan satu dasar yang comprehensive untuk melindungi hutan. Pada masa sekarang ada satu dasar perhutanan yang dinamakan dasar interim yang mana dalam dasar itu ada beberapa tujuan. Di dalam tujuan itu ada

mempunyai satu dasar di mana hutan-hutan itu akan diurus dengan teratur supaya hutan itu tidak dapat dibalakkan, seperti yang saya kata dalam jawapan saya tadi dan dengan persetujuan yang dicapai dalam Majlis Perhutanan Negara, dasar ini boleh dijalankan dengan lebih sempurna dan licin.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Memandangkan kepada kemungkinan bahawa kayu-kayu balak ini memanglah dari satu masa ke satu masa akan berkurangan, jadi saya ingin mengetahui adakah Kementerian ini membuat perkiraan untuk mengharamkan terus pengekspotan kayu-kayu balak ini keluar negeri. Sebab sekarang ini sebagaimana yang kita ketahui kebanyakan kayu-kayu ini sebahagian besarnya diekspot ke Singapura. Apabila kayu-kayu ini sampai ke tempatnya diproses, maka setelah diproses kayu (sawn timber) ini dijual keluar negeri sedangkan proses ini sepatutnya dijalankan dalam negeri kita sendiri. Jadi kalau diharamkan terus ekspot ini mungkin barangkali kalau 28 tahun yang dijangka sekarang boleh jadi 38 tahun.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perhutanan semula (reafforestation) dijalankan. Saya ingin mengatahui setakat ini berapa banyakkah yang telah dijalankan menanam semula di negeri-negeri, dan yang satu lagi berapa lamakah umurnya dari masa ditanam semula sehingga boleh didapati hasilnya.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, Kementerian saya memang sedar bahawa kalau kita menggalakkan kayu-kayan dalam bentuk balak dikeluarkan dari negara kita ini, kehilangan yang dialami oleh negara ialah satu, kita tidak boleh usahakan supaya kayu balak itu dijadikan kayu gergaji, plywood dan sebagainya yang mana boleh mengwujudkan ramai pekerja-pekerja di negara kita ini. Dengan sebab itu mengikut dasarnya Kementerian saya telah menghalangkan ekspot kayu balak lebih daripada 18 inci diameter dan ada juga jenis tertentu yang dihalang keluar daripada negara kita ini.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua berkenaan dengan reafforestation, saya tidak dapat mengetahui dengan tepat berapa kali ditanam semula, tetapi kalau boleh diberi notis, saya boleh menjawab soalan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangsi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mana di dalam tempoh 28 tahun bekalan kayu balak akan habis. Saya berasa sangsi sangat di atas perkara ini oleh kerana kita ada mempunyai Forest Reserve yang tidak boleh dipotong dan ditebang langsung dan tanah hutan (forest) yang dibuat rancangan luar bandar dan sebagainya adalah State Land Forest bukannya Forest Reserve. Jadi, adakah bermakna pada hari yang akan datang seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan segala Forest Reserve dalam negeri ini akan dipotong dan dibuat rancangan-rancangan luar bandar, oleh kerana mengikut jawapan kepada soalan ini di dalam tempoh 28 tahun balak tidak akan dikeluarkan lagi dalam negeri kita ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa Forest Reserve yang masih ada di Semenanjung Malaysia kita ini ada disimpan dan ini bukan sahaja dijadikan sebagai reserve yang mana pada masa hadapan kita boleh menguruskan kayu balak itu. Tetapi ini juga dikekalkan supaya kita boleh menjamin keselamatan iklim, alam sekitar, kestabilan tanah dan sebagainya, maka apa yang dikatakan Forest Reserve itu kita harap Kerajaan Negeri-negeri itu boleh simpan untuk tujuan yang saya katakan tadi. Kementerian saya adalah kewajiban untuk menyelaras dan menyelenggarakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Forest Reserve itu jangan diusahakan dengan sia-sia sahaja dan seperti saya katakan tadi kepakaran pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan patutlah digunakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri supaya ini dapat dielakkan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Forest Reserve ini adalah untuk simpan air dan sebagainya, tidak boleh diambil balaknya. Saya ingat pada hari ini juga kalau tidak ada hasil daripada Forest Reserve, kayu-kayu balak ini tidak ada langsung dalam negeri kita. Dengan sebab itu saya hendak bertanya perkara yang sebenar-benarnya, adakah atau tidak kayu balak dikeluarkan daripada Forest Reserve ini oleh kerana daripada Forest Reserve inilah kayu balak banyak dikeluarkan daripada negara kita ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui Forest Reserve itu disimpan, tetapi dari semasa ke semasa Kerajaan Negeri ada membuat cadangan untuk menggunakan sebahagian daripada Forest Reserve untuk mengurus kayu balak. Tetapi pada pandangan Kementerian saya ini, mengikut pengetahuan pakar-pakar dari Pejabat Perhutanan ini, kita hendak kurangkan kayu balak yang dikeluarkan daripada Forest Reserve sebab kalau kita gunakan seperti saya katakan tadi akan mengakibatkan bahaya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang mengatakan 28 tahun lagi balak-balak di negeri kita akan habis, jadi menyebabkan pelaburan balak dan pelaburan kayu-kayan yang hendak menanam modal di sini tidak begitu giat kerana hari hadapan dan perusahaannya sudah mulai nampak kegelapan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan apakah jalannya supaya menarik balik pandangan mereka itu agar mereka melaburkan modal perniagaannya dengan lebih giat lagi.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak sedar bahawa selepas Menteri Perusahaan Utama membuat ucapan pada bulan Mac tahun ini sudah ada kekurangan dalam penanaman modal dalam perusahaan kayu-kayan. Tetapi mengikut penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama itu beliau tidak bersetuju dengan kadar pembukaan hutan yang tidak teratur. Oleh yang demikian Kementerian saya menggalakkan satu dasar yang berintegrated supaya kita boleh dapat kayu gergaji, plywood dan juga boleh menggunakan kayu itu untuk membuat perabut-perabut dan sebagainya supaya dengan cara barang-barang itu dapat diekspot daripada negara kita ini, maka kita boleh mewujudkan pekerjaan kepada warganegara Malaysia.

PETRONAS—PERUSAHAAN PETROLIAM

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Perdana Menteri menyatakan samada PETRONAS bercadang membuka projek perusahaan petroliam di Perak dan jika ya sebutkan rupabentuk projek itu.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perusahaan-perusahaan yang berasaskan petroliaam seperti perusahaan-perusahaan penapis minyak (refinery), petrokimia dan baja urea adalah satu-satunya perusahaan yang memakan belanja yang besar. Oleh itu sebelumnya perusahaan-perusahaan itu dapat dijalankan kajian yang teliti mustahaklah diadakan.

Bagi maksud menjalankan kajian tersebut PETRONAS telahpun melantik sebuah firma pakar dari Jepun, iaitu C. Itoh, untuk membuat kajian dan menyediakan satu Pelan Induk mengenai perusahaan-perusahaan petroliaam di Negara ini. Pelan Induk ini di antara lain akan membuat pengesyoran-pengesyoran tentang perusahaan petroliaam yang patut diadakan di seluruh Malaysia. Pelan Induk ini adalah dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebelumnya Pelan Induk itu siap disediakan, tidak dapatlah saya mengatakan samada projek perusahaan petroliaam akan diadakan di Negeri Perak ataupun tidak.

HOSPITAL LADANG/SWASTA

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa jumlah permohonan daripada swasta untuk mendirikan hospital di Malaysia dan jumlah yang diluluskan, adakah terdapat penanaman modal pembinaan itu dari luar negeri dan apa kemudahan dan galakan yang dapat diberikan oleh Kementerian ini dalam projek tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada 73 buah Hospital-hospital Ladang yang ada sekarang ini sebanyak 16 buah adalah hospital-hospital swasta. Beberapa orang tempatan bercadang membina 2 buah lagi hospital baru seperti berikut:

1. Hospital Lee Yian Lian
Lot No. 1400 dan 1596
Mukim dan Daerah
Kuala Lumpur.
2. Dr Cheah Swee Fah
Specialist Hospital
No. 18 Jalan Perry
Kuala Lumpur.

Saya faham bahawa Persatuan Bulan Sabit Merah juga dalam proses mendapatkan wang derma untuk membina sebuah hospital yang mengandungi 150 katil yakni Hospital Bulan Sabit Merah yang berharga \$5 juta. Kementerian saya menggalakkan pembinaan hospital-hospital oleh pihak swasta kerana usaha ini akan membantu dan menggiatkan lagi usaha-usaha Kerajaan membekalkan rawatan perubatan yang bermutu tinggi kepada orang ramai. Sehingga ini belum ada penanaman modal dari luar negeri bagi membina hospital-hospital di negeri ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan Hospital Bulan Sabit Merah itu samada Kerajaan atau ejensi-ejensi Kerajaan yang mengusahakannya?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, ia ada satu persatuan yang bernama Persatuan Bulan Sabit Merah. Persatuan ini sedang berusaha dan berikhtiar mencari wang sebanyak \$5 juta untuk membina sebuah hospital yang akan mengandungi 150 buah katil.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Bila saya dengar Persatuan Bulan Sabit Merah ini akan mendirikan sebuah hospital dan ia akan mencari wang sebanyak \$5 juta, adakah ini ada kaitannya dengan Hospital Islam, seperti yang diura-urakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lain sangat. Hospital Islam itu lain sedangkan kepunyaan Persatuan Bulan Sabit Merah ini lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Yang Berhormat dan Kerajaan juga bercadang memberi inisiatif kepada PERKIM. Kerana sekarang ini PERKIM sudah mulai mengadakan Sekim Klinik Kehormat daripada doktor-doktor yang tidak mengenakan sebarang bayaran. Adakah Kerajaan bercadang meminta PERKIM mendirikan hospital dengan memberi kemudahan-kemudahan tanah dan sebagainya?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan bahawa Kementerian Kesihatan mempelawa dan menggalakkan sesiapa juga yang akan mendirikan hospital di dalam negara kita ini. Oleh kerana itu adalah memberi keringanan kepada Kementerian Kesihatan sendiri untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel.

SOALAN No. 14 DITARIK BALIK

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik soalan No. 14.

(Soalan No. 14 ditarik balik)

PEKERJA-PEKERJA DI BAWAH SEKIM SOCSO

15. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Undang-undang menyatakan samada ia bercadang meminda atau memansuhkan Seksyen 42 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Socso Act 1971) supaya pekerja-pekerja dapat membuat tuntutan di bawah Common Law di Mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang Pampasan Pekerja-pekerja 1952 oleh kerana peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1971 menyebabkan kesusahan yang tidak setimbal.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, soal samada peruntukan yang tertentu di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 perlu dipinda ataupun dimansuhkan sama sekali, untuk membolehkan pekerja-pekerja yang diberi perlindungan di bawah Akta tersebut untuk membuat tuntutan di bawah "Common Law", adalah merupakan satu perkara yang kompleks. Ianya telah menjadi bahan perbincangan bukan sahaja di peringkat negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Pihak-pihak yang menyokong keadaan sekarang ini di mana pekerja-pekerja tidak dapat membuat tuntutan di bawah Common Law dan hanya mendapat perlindungan di bawah Akta tersebut menganggap soal tuntutan di bawah Common Law ini tidaklah lojik, dan keputusan Mahkamah di atas kes-kes pula mungkin berbeza mengikut merit

satu-satu kes itu. Mereka juga mengatakan, dan ini kita memang dapat menerima, bahawa proses tuntutan di bawah Common Law itu memakan masa yang lama serta perbelanjaan yang besar dan, pada keseluruhannya, merupakan satu rintangan (impediment) kepada pemulihan pekerja yang tercedera itu. Kita harus memahami bahawa Sekim Sosial Security ini bukan sahaja ditujukan kepada pampasan untuk pekerja-pekerja yang tercedera itu untuk penggantian keupayaan mereka dalam pekerjaan dan dengan adanya kecederaan itu atau memberi pampasan kepada keluarga pekerja yang mati akibat kemalangan pekerjaan, tetapi juga untuk pemulihan keupayaan pekerja itu seberapa yang boleh. Tuntutan di bawah Common Law ini tidak mementingkan aspek ini dan ada kemungkinan bahawa pampasan yang diarahkan oleh Mahkamah tidak dibelanjakan oleh pekerja-pekerja untuk rawatan-rawatan pemulihan ini. Pihak-pihak ini juga menegaskan bahawa Sekim Socso di sini seperti Social Security di seluruh dunia diasaskan di atas konsep "pooling of risks" oleh semua majikan dan pekerja dan kerana itu tidaklah patut jika seseorang majikan dipaksa membayar pampasan di bawah Common Law, serta menyumbangkan setiap bulan terhadap perlindungan di bawah Akta Socso tersebut.

Sebaliknya pula mereka yang menggesa bahawa tuntutan di bawah Common Law di Mahkamah harus juga dibenarkan, berpendapat inilah hanya satu cara yang dapat memberikan pampasan yang sempurna iaitu pampasan yang lebih memuaskan dan dibayar sekali gus. Mereka juga mendakwa bahawa tindakan yang sedemikian akan memberi kesan bagi mencegah kecuaiian (negligence) oleh pihak majikan, kerana pampasan yang ditentukan di bawah Common Law itu mungkin mengandungi "elements of damages for negligence on the part of employers" dan pampasan untuk "inconvenience atau pain and injury dan lain-lain.

Kementerian saya adalah menyedari tentang pendapat-pendapat ini dan sedang membuat kajian semula yang menyeluruh bagi Akta Keselamatan Sosial itu, dengan bantuan seorang pakar dari ILO. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada juga terkandung di dalam

kajian tersebut. Saya suka juga di sini memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peluang yang cukup akan diberi kepada pihak-pihak pekerja dan majikan untuk mengkaji lapuran dan syor-syor pakar tersebut sebelum sesuatu keputusan diambil di atas perkara-perkara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kajian semula berhubung dengan sekim pampasan pekerja ini, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini menjelaskan bolehkah atau tidak dibuat satu pengesyoran kepada Perbendaharaan supaya tidak dikenakan Income Tax peruntukan pampasan ini.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu adalah soalan lain.

GERAKAN DAOYAI-MUSNAH

16. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan berhubung dengan perjanjian sempadan Malaysia/Thai yang telah ditandatangani baru-baru ini yang membolehkan anggota-anggota angkatan tentera Malaysia memasuki wilayah Thai untuk memudahkan mereka menjalankan gerakan Daoyai Musnah bersama-sama dengan anggota-anggota angkatan tentera Thai, sejauhmanakah dengan anggota-anggota angkatan tentera Thai, sejauhmanakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan kita semenjak gerakan tersebut dilancarkan dan bilangan kemalangan yang dialami oleh tentera kita dalam gerakan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab tentang kejayaan Gerakan DAOYAI-MUSNAH, ingin saya jelaskan bahawa perjanjian sempadan Malaysia/Thailand yang baru itu bukan bermaksud khususnya untuk memudahkan kedua-dua negara menjalankan Gerakan DAOYAI-MUSNAH sahaja. Perjanjian sempadan Malaysia/Thailand yang baru itu juga membolehkan Kerajaan kedua-dua negara mengambil langkah-langkah berkesan untuk bertindak ke atas pengganas-pengganas komunis dan anggota-anggota berkaitannya yang berada di sepanjang kawasan sempadan Malaysia/Thailand dan meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua negara dalam hal-hal kepentingan bersama yang berkaitan dengan perkara ini.

Siri Gerakan DAOYAI-MUSNAH yang pertamakalinya dilancarkan oleh angkatan tentera Malaysia dan Thailand di antara 14hb Febuari hingga 4hb Mac, 1977, dan yang keduanya pada 14hb Mac hingga 19hb April, 1977 adalah salah satu daripada kerjasama dan langkah-langkah untuk mencapai tujuan ini.

Tujuan utama gerakan-gerakan DAOYAI-MUSNAH I dan II dilancarkan oleh Angkatan Tentera kedua-dua negara ialah untuk memusnahkan tapak gerakan dan organisasi pengganas-pengganas komunis dan memutuskan tali perhubungan mereka di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand yang berkenaan.

Daripada lapuran-lapuran yang diterima adalah diketahui bahawa pasukan-pasukan keselamatan kedua-dua negara telah membunuh 45 orang pengganas-pengganas komunis, mencederakan 49 orang dan menangkap seorang daripada mereka.

Pasukan keselamatan telah juga menawan atau menjumpai:

- (i) 28 buah kemah pengganas komunis;
- (ii) 114 jerangkap samar;
- (iii) 1,048 lb Plastik Explosive, 693 butir detonators dan beberapa bahan-bahan letupan lain (perlu diingati bahawa 1 lb Plastik Explosive boleh digunakan dalam jerangkap samar yang boleh membunuh 5 orang);
- (iv) 8,430 butir peluru berbagai jenis;
- (v) Bahan-bahan makanan seperti beras 828 kati, padi 2 lori dan 15 guni, sardines 312 tin, ladang ternakan ayam dan kebun sayur, gula, garam, beras pulut dan kicap juga.
- (vi) Alat-alatan lain yang menggambarkan keteguhan kedudukan mereka di kem-kem berkenaan sehingga ini seperti:
 - (a) generator 2
 - (b) set Radio 1
 - (c) Minyak petrol 232 gelen
 - (d) Minyak disel 5 tong (44 gelen tiap-tiap satu tong)
 - (e) Radio transistor 1
 - (f) Tong 44 gelen yang kosong 15
 - (g) Papan 80 keping
 - (h) Dacing 1

- (i) Bahan-bahan bacaan 71 naskah dan risalah-risalah 1 guni
- (j) Alat-alat mengimbal (soldering equipment)
- (k) Atap zinc 200 keping; dan
- (l) 27 jenis alatan dan barang-barang yang lain.

Daripada butir-butir di atas, nyatalah Gerakan DAOYAI-MUSNAH I dan II telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk memusnahkan organisasi dan tali perhubungan penganas-penganas kominis ini di kawasan-kawasan di mana kedua-dua operasi ini dijalankan dan seterusnya melemahkan pertubuhan penganas kominis keseluruhannya. Gerakan-gerakan ini juga telah membuktikan keupayaan angkatan tentera dan pasukan keselamatan yang lain kepunyaan kedua-dua negara yang berdaulat ini menjalankan gerakan-gerakan bersama dengan berkesan dan berjaya walaupun masing-masing mempunyai latarbelakang yang berlainan.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat Senator itu, bilangan kemalangan yang dihadapi oleh tentera kita ialah 4 terbunuh dan 27 orang cedera.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Kita patut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan kepada tentera kita atas kejayaan gerakan DAOYAI-MUSNAH I dan II ini. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kejayaan gerakan DAOYAI-MUSNAH ini penganas kominis berpecah dua, ada yang ke Siam, ada yang turun ke negeri kita oleh sebab semua sarang-sarangnya, bengkel dan sebagainya telah dipecah-ganapkan, jadi sekarang ini mereka bertempiran. Adakah Kerajaan bercadang hendak membuat pengampunan pada waktu ini supaya orang yang lari itu boleh menyerah diri dan negara kita boleh dapat keamanan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya anggap soalan itu adalah berlainan daripada soalan asal iaitu tentang gerakan DAOYAI-MUSNAH, dan bukan tindakan ke atas penganas kominis yang lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat apa yang saya hendak tanya ini bukan soalan lain. Dalam

soal ini ada menyatakan iaitu perjanjian di antara Thailand dengan Malaysia berkenaan dengan right of hot pursuit. Di sini ada mengatakan, kita boleh masuk ke kawasanya dan diapun boleh masuk ke kawasan kita. Jika sekiranya sekarang kita bertempur dengan penganas kominis di sempadan, bolehkah atau tidak kita masuk ke sempadan Thailand dengan tidak diikuti oleh askar Thai dari belakang ataupun bersama-sama mereka.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan atas cara tindakan termasuklah sepertiimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu adalah terkandung di dalam perjanjian ini dan ini terserahlah kepada badan-badan yang berkenaan yang telahpun disetujukan dibentuk untuk menentukan apakah cara kerjasama bagi tiap-tiap operasi yang akan dijalankan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan atas barang-barang yang dapat dirampas samada barang makanan dan alat-alat lain seperti yang disebutkan tadi, bagi mengemukakan barang ini datang daripada Malaysia-kah atau datang daripada Thailand.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan hampir kesemuanya bahan-bahan yang telah dijumpai itu tidak ada chop ataupun penentuan samada ini asalnya daripada Thailand ataupun Malaysia. Oleh sebab itu apa yang penting dalam hal ini bukan penentuan dari mana asalnya tetapi penentuan atas kesan tindakan operasi itu sendiri. Setakat ini tidaklah boleh kita menentukan dari mana datangnya atau dibekalkan perkara-perkara yang dijumpai itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam satu-satu operasi itu, saya bersetuju di atas perkara ini. Tetapi dalam sesuatu pertempuran yang tidak di sangka-sangka di sempadan kita di antara askar kita dengan penganas kominis, bagaimana keadaannya jikalau penganas kominis ini masuk ke sempadan Siam, bolehkah atau tidak kita buru ke dalam sempadan Siam?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ada peruntukan-peruntukan seperti yang saya jawabkan tadi iaitu samada melalui General Border Committee ataupun committee yang lain iaitu Regional Border Committee dan juga mana badan-badan yang lain yang boleh dibentuk, oleh salah satu Jawatankuasa ini dan perkara ini akan dibentuk apabila didapati keperluan, umpamanya, sebelum mengadakan sebarang gerakan di kawasan sempadan, satu Jawatankuasa atau badan akan ditubuhkan dan badan yang mewakili dua pihak ini mempunyai kebebasan untuk membuat sebarang keputusan dengan serta-merta juga untuk melaksanakan segala perkara yang membolehkan tindakan Yang Berhormat Senator itu timbulkan tadi.

LESEN JUDI KASINO

17. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kewangan menerangkan samada beliau akan mengkaji semua lesen judi Kasino yang dibenarkan di Malaysia ini

Datuk Mansor bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui dari semenjak Kasino di Genting Highlands ini telah dibuka sehingga ke hari ini berapakah hasil cukai yang telah didapati oleh Kerajaan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada lazimnya soalan ini saya berkehendakkan notis, akan tetapi secara kebetulan sahaja, saya mempunyai sedikit butir-butir di sini dan eloklah saya berikan kepada Dewan yang mulia ini.

Tahun	Jumlah Hasil Yang Dipungut			Jumlah
	KASINO	KENO	CHIPS	
1971	\$ 452,700	—	—	\$ 452,700.00
1972	1,083,600	\$114,713.35	—	1,198,313.35
1973	1,353,600	203,205.30	—	1,556,805.30
1974	1,423,600	208,433.50	—	1,632,033.50
1975	1,463,600	172,582.25	\$2,827,745	4,646,927.25
1976	1,467,600	194,076.80	2,763,874	4,425,550.80

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh untuk soal-jawab selama satu jam sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

supaya menepati matlamat Pembangunan rohaniah seimbang dengan pembangunan lahiriah dalam negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu inginlah saya memaklumkan bahawa hanya satu sahaja lesen yang dikeluarkan bagi menguruskan judi Kasino di negara ini, Permohonan-permohonan bagi lesen judi Kasino lain telah diterima dari semasa ke semasa tetapi semuanya telah ditolak.

Sebenarnya lesen tunggal ini pun, mengikut dasar Kerajaan, dibaharui tiap-tiap tiga bulan. Ini dengan sendirinya adalah merupakan tindakan kajian semula lesen judi Kasino itu.

Dengan cara ini, dan dalam sebarang keadaan, kebimbangan yang dirasakan oleh Senator Yang Berhormat telah, sedang dan akan sentiasa diambil ingatan oleh Kementerian ini.

DASAR EKONOMI BARU

18. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah hasil kejayaan matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam pelaksanaannya setakat masa ini dan peratus matlamat yang baki lagi itu dapatkah dilaksanakan dalam tempoh yang baki lagi itu; kiranya matlamat itu tidak tercapai lagi apakah langkah yang akan dilaksanakan supaya matlamat 30% itu dapat dicapai.

Perdana Menteri: Dasar Ekonomi Baru adalah dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam jangka masa sepanjang 20 tahun dan melalui rancangan pembangunan lima tahun. Rancangan Malaysia Kedua merupakan peringkat pertama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu dan ianya diteruskan dengan Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilancarkan pada bulan Julai tahun 1976. Oleh yang demikian dan memandangkan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu meliputi berbagai-bagai bidang, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah mendapatkan butir-butir mengenai soalnya daripada Buku Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai prospek bagi mencapai matlamat 30% dalam tempoh hingga 1990, Kerajaan merasa bahawa dengan berkembangnya ekonomi negara kita matlamat 30% itu insyallah akan tercapai.

GURU PERDAGANGAN DI LUAR BANDAR

19. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian akan menghantar lebih ramai guru-guru perdagangan ke sekolah-sekolah di luar bandar oleh kerana murid-murid di luar bandar terlalu jahil tentang ilmu dan amalan perdagangan.

Tuan Chan Siang Sun: Sebenarnya Kementerian Pelajaran baru sahaja mengkaji kemungkinan menghantar lebih ramai guru-guru perdagangan ke kawasan-kawasan luar bandar. Masalahnya ialah kekurangan guru perdagangan di waktu ini. Apabila sahaja mereka dapat dilatih Kerajaan akan menempatkan mereka di kawasan luar bandar seperti dikehendaki.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL GETAH

20. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk memajukan kebun getah kecil berkelompok yang jauh di pedalaman yang telah tidak berekonomik kerana pokoknya telah tua dan kemudahan tidak ada seperti yang telah dirungutkan oleh penduduk di Daerah Kampong Gajah Perak baru-baru ini.

Tuan Lew Sip Hon: Bagi mengatasi keadaan pokok-pokok yang tidak berekonomik pekebun-pekebun kecil getah boleh memohon bantuan tanaman semula secara bersendirian yang diuruskan oleh Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Jika ada terdapat kebun-kebun kecil getah tersebut yang berkelompok atau yang berdekatan antara satu dengan lain, maka pekebun-pekebun kecil boleh juga bermohon dengan RISDA bantuan tanaman semula secara berkelompok.

Selain daripada itu RISDA juga ada memberi bantuan untuk menanam baru kebun-kebun getah yang tidak berekonomik itu. Dalam hal ini pekebun-pekebun kecil getah yang mempunyai kebun getah seluas 7 ekar dan ke bawah sebelum 31hb Disember, 1970 boleh menanam baru pokok getah di atas tanah baru mereka di kawasan yang lain dengan diberi bantuan maksima 5 ekar mengikut Rancangan Tanaman Semula/Baru RISDA yang berjalan pada masa ini.

Pihak RISDA ada juga memberi bantuan bagi pekebun-pekebun kecil yang berkenaan menanam tanaman kontan untuk menampung pendapatan mereka sementara menanti pokok-pokok mengeluarkan hasil setelah kebun-kebun tersebut ditanam semula atau baru.

Bagi kawasan-kawasan di pedalaman di mana tidak ada jalanraya atau lain-lain kemudahan "infrastructure" RISDA mengikut Aktanya tidak boleh menggunakan wangnya untuk membina jalan-jalanraya. Walau bagaimanapun, RISDA akan sentiasa mengadakan rundingan dengan Jawatankuasa Pembangunan Luarbandar di daerah itu supaya pihak yang berkenaan dapat mengadakan jalanraya dan lain-lain lagi kemudahan "infrastructure" tersebut. Ini adalah kerana RISDA ada mempunyai wakilnya di dalam Jawatankuasa Pembangunan Luarbandar baik di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah.

KEWANGAN PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN

21. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-setengah majlis tempatan di Perak tidak mampu membayar gaji buruh-buruhnya selama beberapa bulan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu majlis-majlis tempatan mengatasi masalah kewangan mereka.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya sedar bahawa kebanyakan penguasa-penguasa tempatan dalam Negeri Perak dan begitu juga seluruh Malaysia amatlah dhaif dalam kedudukan kewangannya. Kerajaan telah membuat satu dasar baru serta menganunkan Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 supaya semua penguasa-penguasa tempatan dalam Negara kita disusun semula untuk menjadikannya kepada 2 jenis penguasa tempatan yakni Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah yang terbesar dan viable. Selagi penguasa-penguasa tempatan itu tidak disusun semula mengikut dasar Kerajaan yang baru maka selama itulah penguasa-penguasa tempatan itu tinggal dhaif dalam kedudukan kewangannya.

Walaupun demikian Kerajaan Pusat telah melantik satu Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji pembahagian hasil-hasil negara kepada penguasa-penguasa tempatan dan laporan Jawatankuasa ini adalah dijangka dikemukakan kepada Kabinet untuk timbangannya dalam beberapa minggu lagi. Saya percaya Kerajaan akan memberi bantuan kewangan dan lain-lain bantuan kepada penguasa-penguasa tempatan sejajar dengan dasar penyusunan semula itu.

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA DALAM JAWATANKUASA BADAN-BADAN KERAJAAN

22. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa pada masa sekarang hanya Ahli-ahli Dewan Negara

yang dipilih oleh berbagai-bagai Kerajaan-kerajaan Negeri sahaja yang dipilih untuk berada di dalam berbagai-bagai jawatankuasa atau badan Kerajaan sementara mereka yang telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak diberi peluang yang sama, apakah rancangan-rancangan yang akan diambil pada masa hadapan untuk mengadakan hubungan yang baik di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia.

Perdana Menteri: Yang saya tahu, ada juga negeri-negeri yang telah memilih Ahli-ahli Dewan Negara, yang telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menjadi ahli-ahli di dalam jawatankuasa-jawatankuasa dan badan-badan Kerajaan Negeri. Ada juga negeri-neger yang tidak berbuat demikian.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, perkara seumpama ini adalah di dalam kekuasaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya akan menyampaikan perkara ini ke pengetahuan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mendapatkan kerjasama dan pertimbangan mereka.

PENGEDAR DADAH

23. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa ramaikah pengedar-pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah dan berapa banyak lagi kes-kes serupa itu yang masih menunggu untuk dibicarakan.

Tuan Rais Yatim: Sehingga ini hanya seorang sahaja pengedar dadah yang telah dihukum mati sementara 7 orang yang lain telah dihukum penjara seumur hidup dan disebat dengan rotan. Setakat ini 62 orang lain sedang menunggu untuk dibicarakan di bawah Seksyen 39 (B) Ordinan Dadah Berbahaya dalam mana jika mereka didapati bersalah, mereka boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup dan disebat dengan rotan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang telah dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang telah dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Bank Simpanan Nasional, 1974", dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu mengenai kandungan lembaga pengarah Bank Simpanan Nasional dan untuk memperkenalkan satu

skim simpanan baharu yang dinamakan Sijil Simpanan Premium (Premium Savings Certificate).

Mengikut seksyen 6 (2), Akta Bank Simpanan Nasional, 1974 bilangan ahli lembaga pengarah Bank tersebut ialah 6 orang. Dua orang daripada ahli lembaga itu dilantik mengikut seksyen 6 (2) (d), yang memperuntukkan perlantikan tidak lebih dari 2 orang yang berpengalaman dalam bidang-bidang bank, perniagaan dan perusahaan. Seksyen 8 (5) (d), pula memperuntukkan pengarah-pengarah atau pegawai bergaji dengan mana-mana bank yang ditubuhkan di bawah Akta Bank, 1973, atau syarikat-syarikat meminjam yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Meminjam 1969 tidak boleh dilantik menjadi ahli lembaga Bank.

Tujuan asal peruntukan seksyen 8 (5) (d) di dalam Akta ini ialah untuk memastikan tidak berlakunya pertentangan kepentingan (conflict of interest) dengan pengurusan bank-bank atau syarikat meminjam di negara ini. Memandangkan pada masa sekarang ini kebanyakan orang-orang yang berpengalaman di bidang bank mempunyai hubungan dengan bank atau syarikat meminjam, adalah perlu supaya Menteri Kewangan dapat menggunakan budibicaranya melantik orang-orang seumpama ini asalkan perlantikan tersebut akan dapat memberi lebih banyak menafaatkan kepada Bank Simpanan Nasional dan mereka yang dilantik menentukan tidak ada pertentangan kepentingan tersebut. Setelah ditimbang dengan teliti, seksyen 8 (5) (d) ini dibatalkan. Ini ialah seperti Fasal 5, Rang Undang-undang.

Bilangan pengarah yang boleh dilantik di bawah seksyen 6 (2) (d), ditambah dari tidak lebih dari 2 orang kepada tidak lebih dari 4 orang, untuk membolehkan calon-calon lain, misalnya dari Sabah dan Sarawak untuk dilantik, seperti Fasal 4, Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 2, 3 dan 6, Rang Undang-undang adalah untuk membolehkan Bank Simpanan Nasional memperkenalkan satu skim simpanan yang dinamakan Sijil Simpanan Premium (Premium Savings Certificate). Kerajaan berharap dengan adanya skim baharu ini orang ramai akan menyimpan lebih banyak dalam Bank Simpanan Nasional Skim seumpama ini yang dijalankan di United Kingdom telah menunjukkan kejayaan menarik lebih banyak simpanan dari orang

awam. Di bawah skim ini Bank Simpanan Nasional mengeluarkan Sijil-sijil Simpanan untuk dijual kepada orang ramai. Sijil-sijil seumpama ini boleh ditebus bila-bila masa dan bayaran semula adalah dijamin. Bayaran faedah tidak akan dibuat bagi simpanan di bawah skim ini dan Bank Simpanan Nasional akan menyediakan bayaran-bayaran bonus dari masa ke semasa mengikut cara-cara yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.41 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini. Saya menyokong oleh kerana Bank Simpanan Nasional ini adalah bank rakyat iaitu di mana rakyat boleh menyimpan wang walaupun satu atau dua ringgit mereka boleh menyimpan dan menyimpan bila-bila masa oleh kerana bank ini letaknya jauh di kampung-kampung di mana tidak ada bank-bank yang lain melainkan Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak memberikan syor-syor supaya jikalau syor saya ini boleh difikirkan baik untuk dijadikan satu panduan iaitu oleh kerana namanya pun adalah Bank Simpanan Nasional, maka Bank Simpanan Nasional ini jangan seperti Bank Negara, kerana Bank Negara juga Bank Nasional dan nasional ini maknanya negara juga, sebab itu dikatakan Bank Simpanan Nasional. Maka di sini saya berkehendakan supaya Bank Simpanan Nasional ini satu resit, tetapi pada masa yang akan datang Bank Simpanan Nasional ini apabila mengeluarkan cek-cek sepertimana yang dikeluarkan oleh bank-bank lain oleh kerana Bank Simpanan Nasional ini adalah satu bank yang kalau betul-betul menjadi satu bank yang besar sekali di seluruh Malaysia dan kalau betul-betul dijalankan boleh menyimpan atau menampung wang rakyat di seluruh Malaysia dengan banyak sekali. Saya harap Bank Simpanan Nasional ini juga memberi faedah bukan 5-6% sepertimana faedah yang diberi pada hari ini. Pada masa dahulu cuma diberi 2-3% sahaja tetapi diberi faedahnya kepada rakyat oleh kerana ini adalah wang

rakyat yang kebanyakannya miskin menyimpan dalam Bank Simpanan Nasional ini, maka dengan sebab itu faedahnya (bank rate) mestilah diberi sekurang-kurangnya sama dengan simpanan-simpanan bank yang lain-lain supaya faedah ini dirasakan oleh rakyat jelata yang duduk jauh daripada bandar-bandar dan kota-kota.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengesyorkan berkenaan Bank Simpanan Nasional ini apabila kita simpan, mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab tadi mengatakan akan dikeluarkan certificate simpanan dan di dalam tempoh yang tertentu akan diberi mereka ini faedah-faedah yang tertentu. Masanya boleh jadi sepuluh tahun atau lima belas tahun maka faedah-faedah ini saya minta kepada pihak yang berkenaan supaya faedah-faedah yang sedikit ini, kalau misalnya disimpan di situ supaya jangan daripada faedah yang disimpan ini income tax akan mengambil juga daripada faedahnya ini yang kita telah simpan begitu lamanya, kemudian income tax meminta supaya faedah yang kita dapat daripada simpanan ini hendaklah diberi juga kepada income tax. Ini tidak menggalakkan simpanan rakyat di dalam Bank Simpanan Nasional.

Itulah sahaja pandangan saya berkenaan dengan Bank Simpanan Nasional dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

3.45 ptg.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional (Pindaan) yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan di dalam Fasal 2, 3 dan 6 adalah bertujuan untuk menambahkan pada peruntukan kepada Akta Bank Simpanan Nasional, 1974 bagi membolehkan bank ini menjalankan satu sistem simpanan khasnya sijil simpanan premium. Aktiviti-aktiviti Bank Simpanan Nasional ini hanya terbatas kepada jenis-jenis simpanan sahaja dan tidak meliputi seperti sistem sekim sijil simpanan premium.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Bank Nasional yang menguruskan simpanan bank ini patutlah mendapat sokongan dari semua

lapisan masyarakat supaya wang yang disimpan itu boleh digunakan untuk membantu Kerajaan membiayai projek pembangunan, tetapi bank ini hanya mendapat perhatian daripada golongan pihak penyimpan-penyimpan yang berpendapatan rendah sahaja dan bilangan penyimpan yang besar hanyalah lebih kurang 2,600 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bilangan yang sangat kecil memandangkan bilangan penduduk kita ramai dan kaya di negara ini. Bank ini hendaklah diberi kesempatan dan peluang untuk menarik lagi bilangan penyimpan-penyimpan besar dan saya yakin sekim ini boleh mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan bahawa untuk mengurangkan kerja-kerja tadbir dan kos percetakan, sijil simpanan premium ini hendaklah sehabis rendahnya berharga \$100 dan bukan \$10 akan memberi nilai berkesan lagi daripada segi penyimpan bahkan lebih canteck digantungkan sijil bernilai \$100 daripada sijil yang bernilai \$10.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah bermakna penyimpan kecil tidak digalakkan atau mendapat kerugian malahan penyimpan-penyimpan kecil ini akan mendapat lebih galakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mencadangkan bahawa Bank Simpanan Nasional tidak perlu mengeluarkan sijil yang kurang dari \$100 tetapi hendaklah mengeluarkan tiket-tiket bernilai \$1 seperti bentuk tiket loteri yang saya percaya lebih murah untuk dicetak. Apabila seseorang itu telah mengumpul 100 tiket yang bernilai \$100 maka ia bolehlah menukarkan dengan satu sijil premium tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa faedah hendaklah juga diberi selain daripada bonus jika bank ini berkehendakan lebih ramai lagi penyimpan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegur di sini bahawa sebelum sesuatu badan ingin menubuhkan cawangan-cawangan dan ranting-rantingnya badan itu hendaklah teguh dahulu. Setahu saya Bank Simpanan Nasional ini masih lagi menyewa di bangunan orang lain. Alangkah eloknya jika cawangan itu mendapat bangunannya sendiri dahulu

sebelum mengadakan ranting-rantingnya. Ini adalah penting dan mustahak dari segi nama baik bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa tunggakan gaji tidak lama lagi akan dibayar kepada kakitangan Kerajaan, satu kempen besar-besaran patutlah diadakan untuk menggalakan kakitangan Kerajaan menyertai rancangan ini. Kemudahan-kemudahan memotong gaji oleh majikan seperti yang dibuat ke atas penyimpan-penyimpan Tabung Haji patutlah diadakan untuk memudahkan dan menggalakkan pekerja-pekerja menyimpan secara paksaan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan selanjutnya hendaklah dibuat untuk mengecualikan penyimpan daripada cukai pendapatan yang lebih berpatutan, berlumba-lumba, selain daripada memberi pengecualian daripada cukai mati.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa berkenaan Fasal 4 pertimbangan patutlah diberi juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini.

3.49 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini dan saya sangatlah berharap di dalam menggulung perbahasan ini nanti, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan dapat memberi jawapan-jawapan yang menasabah dan sempurna di atas apa yang saya bangkitkan ini.

Saya menyebutkan hal ini ialah kerana di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu, Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa tidak ada banyak perbahasan yang telah diambil mengenai Kementerian Kewangan. Tetapi samada dengan sengaja atau tidak perbahasan saya mengenai circular daripada Treasury yang mengarahkan Jabatan Kerajaan untuk mengambil tempahan tiket terus kepada MAS yang telah membangkitkan perasaan tidak puas hati bagi travel agencies bumiputra yang tidak diberi jawapan. Oleh itu, saya ingin pada kali ini mendapat sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebagaimana kita maklum seperti yang disebutkan oleh Senator Hajjah Fatimah

daripada Muar, menyimpan-nyimpan kecil di kampung-kampung adalah menyimpan wang mereka dengan tujuan untuk mencapai satu had di mana apabila terkumpul wang itu dengan sepenuhnya untuk membeli sesuatu benda yang boleh menyenangkan atau menyempurnakan kehidupan mereka. Tetapi keadaan itu tidak berlaku dalam Bank Simpanan Nasional yang mana hanya memberi faedah yang boleh dikatakan kadar faedahnya itu lebih rendah daripada kadar inflasi. Misalnya, jika seorang itu menyimpan \$1,000 dalam Bank Nasional pada tahun itu manakala hendak mengambil balik pada tahun yang akan datang benda yang dapat dibeli pada tahun itu tidak dapat lagi dibeli pada tahun akan datang dengan wang yang serupa walaupun ditambah dengan faedah yang diberi oleh Bank Simpanan Nasional. Di dalam huraian Rang Undang-undang ini ada menyebutkan iaitu dengan mengemukakan undang-undang ini bertujuan untuk menggalakkan simpanan. Kalau sekiranya keadaan ini tidak berubah, maka saya rasa sukar untuk menggalakkan simpanan di mana faedah yang dibayar oleh Bank Simpanan Nasional itu lebih rendah daripada kadar inflasi.

Saya berharap sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jawapan yang memuaskan bagaimanakah hal ini dapat dibaiki. Adakah Kerajaan atau pihak Bank Simpanan Nasional akan menimbang-kan satu penyalarsan untuk memberi faedah itu mengikut kadar inflasi yang terjatuh pada tahun berikutnya.

Ada juga orang berpendapat bahawa dengan menyimpan wang di dalam Bank Nasional ini akan dapat mengurangkan spekulasi ataupun mengurangkan pengedaran wang di dalam pasaran kewangan negara kita, akan tetapi dengan adanya hujah di dalam huraian ini yang menyebutkan bahawa Bank Simpanan Nasional ingin mengambil ahli-ahli Lembaga Pengarah daripada orang-orang yang berkebolehan di dalam perniagaan dan perusahaan. Ini mungkin ada tujuan Bank itu untuk melaburkan semula wang yang dikutip daripada kampung ataupun orang-orang yang rendah pendapatan untuk membantu satu golongan ahli usahawan dan perniagaan. Jadi dengan kembali semula wang itu ke dalam pasaran, saya kira taraf inflasi akan lebih meningkat. Jadi saya haraplah sekiranya Timbalan

Menteri yang berkenaan dapat memberi satu jawapan yang menghilangkan kebimbangan menyimpan di kampung-kampung yang mengatakan kalau sekiranya mereka simpan lebih banyak wang di Bank Simpanan Nasional maka lebih banyak wang akan dilaburkan semula di dalam pasaran kewangan maka kadar inflasi akan bertambah. Ini bermakna menjadi kerugian kepada mereka sendiri, kecuali Bank Simpanan Nasional ada satu cara yang boleh memberi faedah yang lebih ataupun menyalarskan kadar inflasi dengan kadar faedah yang akan dibayar oleh Bank Simpanan Nasional.

3.56 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional yang dibentangkan pada hari ini. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai Fasal 4 bertujuan untuk menambah bilangan pengarah yang akan dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional di bawah seksyen 6(2) (e) daripada dua kepada empat. Tujuan ini amatlah baik bagi melicinkan perjalanan di sesebuah badan lebih-lebih lagi Bank seumpama ini.

Apa yang saya harapkan jika perlantikan dibuat hendaklah dikaji dari segenap aspek, janganlah dimonopoli oleh satu golongan yang tertentu sahaja, sehingga seseorang itu dilantik menduduki 7—8 lembaga pengarah lain. Jadi dengan begitu banyak seorang itu menduduki di dalam satu-satu lembaga pengarah saya percaya sudah tentu beliau tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna dan sudah tentu badan-badan itu tidak dapat berjalan dengan baik dan licin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai sebarang ataupun penerangan Bank itu tidak begitu menyeluruh kepada semua masyarakat di luar bandar. Dengan ini saya mengesyorkan supaya diadakan sebaran am kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan patut juga Bank ini mengadakan perkhidmatan bank bergerak di tiap-tiap daerah dalam satu-satu negeri untuk bergerak di satu-satu kampung dalam daerah itu. Dengan cara itu akan lebih ramai lagi menyimpan-nyimpan terdiri daripada golongan penduduk di luar bandar.

3.58 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini. Saya menyokong pindaan Rang Undang-undang tersebut dan hendak bercakap atas satu-dua perkara sahaja bahawa pindaan yang di-datangkan ini sememang baik. Apa yang hendak saya nyatakan ini ialah berbeza pada perjalanan sekarang dengan yang dilakukan semasa namanya Simpanan Pejabat Pos.

Semasa dahulu seorang yang hendak masukkan duit cuma bawa buku, bawa duit dan berikan kepada kerani pejabat pos, kerani itu tulis, chop, dia ambil balik buku. Tetapi hari ini hendaklah kena tulis borang yang saya tak tahu apa faedahnya, slip itu tak payah ditandatangani, cuma tulis nombor buku, tulis nama yang ada dalam buku itu dengan alamatnya dan kemudian tulis berapa banyak wang dimasukkan, berikan dengan wang slip dan buku kemudian kerani itu ambil slip masukkan jumlah wang itu yang ditulis ke dalam buku, diserahkan buku itu balik. Ini rasa saya menyusahkan orang-orang tua terutama pekerja buruh yang sudah tua yang buta huruf. Adalah susah hendak diharapkan kerani pejabat pos di waktu pagi untuk menolong menulisnya, barangkali tugas mereka banyak pada masa itu. Di suatu pagi saya pernah menolong satu-dua orang semasa saya hendak pergi mengepos surat di pejabat pos, mereka minta tolong tuliskan slip itu, kerana dia hendak menyimpan duit dalam Bank Simpanan Nasional. Kemudian untuk menggalakkan orang ramai menyimpan pihak Bank Simpanan Nasional telah mengeluarkan satu kotak penyu dengan menulis ayatnya "ikutlah perangai penyu". Jadi, perangai penyu adalah bertelur setahun sekali, selepas bertelur dia pun hilang tetapi yang saya pelik tabung penyu yang diberikan untuk anak-anak supaya menyimpan duit syiling di dalam tabung itu tak payah dikunci, boleh dibuka dengan mudah. Jadi tempayan bocor. Jadi dia tidak mengikut perangai penyu. Kalau ayahnya suruh masuk dalam perut penyu 10 sen, apabila lalu ice-cream dia buka bontot penyu ini keluarkan wang beli ice-cream. Saya rasa cara ini tidak sesuai. Setahu saya cara yang dibuat oleh pihak bank lain seperti Chartered Bank membuat gambar itik, tetapi itik itu penyimpan tidak boleh buka bila wang sudah dimasukkan.

Kalau hendak buka mesti pergi ke Pejabat Bank. Tetapi penyu Bank Simpanan Nasional ini lain, dia suruh ikut perangai penyu tetapi penyunya boleh dibuka. Jadi saya harap untuk tidak menghampakan ayah-ayah yang menggalakkan anak-anaknya berjimat, tetapi sepeninggalan ayah-ayah bekerja apabila lalu ice-cream, dia buka perut penyu keluarkan wang. Oleh itu, berilah penyu yang kuncinya disimpan dalam Bank Simpanan Nasional sahaja dan masa-masa yang lain tidak boleh dibuka.

4.03 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta bagi meminda Akta Bank Simpanan Nasional 1974 ini. Saya hendak bercakap beberapa fasal serba ringkas. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa petani-petani dan orang luar bandar sangat sedikit yang ada membuat simpanan wang atau yang mampu menyediakan wang untuk disimpan.

Dalam hal tertentu bukanlah mereka itu tidak mampu membuat simpanan walau pun sedikit tetapi mereka tidak mahu bersusah-payah pergi ke pejabat pos menyimpan wang itu. Tidakkah terfikir oleh Kerajaan agar Bank Simpanan Nasional sendiri pergi kepada rakyat untuk menggalakkan mereka menyimpan dan bukan rakyat yang di pinggir kampung terpaksa pergi ke pejabat pos yang berbatu-batu jauhnya untuk cuma hanya menyimpan \$2.00 atau \$3.00 yang mereka mampu menyimpan ketika itu. Sebenarnya, mereka itu bukan tidak mampu hendak menyimpan, dengan angka yang banyak tetapi \$2.00 atau \$3.00 mereka itu sanggup, lama-lama tetap akan menjadi banyak juga. Tetapi kalau belanja bas dan masa yang terbuang kerana pergi ke bandar atau ke pejabat pos, 50 sen tambang pergi dan 50 sen tambang balik maka ia tidak mahu membazirkan wang dan masanya kerana wang itu habis di tengah jalan sahaja. Oleh itu, eloklah pihak Kerajaan memikirkan agar dapat pergi kepada orang di kampung mengutip simpanan satu atau dua ringgit dari mereka itu, namun lama kelamaan mereka dapat mempunyai simpanan yang banyak.

Lagi satu eloklah pihak Kerajaan mengambil kesempatan dan mengambil berat berkenaan pekerja-pekerja kilang yang hampir beratus-ratus ribu dalam Malaysia ini

terutama kaum wanita. Adalah lebih baik diadakan peraturan-peraturan agar setiap pekerja kilang digalakkan menyimpan di Bank Simpanan Nasional secara bulanan sekadar sesuai hasil pendapatan mereka dengan bantuan dan kerjasama pengurus-pengurus kilang itu. Adalah lebih baik dijadikan satu peraturan tetap supaya simpanan itu mestilah dipunyai oleh semua pekerja-pekerja kilang walau pun \$4.00 atau \$5.00 sebulan. Pihak Pejabat Pos bolehlah menghubungi Pengurus-pengurus kilang dan membuat serta menentukan tarikh bagi mereka menerima simpanan dan bagi pekerja-pekerja itu membuat simpanan. Inilah sahaja pandangan yang dapat saya berikan dan saya sokong sekali lagi Rang Undang-undang ini.

4.07 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan banyak-banyak terima kasih di atas cadangan-cadangan dan sokongan-sokongan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator dalam perbahasan di atas Akta Bank Simpanan Nasional (Pindaan) 1977.

Yang Berhormat Datuk Raja Nong Chik telah mencadang supaya Bank Simpanan Nasional kita pada satu masa akan datang dapat juga mengeluarkan cheque seperti yang sedang diamalkan oleh bank-bank perdagangan yang lain. Bagi menjawabnya, saya ingin menjelaskan bahawa Bank Simpanan Nasional ini bukanlah sebuah bank perdagangan dan oleh sebab itu tidak terikat dengan Akta Bank 1973. Akta Bank Simpanan Nasional 1974 itu tidak memperuntukkan untuk membolehkan cheque account diuruskan, lagi pun tidak dibenarkan di bawah Akta Bank 1974. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, lain-lain bentuk simpanan sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

Beliau juga telah menyentuh atas perkara kadar faedah yang mesti lebih tinggi atau sama dengan kadar faedah yang telah dibayar oleh bank-bank perdagangan. Berkenaan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar faedah Bank Simpanan Nasional ini sekarang bagi "savings account" ialah 6½% lebih tinggi daripada "savings account" di Bank Perdagangan yang hanya membayar sebanyak 5½% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan beliau juga bahawa faedah yang dihasilkan daripada simpanan duit-duit dalam Bank Simpanan itu, saya rasa perkara ini tidak timbul oleh kerana Rang Undang-undang ini hanya mengenai pada pokoknya, perkara premium savings certificate dan apa duit-duit yang disimpan dalam sekim ini tidak akan mendapatkan hasil ataupun faedah. Walau bagaimanapun, cadangan itu kita telahpun ambil perhatian untuk dikaji pada satu masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah, kalau saya tidak salah telahpun mencadangkan supaya Sijil Simpanan Premium yang telah dicadangkan di dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini tidak haruslah terhad kepada \$10 tiap-tiap sijil akan tetapi boleh juga dikeluarkan dengan nilai 100 tiap-tiap sijil ataupun \$1 tiap-tiap sijil itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini sebenarnya angka \$10 ini adalah hasil daripada satu kajian yang teliti yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan, Bahagian Perbendaharaan dengan rundingan bersama dengan pakar-pakar ekonomi dan didapati \$10 tiap-tiap unit ialah paling berpatutan dan paling praktikal dan dapatlah menarik berbagai peringkat penyimpanan. Jika penyimpan ini mempunyai kurang daripada \$10 mereka bolehlah menyimpan di dalam savings account yang ada sekarang yang boleh dapat faedah daripada apa yang telah disimpan di dalam Bank Simpanan Nasional itu tetapi keluar daripada lingkungan sekim Sijil Simpanan Premium ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan supaya tiap-tiap sijil itu nilainya diturunkan daripada \$10 kepada \$1 tiap-tiap sijil itu, walaupun cadangan itu memang menarik akan tetapi rasanya mengikut kajian kita itu dari segi pentadbiran dan segi-segi yang lain itu, kita dapati tidak begitu berekonomik untuk dijalankan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih juga di atas cadangan itu dan kita akan simpan dalam ingatan kita barangkali pada satu masa akan datang itu terdapat sesuai, kita akan kaji semula cadangan itu.

Beliau juga mencadangkan supaya Bank Simpanan Nasional kita ini patutlah mempunyai sebuah bangunan sendiri dahulu sebelum menubuhkan cawangan-cawangan di

lain tempat dan juga eloklah jika satu kempen untuk mempopularkan sekim ini kepada rakyat kita dan saya suka juga ucapkan terima kasih atas cadangan itu. Ini akan dipertimbangkan dan kalau pada satu masa yang akan datang Bank Simpanan Nasional ini mempunyai kebolehan, memanglah sebuah bangunan bank sendiri itu akan dipunyai.

Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah berkenaan dengan kadar faedah atas perkara ini dan dalam konteks perbahasan ini, patutlah ianya tidak timbul, kerana sekim Sijil Simpanan Premium ini tidak akan menarik ataupun mendapatkan faedah akan tetapi sentimen ataupun konsep di sebalik cadangan itu adalah relevant dan Kementerian saya akan mengambil perhatian kerana Kerajaan memanglah boleh mengambil pindaan dari segi kadar faedah sebagai sebahagian daripada monetary policy untuk mengatasi inflasi. Kadar faedah Bank Simpanan Nasional ini juga boleh menjadi alat untuk mengatasi inflasi melalui turun naik kadarnya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Zawiah telahpun menyentuh perkara kakitangan yang mungkin tidak begitu mencukupi, saya akan memberi jaminan di sini keadaan ini adalah sentiasa dalam perhatian Kerajaan khasnya oleh Kementerian Kewangan supaya masalah-masalah yang mungkin timbul yang mungkin diakibatkan oleh kekurangan kakitangan-kakitangan itu sentiasa diawasi dan bila-bila sahaja yang perlu, kakitangan-kakitangan itu akan ditambah supaya semua urusan yang sedang dan akan lagi dijalankan di bawah Bank Simpanan Nasional ini dijalankan dengan selicin-licinya yang boleh. Saya bersetuju juga dengan cadangan beliau iaitu oleh kerana kita mempunyai satu sekim yang baik yang bertujuan elok itu baiklah kiranya dapat kita menggerakkan jentera siberan am yang sedia ada pada hari ini supaya sekim yang kita bahaskan pada petang ini dapat dipopularkan supaya lebih banyak lagi orang kampung yang berpendapatan rendah dapat tahu tentang sekim ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan telah bertanya mengapakah sekarang digunakan deposit slip ia tu borang wang masuk yang dianggapkan suatu kesulitan kepada

orang-orang tua ataupun kaum buruh. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sebenarnya adalah satu practice ataupun amalan yang dilakukan di semua bank. Ini akan memperbaiki kerja-kerja pentadbiran bank untuk mengajar orang ramai menggunakan borang-borang yang akan diperkenalkan supaya ini bagus kepada ciri-ciri baru yang akan diperkenalkan oleh bank kepada akaun-akaun penyimpan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan telah juga memberi banyak pendapat yang dihargai berkenaan dengan kotak-kotak penyu dan kotak-kotak itik dan sebagainya yang akan menggalakkan budak-budak kita itu mengamalkan satu amalan yang baik iaitu menjimatkan wang. Saya pun ucapkan terima kasih kepada beliau dan akan mengambil perhatian atas cadangan-cadangan itu. Beliau pun telah menyuarakan kekhawatiran pada amnya berkenaan dengan orang kampung itu mungkin tidak tahu bagaimanakah hendak mengisikan borang-borang yang hendak diisikan apabila mereka itu hendak mendepositkan wang di dalam Bank-bank Simpanan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, semua wang-wang itu yang hendak didepositkan bolehlah dibuat kepada semua Post Office yang ada dalam negara kita dan saya percaya di mana-mana yang boleh, pegawai-pegawai daripada Post Office itu dapatlah diminta supaya segala pertolongan yang patut diberi itu, bolehlah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat yang terakhir telahpun menyentuh berbagai-bagai perkara, berbagai-bagai aspek berkenaan dengan Bank Simpanan Nasional pada amnya dan ini juga berkenaan dengan urusan-urusan Bank Simpanan Nasional. Pada amnya sahaja yang tidak begitu kena tepat kepada konsep pusat (central concept) di bawah pindaan kepada Akta ini, iaitu berkenaan dengan Premium Savings Certificates. Walau bagaimanapun apa yang telah dicadangkan oleh beliau itu adalah sangat baik oleh kerana fikiran di sebalik cadangan-cadangan itu adalah bagi kepentingan orang ramai khasnya kepada rakyat kita daripada desa atau kampung itu dan semua cadangan-cadangan itu akan diambil perhatian dan akan dipertimbangkan, walaupun tidak kena tepat di atas Sekim Sijil Simpanan Premium.

Berkenaan dengan cadangan supaya kerjasama dicapai daripada pihak fakteri-fakteri supaya gaji pekerja-pekerja yang ramai itu dapat dipotong atau digalakkan supaya dimasukkan dalam akaun-akaun Bank Simpanan Nasional. Ini memanglah satu cadangan yang baik, akan tetapi saya rasa akan menghadapi kesulitan kerana amalan menjimatkan wang itu bukanlah satu sekim yang boleh dipaksa dari pihak pekerja-pekerja itu sendiri, barangkali mereka tidak begitu setuju kalau dipaksa gaji mereka itu dipotong daripada pendapatannya. Malahan dari pihak fakteri-fakteri itu, kegiatan-kegiatan atau urusan yang mengenai cadangan itu mungkin menaikkan kos pentadbiran mereka dan oleh sebab itu mungkin kalau dicadangkan cadangan itu akan menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Walau bagaimanapun seperti yang telah saya nyatakan tadi semua cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator-senator dalam perbahasan ini, saya telah membuat catitan dan jika ada points yang saya belum sentuh dalam jawapan saya itu, saya minta maaf, akan tetapi apabila *Hansard* kita disemak semula bila dicetak, Kementerian saya akan mengambil perhatian atas ke semua tiap-tiap satu cadangan yang telah dikemukakan dalam perbahasan ini. Dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi sumbangan yang dihargai dalam perbahasan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.24 *ptg.*

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama "Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1977" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan bagi meminda Akta Acara Kewangan 1957 ini ialah bagi memperkemas lagi perbekalan-perbekalan yang ada di dalam Akta ini, terutamanya dari segi kawalan kewangan negara. Semenjak Akta Acara Kewangan ini diluluskan, negara kita telah membangun dengan pesatnya dan tanggungan kewangan negara semakin bertambah bukannya dari segi jumlah wangnya bahkan juga dari bilangan pelbagai perbelanjaan dan projek yang dilaksanakan. Sekarang ini tanggungjawab ini semakin menjadi lebih rumit dengan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah menjadi matlamat Kerajaan supaya dalam mendukung beban yang berat ini pentadbiran dalam pengurusan kewangan negara tidak terjejas.

Oleh yang demikian adalah perlu bagi Akta ini dipinda dan dikemaskinikan selaras dengan perkembangan negara dengan memberi tafsiran yang lebih jelas lagi supaya dapat difahamkan dan dipatuhi oleh semua yang berkenaan.

Selain daripada itu pindaan-pindaan yang disyorkan adalah perlu juga berikutan dengan beberapa pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan oleh Dewan ini dalam persidangan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada beberapa seksyen yang mustahak dipinda dalam Akta Acara Kewangan tersebut. Dalam Seksyen 5 yang ada sekarang ini adalah didapati bahawa tanggungjawab bagi tidak membenarkan "overdraft" dibuat dari sesuatu akaun Kerajaan adalah terjatuh kepada bank dalam mana akaun itu dibuka. Kedudukan ini nampaknya ada terbalik kerana sepatutnya adalah menjadi tanggungjawab pegawai Kerajaan yang membuka akaun itu bagi memastikan bahawa tidak ada "overdraft" dibuat daripada akaun itu dan bukannya bagi bank yang berkenaan

kerana bank itu tidak tertakluk kepada apa-apa peraturan Kerajaan. Walhal jika seseorang pegawai Kerajaan yang membuka akaun dalam bank dan membuat "overdraft" ini adalah salah daripada peraturan kewangan melainkan "overdraft" itu dibenarkan oleh Perbendaharaan.

Dengan termasuknya Negeri Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia, maka definasi Pihak Berkuasa Kewangan dan Seksyen 14, Akta Acara Kewangan perlulah dipinda sesuai dengan kedua-dua negeri itu menggunakan perbekalan-perbekalan yang sama seperti bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, dan juga mengikut Perkara-perkara dalam Perlembagaan yang dipinda baharu-baharu ini.

Seksyen 15, Akta Acara Kewangan itu adalah dipinda bagi membolehkan gaji pegawai-pegawai yang melaksanakan projek-projek pembangunan dibayar dari peruntukan projek yang berkenaan, atau dari mana-mana Trust Account yang membiayai perbelanjaan projek itu. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga beberapa projek besar akan memerlukan pegawai-pegawai untuk bertugas khas bagi projek-projek tersebut dalam tempoh yang panjang. Dengan membayar gaji pegawai-pegawai ini dari peruntukan projek tersebut, ini akan membolehkan Kerajaan menentukan kos yang sebenar bagi sesuatu projek itu.

Begitu juga Seksyen 15A adalah disyorkan dipinda dengan menambah satu lagi tanggungjawab Pegawai Pengawal dengan mewajibkan mereka membuat laporan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan atau kepada pihak berkuasa kewangan jika didapati kejadian-kejadian berlaku di bawah Seksyen 18 Akta Acara Kewangan seperti dipinda dalam Rang Undang-undang Pindaan ini. Dalam pentadbiran kewangan Kerajaan setakat ini ada didapati kegagalan dan kecuaiian pegawai-pegawai Kerajaan mengikut peraturan kewangan yang telah dikeluarkan, mengutip hasil yang patut dibayar kepada Kerajaan, membuat pembayaran yang tidak betul daripada wang awam, dan juga bertanggungjawab dalam kekurangan atau kehilangan wang atau harta-harta Kerajaan. Mengikut peruntukan yang ada dalam Akta sekarang ini jika kejadian-kejadian tersebut berlaku dan didapati benar maka terpulunglah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang

berkenaan, selepas berunding dengan pihak berkuasa kewangan, bagi mengambil tindakan tatatertib atau mengenakan surcaj kepada pegawai-pegawai yang berkenaan itu. Peruntukan dalam Akta tersebut tidak menyebutkan bahawa tanggungjawab bagi melapurkan kejadian-kejadian itu adalah terjatuh kepada Pegawai Pengawal ataupun Ketua-ketua Jabatan.

Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 15A itu adalah mewajibkan Ketua Jabatan atau Pegawai Pengawal bagi melapurkan kejadian-kejadian tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan atau kepada pihak berkuasa kewangan. Dengan menerima laporan daripada Pegawai Pengawal ini pihak berkuasa kewangan bolehlah membuat perakuan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan atau Suruhanjaya itu sendiri bolehlah terus mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya terhadap kepada pegawai-pegawai yang berkenaan mengikut Seksyen 18 Akta Acara Kewangan itu.

Berhubung dengan kecuaiian pegawai-pegawai Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas kewangan mereka, adalah difikirkan perlu Seksyen 18 Akta Acara Kewangan itu dipinda dengan menambah lagi satu perbekalan jika sekiranya pegawai-pegawai berkenaan gagal menyimpan dan memperkemas buku-buku akaun atau rekod bagi mengawal wang Kerajaan.

Pindaan-pindaan yang lain adalah kecil sahaja tetapi perlu sebagai "consequential" dan dengan tafsiran yang jelas berikutan pindaan kepada Perlembagaan, Explanatory Statement dalam Rang Undang-undang itu adalah menyebutkan pindaan ini satu persatunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.36 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG HARTA PESAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bidang kuasa Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ini cuma terhad kepada pembahagian harta yang bernilai \$25,000 dan ke bawah sahaja. Disebabkan keadaan inflasi yang terdapat di merata-rata dunia yang mengakibatkan harta-harta na'k nilainya maka bidang kuasa yang dihadkan oleh Akta tersebut berjumlah \$25,000 sekarang ini tidaklah lagi sesuai dan praktikal. Oleh itu bidang kuasa maksima asal Akta ini dinaikkan kepada harta-harta bernilai \$50,000 ke bawah supaya tujuan asal Akta ini diadakan dahulu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Sallah bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.56 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan). Saya cuma hendak memberikan dua tiga pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, mudah-mudahan dengan berkuatkuasa peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini akan dapat menyelesaikan beberapa masaalah yang ada kaitan dengan harta pesaka kecil sekarang.

Peruntukan dalam pindaan ini bermaksud penilaian dahulu yang ditaksirkan \$25,000 dinaikkan kepada \$50,000 ini sangat sesuai tetapi saya gemar memberi ingatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan dinaikkan ini bahawa saya khuatir juga penyelesaian pembahagian harta pesaka makin kosot, makin tidak dapat diselesaikan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sekarang ada beribu-ribu kes amanah harta pesaka daripada sejak tahun 1925 masih belum diselesaikan kepada waris-warisnya.

Masaalah ini menurut hemah saya, Tuan Yang di-Pertua, kenalah Kementerian ini bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, dengan Pegawai Pejabat Tadbir atau Pemungut Hasil tiap-tiap daerah sebab kadang-kala bila mana kuasa ini diambil oleh orang ramai selalu terbengkalai. Hal ini saya fikir bukan sahaja merugikan mereka yang berhak menerima pesaka ini tetapi merugikan negara. Saya fikir kena buat satu peraturan, siapa juga yang tidak menyelesaikan harta pesaknya sehingga 5 tahun segala hartanya hendaklah diserahkan kepada amanah raya sebab harta-harta daripada pesaka ini kalau tidak diselesaikan banyak waris-waris yang betul-betul dapat hasil daripada pesaka itu dan banyak waris pula yang tidak dapat terus. Dengan adanya amanah raya mengambil kuasa kepada harta itu akan dibahagikan menurut hak-hak yang patut waris-waris itu terima.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa harta pesaka ini juga pegawai-pegawai yang ada sekarang barangkali belum begitu cekap dalam menyelesaikan

hingga saya dengar Kementerian ini kena menghantar pegawainya ke Sri Lanka untuk melicinkan pentadbiran harta pesaka. Sri Lanka ini menurut pandangan saya sebuah negara mungkin juga maju dalam bidang pentadbiran harta pesaka ini tetapi kita kena ingat bahawa negara ini 50% lebih umat Islam dan saya minta kepada Kementerian ini mengambil perhatian kenapa umat Islam sendiri tidak mahu mengikut pembahagian harta pesaka kecil ini menurut ajaran-ajaran Islam. Dengan sebab setengah-setengah negeri itu tidak mahu menurut harta pesaka mengikut ajaran Islam bagi orang Islam ini juga menambahkan kesusutan, menambahkan banyak lagi harta-harta pesaka ini yang belum dapat diselesaikan, apa salahnya minta jasa baik Kerajaan-kerajaan Negeri itu supaya pembahagian harta pesaka yang terlibat dengan orang Islam dalam negeri itu kita gunakan hukum Islam. Ini alangkah susahnyanya, Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pembahagian harta pesaka ini juga pernah orang ramai pergi ke Pejabat Tanah minta selesaikan kuasanya memakan masa begitu lama, sekarang ada pula penaksiran daripada \$25,000 dinaikkan kepada \$50,000. Pegawai yang membuat penaksiran harta pesaka ini juga selalu mendatangkan kelewatan. Dengan sebab tidak dapat kerjasama daripada Pejabat-pejabat Daerah di tiap-tiap negeri ini maka dengan sebab itulah kesusutan dalam masalah menyelesaikan harta pesaka ini bertambun-tambun tidak dapat diselesaikan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sudi apalah kiranya mengambil perhatian di atas pandangan saya.

5.02 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini akan tetapi saya merayu kepada Kerajaan bilangan peruntukan \$50,000 itu tidak mencukupi. Pada saya angka ini hendaklah dinaikkan kepada \$100,000 sebab ada dua masalah yang kita mesti kaji dan difikirkan.

Pertama dengan sebab rendahnya bilangan peruntukan itu, ada tanah-tanah di bandar-bandar yang patut diselesaikan dengan cara bicara kuasa pesaka oleh sebab nilainya lebih daripada \$50,000 dan perkara ini akan

dibawa ke Mahkamah Tinggi. Jadi orang yang mempunyai harta selepas peninggalan dan kematian ibubapanya membuat pakatan antara adik-beradik supaya menjualkan tanah ini kepada swasta kerana kepayahan hendak menyelesaikan percicaraan kuasa oleh sebab nilai harga tanah di bandar-bandar sudah naik sedangkan kewangan keluarga mereka kurang mencukupi.

Katalah sahaja umpamanya ada empat, lima ekar. Sekarang ini bandar baru sudah banyak didirikan dengan kemakmuran negara kita sekarang ini banyak bandar-bandar yang telah kita laksanakan. Ini semua menyebabkan harga tanah naik dan kadangkala kalau ada rumah batu sebuah dalam tanah itu dengan sendiri menyebabkan anggaran tanah ini naik bersama dengan nilai tanah. Dengan jalan itu hendak menyelesaikan masalah adik-beradik ini, tanah ini dijual kepada swasta atau kepada orang persaorangan yang punya wang banyak. Atau sebelum bapanya meninggal pun sudah dipakat oleh anak-anaknya dijual dahulu. Jadi kita dapat di bandar-bandar kelak swasta yang memiliki tanah. Contohnya, kalau dahulu di Kuala Lumpur iaitu di Gombak dan Setapak semuanya kepunyaan orang-orang bumiputra, tetapi sekarang ini sudah tidak ada lagi bahkan mereka itu mencari tanah tempat tinggal di lombong-lombong yang tinggal itu pun membuat permohonan dan belum tahu bila akan ditemuduga. Saya merayu kepada Kerajaan supaya nilai \$50,000 ini dinaikkan kepada kadar-kadar \$100,000.

Akhirnya, saya sokong Bill ini untuk diluluskan.

5.04 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan dan saya adalah menyokong penuh cadangan yang dibuat oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi iaitu kalau kita bandingkan dengan keadaan harga harta benda sekarang ini \$50,000 tidak sampai ke mana-mana. Saya beri contoh begini.

Di tempat saya Trengganu, kalau seorang mati meninggalkan pesaka tiga ekar sahaja tanah padi, bukan tanah tapak kedai, tidak, tanah padi, harganya dalam jajahan Kuala

Trengganu sudah \$100,000 lebih pada hari ini, sedangkan tiga ekar tanah padi itu seperti saya bercakap dua tiga hari lepas, satu ekar hanya boleh mendapat padi tidak lebih daripada 400 atau 300 gantang, bererti orang itu masih miskin. Tetapi bila dia mati baru jadi kaya kerana \$100,000 nilai harga tanahnya tadi sedangkan anak-anaknya yang tinggal sepuluh orang. Jadi, kalau dibahagikan dengan sepuluh tidak berapa sen yang dapat, sedangkan hendak boleh selesai dengan sebab sudah jadi—kata orang Trengganu dipanggil terekah besar, bukan kecil lagi, oleh kerana terekah besar kena pergi ke mahkamah hingga mengambil masa bertahun-tahun baru boleh diselesaikan. Itu pun kalau dia usaha memberi kepada petition writer membuat, mengangkat terekah ini. Saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa usul itu hari ini juga dipindahkan angka \$50,000 itu kepada \$100,000. Dengan ini barulah benar-benar boleh menepati, boleh meringankan keadaan kesusahan penyelesaian harta-harta pesaka ini yang berlaku pada hari ini, timbunan permohonan-permohonan menyelesaikan harta pesaka ini yang kami di sana panggil terekah-terekah kecil, di Pejabat-pejabat Tanah ini ada beribu-ribu.

Saya telah cuba menyiasat di Pejabat Tanah Kuala Trengganu sahaja mereka hanya dapat, katanya, sehabis-habis kuat mereka bekerja tidak lebih daripada 20 sebulan boleh menyelesaikan perkara terekah ini. Jadi kita sendiri boleh timbangkan kalau ada permohonan lebih daripada 2,000 sedangkan dia hanya boleh selesaikan 20 sebulan, berapa tahun? Itu setakat hari ini sedangkan hari-hari masih ada lagi bertambah. Jadi sampai bila kita dapat menyelesaikan soal tanah ini. Saya haraplah kepada mana-mana juga Menteri yang berkenaan tolonglah cari jalan bagaimana caranya supaya dapat kita mengatasi masalah ini kerana dengan sebab kelambatan penyelesaian ini makin melambatkan lagi kerana kadang-kadang si bapa meninggal dunia meninggalkan sepuluh orang anak, kemudian oleh kerana kelambatan penyelesaian ini anak si mati yang sulung meninggal dunia pula meninggalkan anak juga iaitu cucu kepada orang yang meninggal dunia pada mulanya tadi iaitu sudah selapis. Ini pernah terjadi dan makin rumit lagi kejadiannya. Saya harap kalau boleh diarahkan kepada negeri-negeri supaya menubuhkan satu yunit

khass untuk bekerja menyiasat harta pesaka—terekah kecil yang saya maksudkan tadi. Dengan jalan itu barangkali mungkin dapat cepat sedikit. Tidak memadai dengan di Negeri-negeri sahaja menubuhkan yunit-yunit khas ini, di peringkat Persekutuan juga mesti diselaraskan menyediakan kemudahan-kemudahan itu kerana yang saya tahu tiap-tiap permohonan menyelesaikan terekah ataupun harta pesaka ini pihak Pejabat Tanah pertama sekali terpaksa menghantar ke jabatan di Kuala Lumpur untuk mengesahkan samada kalau-kalau dalam pesaka si mati ini juga telah ada orang lain yang menuntut sebab dia ada register di Persekutuan. Kadang-kadang ini juga berlaku jawapan daripada Persekutuan ini mengambil masa yang sangat lama. Selagi tidak dijawab oleh pihak di sini maka di Pejabat-pejabat Tanah tempatan tidak akan dapat diproses. Ini juga satu kerumitan yang berlaku. Itulah saya berharap kedua-dua masalah ini cuba dicari jalan untuk mengatasinya yakni di negeri-negeri ditubuhkan yunit-yunit khas untuk menyelesaikan masalah ini dan juga di Persekutuan sendiri menambahkan tenaga ataupun cara mana yang barangkali tentulah pegawai-pegawai lebih tahu daripada saya untuk menyenangkan dan mencepatkan pertanyaan-pertanyaan ataupun query itu boleh dijawab dengan begitu baik. Oleh yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan dipinda angka \$50,000 kepada \$100,000.

5.09 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dan di sini, saya merayu kepada Kerajaan dan saya ceritakan terus terang, ada saudara saya dapat harta neneknya meninggalkan harta \$98,000. Kemudian sudah membayar estate duty \$2,900 berkehendakan pula dua orang penjamin yang ada harta. Orang yang berdua ini mesti ada \$200,000, tiap-tiap seorang, dan sudah dua tahun tidak dapat penjamin. Saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat dilonggarkan.

Mereka datang berjumpa saya, saya kata saya sudah jamin dua tiga orang dan tidak boleh menjamin lagi. Jadi sampai sekarang tidak selesai. Itulah rayuan saya kepada Kerajaan kalau dapat tolonglah timbangkan supaya dilonggarkan penjamin itu. Kalau

dia sudah bayar estate duty mengapa dia mesti dijamin lagi? Orang Melayu tidak mahu menjamin. Itulah saya merayu kepada Kerajaan tolong timbangkan.

5.10 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Rang Undang-undang ini demi kepentingan kelancaran perjalanannya dan juga beberapa masalah yang ditimbulkan itu.

Bagi menjawab pertanyaan yang ditimbulkan oleh Datuk Haji Ahmad bin Arshad Kementerian Undang-undang akan cuba membuat penyelarasan dengan pihak berkuasa di peringkat Kerajaan Negeri semuga soal-soal berhubung dengan perbicaraan kes-kes harta pesaka kecil ini dapat disegerakan. Sebenarnya, soal ini sudah timbul begitu lama dan sebahagian daripada langkah-langkah telahpun dijalankan iaitu menggesa pegawai-pegawai daerah dan juga Pemungut-pemungut Hasil Tanah di setiap negeri yang berkenaan menjalankan tugas dalam penyelesaian harta-harta ini supaya menanamkan semangat berkhidmat kepada rakyat. Dijelaskan demikian oleh kerana didapati sebahagian daripada kes-kes ini boleh diselesaikan dalam tempoh yang singkat sekiranya semangat demikian terus-menerus dapat ditanam di kalangan mereka. Soalan ini juga ada kaitannya dengan soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor Mohamad iaitu beliau menyatakan beribu-ribu kes kebelakangan telah wujud, umpamanya, di Trengganu sendiri. Ada beberapa sebab kenapa kelewatan itu berlaku. Pertamanya, warith-warith si mati tidak bekerjasama dengan pihak Pemungut Hasil Tanah untuk memberikan butir-butir yang diperlukan dalam borang-borang yang diperlukan oleh pihak berkenaan. Keduanya, apabila butir-butir yang diperlukan ini dikemukakan kepada famili atau keluarga, maka ianya terlalu lewat dijawab oleh pihak keluarga yang berkenaan. Selain daripada itu kematian-kematian yang dialami oleh sesuatu keluarga itu tidak dengan segera dilaporkan kepada Pegawai Daerah ataupun Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan. Jadi semolek-moleknya untuk kes-kes harta pesaka kecil itu supaya lekas diselesaikan

ialah bagi menuntut hak masing-masing dalam tempoh yang singkat setelah sahaja meninggal seseorang itu. Umpamanya, sekiranya si mati meninggal dalam tempoh sebulan, maka dalam tempoh 30 hari berikutnya hendaklah warith-warith yang berkenaan pergi melaporkan kes tuntutananya ataupun pembahagiannya kepada Pemungut Hasil Tanah ataupun Pegawai Daerah yang berkenaan.

Mengenai masaalah yang dialami oleh Senator Tuan Haji Ibrahim bin Yaacob, Kementerian saya akan mengarahkan Pemegang Amanah Raya supaya meneliti kes-kes yang beliau sebut itu dan memohon supaya butir-butir yang lanjut diberikan kepada Jabatan berkenaan atau terus-menerus kepada Kementerian Undang-undang. Tidak berapa lama lagi adalah dijangka iaitu Jabatan Pemegang Amanah Raya akan mendapat tambahan kakitangan Kerajaan untuk mengendalikan sebahagian besar daripada backlog atau kes-kes kebelakangan yang timbul dalam jabatan yang terlibat dengan tugas-tugas yang berkenaan. Untuk menaikkan harga harta pesaka kecil itu kepada \$100,000 pada hari ini juga, maka tidaklah dapat dijalankan, melainkan hal ini dibawa semula untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang berkenaan supaya soal-soal bersabit dengan perolehan cukai kepada Kerajaan dapat diselesaikan dan juga penyata khas mengenai nisbah inflasi ataupun kadar kenaikan nilai harta-harta itu juga dapat dikaji dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, saya akan menitikberatkan soal ini dan sekiranya selaras dengan pendapat-pendapat para pakar harta, maka bolehlah nilai itu dipertimbangkan untuk dinaikkan nilainya pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh tentang teguran yang dibuat oleh Senator Datuk Haji Abdul Razak yang juga menyatakan bahawa angka \$50,000 itu tidak lagi setimpal buat masa ini. Memang diakui iaitu di setengah-setengah tempat di negara kita nilai harta sudah melambung naik ataupun nilai tanah sudah naik demikian cepatnya. Perlu kita timbangkan iaitu gunanya bagi kita menaikkan nilai harta pesaka kecil ini supaya ianya d'kecualikan daripada pentadbiran harta pesaka besar yang biasa. Oleh itu, tidaklah dikenakan cukai yang dikenakan biasanya kepada harta-harta si

mati. Dalam soal ini kita adalah memandang secara am dan jika didapati sebahagian besar daripada Rakyat Malaysia mengalami kesukaran dalam mengendalikan kes-kes harta pesaka kecil setelah seseorang itu mati, maka Kementerian Undang-undang akan membuat kajian semula untuk menaikkan nilai tersebut. Soal ini adalah sama juga dengan soal-soal yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad dan juga Yang Berhormat Datuk Mansor sebentar tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibaca kali yang kedua. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa sekarang had harta pesaka yang boleh ditadbir secara terus atau secara langsung oleh Pegawai Pentadbir Pesaka ialah harta-harta yang nilainya maksima \$25,000.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum juga baharu-baharu ini seluruh dunia telah mengalami keadaan inflasi dan barang-barang termasuk harta tidak alih nilainya telah naik. Oleh kerana kenaikan harga-harga yang dialami ini maka had

maksima \$25,000 itu tidaklah lagi sesuai dan memerlukan pindaan dari segi bidang kuasa Pentadbir Pesaka. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan bidang kuasa Pentadbir Pesaka daripada \$25,000 kepada \$50,000. Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan tersebut.

Bersama Rang Undang-undang pindaan ini juga peluang adalah diambil untuk membuat beberapa pindaan seperti berikut:

- (a) Untuk menaikkan nilai pelepasan harta yang di dalam milik pentadbiran pesaka dari \$250 kepada \$500.
- (b) Untuk menaikkan jumlah pembayaran bagi nafkah orang-orang belum dewasa di mana hartanya di dalam jagaan Pentadbir Pesaka daripada \$10,000 kepada \$20,000.
- (c) Menaikkan nilai harta berkenaan dengan Pentadbir Pesaka dikecualikan pemberitahu (notice) sebelum dibuat pembahagian daripada \$25,000 kepada \$50,000.
- (d) Menaikkan daripada \$50,000 kepada \$100,000 jumlah wang yang tidak dibagikan dan tinggal tidak dituntut di dalam pegangan Pentadbir Pesaka.

Pindaan di dalam perenggan 5 (a) kepada (d) juga dibuat di atas sebab-sebab kenaikan nilai harta dan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.26 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dibaca kali kedua sekarang.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sejak Akta Penyelarasan Perindustrian atau dikenali dengan nama I.C.A. diluluskan pada bulan April, 1975 ianya telah menimbulkan rasa kebimbangan dan rasa tidak puas hati di kalangan beberapa pihak yang tertentu terutamanya Dewan-dewan Perniagaan, Persatuan-persatuan Perkilangan serta juga pihak-pihak perusahaan setengah-setengahnya di luar negeri. Mereka berpendapat bahawa setengah-setengah peruntukan di dalam Akta ini boleh menimbulkan salah tafsiran dan dengan itu perlaksanaannya bertentangan dengan tujuan-tujuan Akta itu yang sebenarnya.

Walaupun ada setengah-setengah pihak yang menyatakan bahawa undang-undang ini telah menyebabkan suasana pelaburan negara kita muram. Ini berlaku 2, 3 tahun kebelakangan ini. Kerajaan berpendapat bahawa kemuraman suasana pelaburan ini di masa tersebut tidaklah disebabkan oleh Undang-undang ini. Ini dibuktikan dengan bukti bahawa semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga hingga kepada bulan Februari tahun 1977, 195 projek perkilangan telah diluluskan; 20 daripada projek ini adalah 100% kepunyaan pelabur-pelabur daripada luar negeri dan secara usahasama adalah meliputi projek-projek perkilangan yang bakinya iaitu 170 projek perkilangan.

Kerajaan berpendapat oleh yang demikian bahawa kemuraman suasana pelaburan di masa-masa tersebut tidaklah sebagaimana diramal ataupun dikatakan disebabkan oleh Undang-undang ini bahkan adalah disebabkan oleh keadaan meleset (recession) yang dialami oleh negara-negara di dunia termasuk negara kita sendiri, Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah saya rasa perlu bagi

kita mengkaji sebab-sebab, faktor-faktor yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam mana-mana undang-undang khususnya undang-undang yang bertujuan mengawasi perkembangan perusahaan di dalam negara iaitu satu sektor ataupun bidang kegiatan ekonomi yang cergas yang dianggap dinamis dalam masa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Jadi, Undang-undang ini adalah bertujuan supaya perkembangan perusahaan yang dianggap pesat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dapat kita laksanakan dengan secara teratur dan sihat bukan sahaja bagi pihak pengilang-pengilang yang berkenaan bahkan juga supaya perkembangan di bidang sektor ini disalurkan kepada cara-cara dan jalan-jalan dalam mana kita dapat mencapai matlamat-matlamat yang kita setuju di bawah dasar-dasar tertentu yang telah diadakan dan dipersetujui oleh rakyat keseluruhannya. Oleh kerana itu Kerajaan melalui Kementerian saya dan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun mengkaji semula Akta ini dengan tujuan menjelaskan serta memperkemas mana-mana peruntukan yang dianggap telah menimbulkan keraguan kekhawatiran, dan kebimbangan di kalangan pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara besar yang dibangkitkan ialah mengenai rayuan di mana di dalam Undang-undang yang ada sekarang ini tidak ada peruntukan bagi pengilang-pengilang mendapat rayuan terhadap keputusan-keputusan mengenai pengeluaran lesen, penolakan lesen dan juga memindahmilikkan lesen iaitu tiga perkara yang kita anggap penting dalam mana perlu diadakan kemudahan untuk rayuan dibuat kepada pihak yang lain. Kerajaan berpendapat adalah munasabah supaya satu peruntukan yang sesuai diadakan bagi membolehkan rayuan itu dibuat terhadap keputusan-keputusan yang saya nyatakan tadi.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini memberi peruntukan supaya rayuan-rayuan oleh pihak-pihak yang tidak berpuas hati kerana permohonan untuk mendapatkan lesen yang ditolak ataupun permohonan untuk memindahmilik lesen ditolak ataupun lesennya dibatalkan dikemukakan kepada Menteri. Oleh

kerana Menteri akan menjadi badan rayuan di bawah Akta Pindaan ini maka badan yang mengeluarkan lesen-lesen dan bertanggungjawab bagi mentadbirkan Akta ini haruslah pula diberi tanggungjawabnya kepada satu pihak yang lain. Oleh itu, Fasal 8 di dalam Rang Undang-undang ini memberi peruntukan supaya seorang Pegawai Pelesen (Licensing Officer) dilantik oleh Perdana Menteri bagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Dalam pindaan yang dicadangkan ini Menteri pula adalah badan rayuan yang akan bertanggungjawab memastikan bahawa Undang-undang ini dijalankan dengan adil dan saksama dan selaras dengan matlamat-matlamat ataupun objectives Undang-undang ini. Cara-cara (procedure) mengenai rayuan ini akan dijelaskan di dalam peraturan-peraturan (rules) yang akan dikeluarkan di bawah Akta ini.

Tentang perkara ini ada juga kebimbangan di kalangan setengah-setengah pihak sebagaimana juga telah disuarakan di dalam Dewan ini bahawa dengan adanya peruntukan di bawah Undang-undang (Pindaan) ini iaitu keputusan yang dibuat oleh Menteri tidak dibenarkan dirayu kepada pihak lain, pihak-pihak yang berkenaan ini telah menaruh kebimbangan bahawa ini akan menutup pintu kepada bolehnya seseorang yang tidak puas hati di atas keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di bawah pindaan ini oleh Licensing Officer diangkat ke atas merayu kepada mahkamah. Saya telah jelaskan perkara ini di dalam jawapan ataupun penjelasan yang saya telah beri apabila menggulung perbahasan berkenaan dengan Kementerian saya dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana di dalam perkara-perkara yang seperti itu saya telah menyatakan bahawa dalam pada adanya peruntukan ini maka adalah kedudukan Undang-undang, sebagaimana dibuktikan di dalam banyak Undang-undang, rayuan masih lagi boleh dibuat kepada mahkamah kalau sekiranya keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan itu khususnya Pegawai Pelesen adalah dibuat, umpamanya, bertentangan dengan Undang-undang ataupun prinsip natural justice, keadilan am. Umpamanya, jikalau sekiranya orang itu tidak diberi kesempatan untuk menyampaikan pandangan-pandangannya

ataupun rayuannya tentang apa sahaja tindakan yang telah dibuat oleh Menteri ataupun jikalau sekiranya Menteri itu telah membuat kesilapan dari segi Undang-undang sebagaimana dibuktikan daripada catitan-catitan ataupun rekod keputusan itu Menteri telah membuat satu keputusan yang bertentangan dengan kedudukan Undang-undang ataupun telah membuat ketetapan yang tidak ada kait-mengait langsung dengan sebab-sebab yang munasabah tetapi bergantung semata-mata kepada sebab-sebab yang terkeluar daripada kuasa ataupun timbang tiliknya menimbangkannya pada masa menentukan sesuatu ketetapan itu ataupun kalau sekiranya ada bukti bahawa Pegawai Pelesen itu telah membuat keputusan dengan tujuan yang tidak baik.

Kerajaan juga bercadang untuk meminda takrif beberapa perkataan yang terdapat di dalam Akta ini yang boleh disalahertikan oleh setengah-setengah pihak, umpamanya, takrif "keluaran" (product) akan dipinda sebagaimana Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini supaya ia juga bermaksud "satu bidang keluaran-keluaran" (a range of products). Ini ialah untuk memberi jaminan bahawa jika didapati sesuai maka Kerajaan akan meluluskan keluaran mengikut range dalam mana pengilang yang berkenaan diberi kelonggaran (flexibility) untuk membolehkannya mengeluarkan keluaran-keluaran mengikut kepentingan perniagaannya.

Selain daripada itu Kerajaan juga bercadang menggantikan maksud perkataan "kepentingan negara" (national interest) sebagaimana terkandung di dalam Seksyen 4 dengan perkataan-perkataan yang lebih tepat "selaras dengan matlamat-matlamat ekonomi dan sosial negara." Itu ialah perkataan ayat baru yang telah diperuntukkan menggantikan perkataan yang agak umum, luas sangat iaitu "national interest". Kerajaan memberi jaminan bahawa pengeluaran lesen-lesen di bawah Akta ini adalah "selaras dengan matlamat-matlamat ekonomi dan sosial negara" yang akan menggalakkan kemajuan yang teratur di dalam bidang pengilangan seperti yang diterangkan di dalam Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Ini ialah untuk menyakinkan bahawa lesen-lesen adalah dikeluarkan bukan berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan lain daripada matlamat-matlamat dan dasar-dasar seperti khususnya perkembangan sektor

pengilangan yang sihat, dasar-dasar ekonomi dan sosial negara yang kita sama-sama telah terima dan persetujuan. Seperti yang dijelaskan tadi satu daripada punca kekhuatiran oleh setengah-setengah pihak ialah tentang kuasa Menteri untuk mengenakan apa juga syarat yang difikirkan perlu dan juga mengubah syarat tersebut sekiranya beliau mendapati perlu untuk meyakinkan pihak-pihak ini.

Seksyen 3 (3) Rang Undang-undang ini memberi jaminan bahawa syarat-syarat yang dikenakan itu adalah sesuai bagi mencapai matlamat-matlamat ekonomi dan sosial negara dan sekiranya Pegawai Pelesenan hendak mengubah syarat-syarat itu maka beliau akan mengadakan perundingan terlebih dahulu dengan pekilang-pekilang yang berkenaan. Ini ialah untuk menjamin bahawa kuasa-kuasa itu tidak dijalankan dengan sewenang-wenangnya tanpa pihak pengilang mengetahui tujuan dan sebab-sebab syarat-syarat itu diubah.

Satu lagi perkara yang telah menimbulkan kegelisahan bagi setengah-setengah pihak ialah kekhuatiran mereka bahawa Akta ini tidak memberi jaminan, bahawa permohonan-permohonan untuk memindahkan lesen disebabkan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian, keuzuran, kebangkrapan dan sebagainya akan sayugia diluluskan oleh Kerajaan. Adalah menjadi tujuan Kerajaan bahawa bagi keadaan-keadaan yang munasabah seperti yang dinyatakan tadi permohonan-permohonan untuk memindah lesen akan diluluskan. Oleh yang demikian, Fasal 4 Rang Undang-undang ini menjelaskan bahawa bagi keadaan-keadaan yang munasabah pegawai-pegawai pelesenan akan meluluskan permohonan bagi memindahkan lesen.

Berkenaan dengan syarat Seksyen 7 (2) Akta ini yang menyentuh tentang perubahan di dalam keluaran-keluaran yang ditetapkan di dalam satu-satu lesen adalah didapati bahawa setengah-setengah pihak kurang jelas dengan maksud tuntutan itu. Oleh yang demikian, Fasal 5 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan menjelaskan bahawa seorang pengilang itu tidak boleh mengeluarkan sebarang keluaran yang lain daripada apa yang telah ditetapkan untuknya di dalam lesen tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh Pegawai Pelesen dan kedua seorang

pengilang itu boleh menggantung atau memberhentikan pengeluaran-pengeluaran yang ditetapkan di dalam lesen itu selepas diberitahu Pegawai Pelesen secara bertulis.

Seksyen 9 (4) Akta ini memberi kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa ataupun Authorised Officer untuk memeriksa dan mengeledah tempat-tempat pengilangan tanpa mendapatkan waran daripada majestrit sekiranya pegawai-pegawai itu berpuas hati sesuatu kesalahan di bawah Akta ini sedang dilakukan. Setengah-setengah pihak bimbang bahawa kuasanya akan disalahgunakan. Untuk mengelakkan kejadian seumpama ini Fasal 6 Rang Undang-undang ini memberi peruntukan bahawa kuasa ini akan hanya boleh dijalankan selepas mendapat kelulusan bertulis daripada pihak yang berkenaan iaitu pihak Menteri. Lain-lain pindaan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini adalah consequential sahaja.

Saya juga suka mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah juga mengkaji semula syarat-syarat yang dikenakan kepada lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini dengan tujuan menjelas dan memperkemas lagi beberapa syarat yang tidak jelas kepada pihak sektor swasta. Syarat-syarat ini adalah melambangkan dasar-dasar negara mengenai perindustrian dan amatlah penting bagi memastikan perkembangan yang teratur di dalam sektor pengilangan serta membantu pelaksanaan dasar-dasar mengenai perindustrian. Satu daripada pindaan yang dicadangkan ialah syarikat-syarikat yang mempunyai pelaburan tetap ataupun fixed investment iaitu kos tanah, bangunan-bangunan, mesen dan lain-lain kelengkapan yang digunakan di dalam perniagaan sesebuah syarikat itu yang kurang daripada \$500,000 adalah dikecualikan daripada syarat mengenai equity di bawah Akta ini. Tujuan pengecualian ini ialah supaya perusahaan-perusahaan kecil yang diselenggarakan oleh ahli-ahli keluarga (family business) terkeluar daripada syarat equity. Walau bagaimanapun, perusahaan-perusahaan ini perlu mematuhi syarat-syarat lain yang dikenakan kepada lesen mereka. Syarat equity bagi syarikat-syarikat yang mempunyai pelaburan tetap lebih daripada \$500,000 adalah ditentukan mengikut kategori syarikat-syarikat tersebut.

Saya suka menjelaskan bahawa pindaan kepada syarat-syarat yang dikenakan di dalam lesen telahpun dibincangkan dengan mendalam dengan sektor swasta dan juga di Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan. Pada keseluruhannya mereka adalah menerima dengan baik pindaan-pindaan yang dicadangkan pada syarat-syarat ataupun conditions tersebut. Kerajaan juga telah menerima beberapa cadangan daripada sektor swasta supaya mengubah borang untuk mendapatkan lesen di bawah Akta ini. Saya suka memaklumkan bahawa borang-borang tersebut telahpun disemak semula dan pindaan-pindaan yang sesuai telah dibuat dengan persetujuan pihak-pihak yang berkenaan termasuk pihak swasta bagi menyenangkan lagi pihak pengilang-pengilang membuat permohonan mereka di bawah Akta ini.

Di bawah Akta yang ada sekarang ini tarikh akhir mengikut undang-undang ini dalam mana permohonan untuk lesen perlu disampaikan kepada Kementerian adalah dalam masa tempoh setahun selepas berjalannya kuatkuasa undang-undang ini iaitu pada 30hb April ini, maka bagi menyenangkan pihak berkenaan membuat permohonan di dalam masa ditetapkan dan memandangkan kepada adanya borang-borang yang baru maka kami berpendapat memadailah dahulu sebelum 30hb April ini bahawa mereka menyatakan secara bertulis keinginan mereka membuat permohonan bagi lesen di bawah Akta ini dan borang-borang yang berkenaan bolehlah diisi dan disampaikan kepada Kementerian selepas tarikh ini dalam masa tempoh masa yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan bahawa pindaan-pindaan ini tidak mengubah prinsip-prinsip Akta ini dan saya yakin pindaan-pindaan Akta tersebut akan diterima baik oleh semua pihak terutamanya para pengilang sendiri. Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa Akta ini akan dapat menghapuskan kekhawatiran dan kebimbangan yang dirasa oleh setengah pihak dan menjamin perkembangan sektor perindustrian yang lebih pesat, lebih sihat dan teratur selaras dengan kenyataan bahawa sektor pengilangan sebagaimana yang saya katakan tadi akan menjadi satu sektor yang dinamik di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.48 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang ini bagi meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang boleh dikatakan satu kebaikan yang penting dari Akta yang asal itu. Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian izinkanlah saya memberi sedikit pandangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Akta ini sungguhpun telah diluluskan dan diterbitkan dalam Warta Kerajaan pada 22hb Mei, 1975, dengan pindaan ini boleh dianggap sebagai Akta yang baru. Tuan Yang di-Pertua, menguatkuasakan Akta ini seperti setengah undang-undang kawalan akan menimbulkan masalah kerumitan pada awal masanya dari segi praktikal atas menjalankan perusahaan masing-masing. Kerumitan ini tidak boleh dianggarkan lebih dahulu. Di sini saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian berat dan menaruh belas kasihan kepada mereka yang berkenaan dan mengambil apa sahaja langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesulitan jikalau timbul, pihak pengilang itu khasnya pengilang modal sederhana atau bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan dan perusahaan adalah satu lapangan ekonomi yang praktikal dan memerlukan pengalaman yang luas dan mendalam. Oleh yang demikian, Pegawai-pegawai Pelesen yang akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah mempunyai kuasa yang begitu luas seperti menerima permohonan-permohonan lesen dan meluluskan atau menolak permohonan itu dan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut. Memberi kebenaran pindah milik daripada seorang pengilang kepada seorang pengilang yang lain dan yang penting sekali membatalkan sesuatu lesen dengan syarat-syarat tertentu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Pegawai Pelesen mempunyai kuasa yang begitu kuat, sikap dan tindakan pegawai ini dengan

pastinya secara langsung atau tidak langsung akan mempengaruhi perjalanan tujuan Akta ini dengan cara kebetulan atau tidak. Saya yakin benar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan nasihat Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan dapat melantik seorang pegawai yang berpengalaman dengan lebih mendalam, dari segi perindustrian dan lebih simpati terhadap masalah-masalah serta permohonan-permohonan pihak pengilang yang hampir 10,000 orang di dalam negara kita ini.

Walaupun Yang Berhormat Menteri tidak ingin berbuat demikian pada masa ini, saya menyeru juga Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan supaya membentuk sebuah Lembaga Penasihat termasuk wakil daripada pihak pedagang dan pengilang sendiri yang saya rasa akan memberi pendapatnya terhadap rayuan-rayuan dan segala masalah berkaitan dengan I.C.A. dengan lebih praktikal dan berfaedah untuk mencapai segala tujuan I.C.A. ini pada masa yang akan datang.

5.51 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kuat atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ini. Dan saya menaruh keyakinan bahawa dengan adanya peruntukan-peruntukan tambahan ini bahawa pelabur asing dan perkilangan dalam negeri kita ini akan berjalan dengan begitu pesat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya cuma hendak menyentuh apa yang ada kaitan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri ketika mengemukakan hujjah-hujjah supaya Rang Undang-undang ini diluluskan. Pertama sekali berkenaan dengan suasana muram. Kedua, Pegawai Pelesen. Ketiga, berhubung dengan dasar negara dalam perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan licin dan dapat sambutan daripada pelabur-pelabur asing ke dalam negeri kita ini. Satu perkara yang menurut hemat saya yang cetek ini patut diberi perhatian oleh Kerajaan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh membawa perkara ini kepada Kerajaan dan juga kepada Ke-

menterian-kementerian yang ada kaitan dan sangkutan dengan pelaksanaan kuatkuasa peruntukan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi yang pertama suasana kemuraman, walaupun ada tumbuh banyak perkilangan dalam negeri kita ini tetapi saya fikir Kerajaan kenalah memerhatikannya. Kemuraman ini pada fikiran saya berpunca daripada tiga sebab.

Yang pertama, walaupun kita telah membuat beberapa kunjungan kepada negara-negara yang maju supaya dapat Kerajaan negeri itu atau syarikat-syarikat perniagaan dalam negeri itu menaruh keyakinan bagi memberi kerjasama menanam modal dalam perusahaan negeri kita yang kaya dengan bahan-bahan mentah tetapi sehingga sekarang saya berpendapat kurang menggalakkan. Ini adalah di antara beberapa sebab.

Tuan Yang di-Pertua, waktu saya membawa satu soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, satu daripada kemuraman ini ialah dengan sebab ada setengah-setengah negeri menaruh keyakinan bahawa Theory Domino itu akan terlibat dalam negara kita. Walaupun kita telah mematahkan fahaman-fahaman ini dengan beberapa cara tetapi melekat juga pada pemikiran setengah-setengah ahli-ahli perniagaan luar negeri. Mereka sentiasa mengikut pergolakan politik di kawasan Tenggara Asia ini. Tetapi kadang-kala sengaja diburuk-burukkan oleh anasir-anasir anti-nasional atau negara-negara blok komunis supaya negeri kita ini tidak dimonopoli ekonominya oleh sesuatu negeri blok barat atau blok Amerika.

Saya menaruh keyakinan, walaupun anasir-anasir ini kita tidak nampak berterus terang, tetapi mereka ada mempunyai ejen yang banyak di seluruh negara ini membuat berbagai strategy berselerak di selatan Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia. Ini saya harap di bawah Kementerian yang berkenaan bahawa kedutaan kita di luar negeri khususnya Attache Perdagangan kita hendaklah memberi fahaman yang begitu luas kepada sesiapa juga ahli-ahli perniagaan dan negara-negara yang berazam hendak menanam modalnya dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan ini berupa suasana lembab dan muram hendak masuk menanam modal dalam negara kita ini dengan sebab adanya pergolakan politik dalam negeri ini. Baru-baru ini, kita telah tengok pertelagahan di antara parti-parti yang memerintah Kerajaan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin supaya saya bangkitkan kerana ini ada kaitannya dengan hal yang kita bahaskan ini, iaitu negeri-negeri luar memandang suasana politik negeri ini. Sekarang siapa yang memerintah. Kalau UMNO tidak memerintah, tidak menjadi parti teras pemerintah—Kerajaan Barisan Nasional mereka juga enggan melaburkan modal dalam tanahair kita. Sekarang kita tengok politik UMNO dengan PAS, baik. Tetapi ada anasir-anasir yang cuba hendak memecahkan politik UMNO. Dan UMNO juga bersama-sama UMNO sendiri menentang dasar Kerajaan. Jadi suasana ini adalah melibatkan pandangan luar negeri atas pergolakan politik dalam tanahair kita.

Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat membetulkan ahli-ahli UMNO jangan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah atas apa yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan. Ini adalah dari segi suasana politik dalam tanahair, hendak memper-teguhkan kekuatan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tenaga mahir ini juga, kita mesti fikirkan samada tenaga mahir ini yang kita dapat dalam negeri kita ataupun buruh-buruh kasar yang kita boleh perolehi dalam negeri kita. Sebab apabila sesuatu pelabur hendak menanam modal di dalam bidang per-kilangan di negeri ini, satu masalah yang sangat susah kepada mereka ialah untuk mendapatkan tenaga mahir dan juga pakar-pakar dalam perindustriannya, mereka selalu mendapat sekatan dan soalan-soalan yang berlanjutan daripada Kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Ini satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kementerian ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mesti dengan tegas menyatakan bahawa dasar perindustrian dalam negeri kita ini tidak hendak "menghak-negarakan". Ini menjadi satu ketakutan kepada pelabur-pelabur asing. Walaupun ada setengah-setengah anasir mengugut Kerajaan, mengugut Kesatuan

Sekerja supaya gaji-gaji pekerja dinaikkan dengan kadar yang mahal. Ini satu keadaan yang merunsingkan pelabur-pelabur yang hendak menanam modal dalam negeri kita.

Saya harap masalah-masalah ini supaya dapat diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya dalam masalah Pegawai Pelesen di bawah Jabatan Perdana Menteri. Amalan ini sepatutnya jangan dikenakan lagi pada masa hadapan sebab pada masa dahulu pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini pernah mengeluarkan lesen lebih awal kepada pengilang-pengilang dalam sebuah negeri padahal negeri itu tidak dapat tahu yang lesennya telah dikeluarkan. Orang yang mengusahakan kilang itu telah membuat usahanya dengan membeli tanah, mengadakan kilang tetapi lesen ini dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini dengan tidak setahu Kerajaan negeri itu. Bila Kerajaan Negeri itu tidak tahu; Kerajaan ada hak macam-macam halangan, macam-macam sekatan dan macam-macam soalan yang ditanyakan kepada pengilang yang lesennya telah dibenarkan itu. Jadi, masalah ini, saya harap satu masa yang akan datang penyelarasan Kementerian ini dengan Kerajaan tiap-tiap negeri atau ajensi-ajensi tiap-tiap negeri hendaklah diselaraskan dengan begitu sempurna dan licin kerana setengah-setengah negeri masalah tanah ini telah diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir Kementerian ini patut memikirkan dasar perindustrian kita berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini patut kita terangkan kepada dunia luar berhubung dengan dasar kita dan juga kepada rakyat negeri ini yang kadang-kadang mereka tidak berapa faham atas Dasar Ekonomi Baru itu dengan tujuan memberi 30% kepada bumiputra dalam mana perusahaan perindustrian itu mereka menganggap bahawa Kerajaan negeri ini mengambil hak mereka. Masalah itu, pernah diterangkan oleh pemimpin kita dan Kerajaan iaitu kita tidak berniat sama sekali mengganggu hak seseorang dan tidak sama sekali berupa bumiputra monopoli dalam perkara ini, bahkan tujuan kita supaya dapat

menimbangkan Dasar Ekonomi Baru sama dirasai oleh bumiputra pada satu masa lagi yang akan datang.

Ada satu perkara lagi iaitu berhubung dengan pengilangan yang hendak diwujudkan ini hendaklah Kementerian ini bekerjasama pula dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berhubung dengan kegelisahan rakyat iaitu kalau kilang itu telah ditubuhkan dengan banyak di satu-satu kawasan maka timbul pencemaran alam dan kekotoran sungai, ini satu masalah. Kalau dalam estet itu telah didirikan banyak kilang satu perkara yang menggelisahkan rakyat berhubung dengan pencemaran alam dan kekotoran sungai bukan sahaja sungai kotor, ikannya pun mati. Jadi masalah ini juga patut Kementerian ini memberikan perhatian dan bekerjasama dengan Kementerian yang berkenaan supaya bila industri kita wujudkan, dia bukan hendak robohkan setahun, dua tahun bahkan beratus-ratus tahun dia akan hidup di atas tapak itu dan selama itulah pencemaran alam, udara, pencemaran sungai itu dirasai oleh penduduk-penduduk dan rakyat dalam negeri ini.

6.05 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang meminda Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian di dalam Dewan yang mulia ini. Sepertimana kita semua telah maklum tujuan utama daripada Rang Undang-undang ini ialah untuk mengadakan satu pembahagian yang lebih adil kepada seluruh rakyat negeri ini dengan tujuan untuk mendirikan sebuah negara yang makmur dan menghilangkan perbezaan kedudukan di antara kaum yang mendiami di dalam negara ini.

Di dalam proses ini sebelum daripada Undang-undang ini dipinda Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga mengadakan dasar masing-masing iaitu membetulkan kedudukan perbezaan di antara industri-industri atau perusahaan-perusahaan bumiputra dengan yang bukan bumiputra. Di dalam hal ini Kerajaan-kerajaan Negeri telah

menguntukkan beberapa bahagian mengenai perkilangan dan juga perlombongan yang dikhususkan untuk bumiputra menjalankan.

Oleh kerana Undang-undang ini meliputi seluruh negara, maka telah timbul sedikit-sebanyak kekhawatiran kalau-kalau peruntukan yang dikhususkan kepada bumiputra yang dilancarkan oleh negeri masing-masing akan tersentuh yang mungkin mengakibatkan tidak tercapainya tujuan asal iaitu menyediakan satu pembahagian yang lebih adil di dalam industri dan perniagaan. Jadi, untuk mendapatkan satu rekod ataupun kenyataan yang lebih boleh menghilangkan kebimbangan-kebimbangan daripada negeri-negeri yang telah menjalankan usaha-usaha ini tentulah kita berkehendakkan satu commitment ataupun satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan. Walaupun Undang-undang ini dilaksanakan kelak, maka segala apa yang dikhususkan atau apa yang telah dihadkan di dalam negeri masing-masing itu tidak akan disentuh demi untuk menjaga supaya jangan satu pihak hanya mengambil kesempatan untuk mendapat pembahagian di dalam hal ini untuk memburu di mana-mana tempat dalam negeri-negeri yang ada peruntukan dikhaskan kepada bumiputra didesak supaya Undang-undang ini dilaksanakan untuk mendapat kepentingan masing-masing. Saya harap pembahagian asas yang dikehendaki pada mulanya mestilah kita jangan menyimpang daripada asas yang awal iaitu menyediakan satu peraturan atau undang-undang yang matlamatnya untuk memberi pembahagian yang lebih adil untuk menuju kepada mendirikan satu bangsa yang lebih bahagia dalam tanahair kita.

6.07 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Penyelarasan Perindustrian (I.C.A.) telah membangkitkan perbincangan dan perbahasan hebat semenjak ia diluluskan. Saya sangat gembira Yang Berhormat Menteri telah mengambil perhatian atas pendapat-pendapat yang telah dikemukakan. Bil pindaan ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Datuk Hamzah adalah seorang Menteri yang responsive dan flexible.

Tetapi malangnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan sangatlah berkurangan, pindaan-pindaannya tidak cukup sampai bagi meredakan kebimbangan di pihak swasta. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa tujuan Akta Penyelarasan Perindustrian—mengatur perkembangan perindustrian selaras dengan Dasar Ekonomi Baru—adalah suatu yang baik dan dipuji. Pokok kelemahannya ialah ia bergantung terlalu banyak kepada kuasa birokrasi dan sedikit sahaja atas galakan ekonomi untuk mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada teorinya, Akta tersebut sangat liberal dan flexible. Mengikut proviso-proviso yang tertentu, pengilang-pengilang boleh mendapat pengecualian daripada pentadbiran Kerajaan daripada berbagai syarat dan keperluan.

Pada praktiknya, apa yang benar-benar berlaku adalah berlainan. Pada amnya, pegawai-pegawai yang terdapat hari ini, terutama di tingkatan birokrasi yang rendah dan tengah, bukanlah seperti mereka yang dahulu. Ada setengah-setengah yang tidak cukup mengerti apa yang mereka buat. Mereka ragu. Mereka dalam kebimbangan. Kadangkala mereka memberi pendapat yang berselisih faham. Akibatnya, seorang pemohon untuk pengecualian itu kenalah lari ke sini dan ke sana dalam lorong-lorong birokrasi sehingga ia merasa bosan. As a result the applicant for exemption has to run back and forth along the corridors of bureaucracy until he gives up in frustration.

Tambahan pula, lagi banyak birokrasi bermakna memberi lebih peluang kepada rasuah. Saya tidak berkata semua pegawai-pegawai itu tidak jujur, tetapi Yang Berhormat Menteri sendiri boleh mengakui adanya sedikit kecurangan itu. Pegawai yang tidak jujur tentu akan menjalankan “kerja” yang dikehendaki dengan senang hatinya kalau ia boleh mendapat “bayaran” yang disetujui. Lagi besar “bayaran” lagi cepatlah kelulusan pengecualian yang dikehendaki. A corrupt official will happily exercise his discretion for an agreed fee. The bigger the fee the faster the approval for exemption.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat menimbang semula pindaan ini dan memasukkan tambahan pindaan-pindaan

supaya lebih “red-tape” lagi dapat dihapuskan. Kami tidak merasa ragu tentang jaminan Menteri tetapi tiap-tiap hari usahawan-usahawan negara kita berurus bukan dengan Menteri tetapi dengan pegawai-pegawai beliau. Jarang sekali mereka dapat berjumpa dengan Menteri sendiri. Sungguhpun begitu, mereka tidak berani bercakap terus-terang kepada Menteri oleh sebab mereka takut tindakan balas daripada pegawai-pegawainya.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman modal persendirian, baik dalam negeri atau luar telah hampir berhenti semenjak Akta Penyelarasan Perindustrian diluluskan dalam tahun 1975. Sikap tunggu dan lihat masih berjalan lagi. Saya difahamkan bank-bank sangat bimbang kerana terdapat sedikit bilangan peminjam-peminjam. Sebilangan kecil sahaja yang meminjam untuk membuat tanaman modal.

Malaysia mempunyai pendirian yang teguh di bidang tanaman modal persendirian. Tambahan pula, terdapat banyak bahan-bahan mentah dan rakyat yang rajin dan bijaksana. Sangatlah sedih kalau bahan-bahan yang ada tidak digunakan untuk kepentingan negara. Rasanya masih belum terlambat lagi bagi Yang Berhormat Menteri untuk memberi nafas yang baru kepada pemodal-pemodal di Malaysia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyokong Bil ini dan saya harap pada masa akan datang lebih banyak pindaan-pindaan yang baik akan dibuat.

6.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana saya berasa lapang hati di atas keterangan-keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab di atas perkara ini. Sebelum daripada itu banyak keraguan-keraguan yang timbul daripada hati rakyat di dalam negeri ataupun orang-orang yang hendak menanam modal ke dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah orang iaitu rakyat jelata dalam negeri ini menyatakan oleh kerana Rang

Undang-undang inilah maka penanam modal tidak masuk ke dalam negeri ini, seperti mana Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi iaitu kurang ataupun tidak ada langsung modal yang hendak masuk dan bank pun rasa susah hati, sebab pemodal asing tidak hendak meminjam wang untuk mendirikan kilang di negeri ini. Apakah sebab-sebabnya? Sebab-sebabnya yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah kerana recession di seluruh dunia ini. Itu satu daripada sebab yang mustahak sekali. Samada tahu atau tidak iaitu di negeri Jepun sendiri tiap-tiap bulan lebih daripada 100 kilang-kilang yang ditutup, beribu-ribu kedai-kedai yang ditutup oleh kerana recession yang begitu teruk di negeri-negeri industri yang menganjurkan industri-industri. Dengan sebab itu, saya tidak hairan jikalau sekiranya di negeri kita ini tidak banyak orang datang menanam modal oleh kerana modal asing yang ada ditanam di negerinya sendiri pun tidak boleh berjalan dengan begitu baik. Itu satu daripada sebabnya.

Kedua, di dalam tahun 1965, 1966, 1967 dan 1968 sewaktu Dr Lim Swee Aun menjadi Menteri Perdagangan dahulu, di masa itu banyak sangat pelabur modal datang, sesudah itu Yang Berhormat Encik Mohamed Khir Johari menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan, banyak pelabur-pelabur asing datang. Apakah sebabnya? Satu daripada sebabnya pemodal-pemodal itu datang ke negeri kita ini menanam modal oleh kerana mereka ini mendirikan kilang untuk perusahaan-perusahaan yang mereka ini akan mengilang dan menjual di sini, 100% akan dijual di negeri ini. Itu yang banyak kita tengok pada hari ini seperti kilang simen, 4-5 kilang simen yang besar-besar didirikan oleh kerana apabila perusahaan ini sudah dikilang maka dijualkan simennya di dalam negeri kita ini. Begitu juga kilang-kilang tayar, diadakan kilang Dunlop yang besar. Pada satu masa dahulu di waktu mesyuarat, Dewan terpaksa ditangguhkan oleh kerana hendak menghadiri pembukaan kilang Dunlop untuk membuat tayar Dunlop di dalam negeri kita ini. Begitu juga kilang-kilang yang lain tetapi kilang-kilang ini sekarang semua sudah ada, sudah s'ap, tinggal lagi kalau misalnya pada hari ini kilang yang membuat motokar, bukan kita membuat motokar di negeri kita tetapi

pemasangnya alat-alatnya itu kita cantumkan sahaja. Pada masa akan datang boleh jadi orang-orang akan menanam modal di sini kerana hendak membuat screw untuk motokar itu, jadi betul-betul perkakas ini dibuat dalam negeri ini. Boleh jadi perkara itu akan datang dan mereka ini akan menanam modal di negeri kita ini. Dengan sebab itu alasan-alasan yang diberikan oleh setengah-setengah daripada warganegara kita ataupun orang-orang luar tidaklah menasabah sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar Kerajaan pada hari ini yang saya tahu dan yang telah dihamburkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ataupun pada Menteri-menteri kita telah mengatakan iaitu daripada 1969 dahulu iaitu dasar kita untuk menyeimbangkan hidupnya rakyat apa bangsapun dalam negeri kita ini terutama sekali dalam iktisad dan sosial ini iaitu selepas 13hb Mei tempoh hari perkara ini-pun berjalan dan terus berjalan tetapi undang-undang belum dibuat lagi pada hari ini, maka barangkali jikalau sesuatu perkara ini katakanlah 30% hendak diberi kepada bumiputra jikalau sekiranya satu syarikat itu tidak mahu memberi hak 30% itu kepada bumiputra misalnya, apakah tindakan yang mesti kita ambil. Jadi, orang-orang Melayu, bumiputra yang lain mengatakan tengok bagaimana keadaannya kami hendak membeli saham tetapi di kilang itu kita tidak dapat beli 30% dan wang itu pula mengatakan kami tidak mahu beri, apa Kerajaan boleh buat. Apa tindakan Kerajaan boleh buat. Jadi, pada masa itu mestilah diadakan satu undang-undang bukan undang-undang ini untuk merampas hak orang lain. Ini barangkali jikalau ada hendak merampas hak orang lain maka di dalam Perlembagaan ada mengatakan tidak boleh sekali-kali dirampas hak orang lain. Ini saya yakin dan percaya adalah untuk growth yang dahulu negeri kita ini pembangunannya cukup pesat, jadi growth di dalam industri, growth di dalam industri itulah yang dikehendaki supaya rakyat Malaysia ini mendapat bahagian 40% kepada warganegara yang lain daripada Melayu, 30% kepada orang-orang Melayu dan bumiputra daripada Sabah dan Sarawak dan Malaysia ini dibahagikan supaya jangan ada rungutan-rungutan pada masa akan datang iaitu pembahagian itu tidak betul.

Dengan sebab itu diperbetulkan, diadakan satu Rang Undang-undang sepertimana yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini sebelum perkara ini berjalan tentulah banyak difikirkan oleh orang lain iaitu waswas dalam hati. Kepercayaan tidak ada di atas undang-undang ini. Tetapi pada hari ini Yang Berhormat Menteri telah memberi ikrar, telah berjanji, saya yakin dan percaya kalau Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Yang Berhormat Datuk Hamzah telah berjanji bukan sahaja beliau jadi Datuk tetapi beliau sudah naik Haji, pergi ke Mekah satu dua kali, sembahyang lima waktu sehari semalam, entah ya, entah tidak, saya tidak tahu, semuanya betul, tetapi kalau sudah berjanji seperti orang Islam, janjinya itu saya pegang. Beliau telah berjanji untuk menegokkan supaya Rang Undang-undang ini dijalankan secara adil dan saksama supaya rakyat jelata apa bangsanya sekalipun yang telah menjadi warganegara dalam negeri ini mestilah mendapat keadilan supaya jangan satu pihak sahaja yang mendapat lebih, satu pihak mendapat kurang. Ini yang saya minta supaya kesejahteraan, ketenteraman dapat kita jalankan dengan sempurna. Ini saya minta kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik menyatakan iaitu bureaucracy dan rasuah. Di sini apa sahaja, bukan sahaja dalam perkara rasuah ini ataupun Rang Undang-undang ini serta apa sahaja, sebab rasuah ini bukan sahaja di dalam negara kita, rasuah ada di Amerika, rasuah ada di England dan rasuah ada di mana-mana sahaja. Ini terpulanglah kepada pegawai yang bertanggungjawab tadi, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ini sekiranya mereka berkehendakan negeri ini berjalan dengan teratur maka rasuah ini tidak akan begitu berleluasan tetapi sekiranya pegawai ini tidak bertanggungjawab apa yang dikatakan oleh Dr Lim Keng Yaik lebih besar diberi duit, lebih senang dapat lesen, saya berkehendakkan Menteri yang bertanggungjawab, jikalau ada pegawai-pegawai yang seumpama ini didapati pegawai-pegawai ini memalukan Kementerian itu dan juga bukan sahaja Kementerian itu tetapi juga negara kita, maka pegawai itu walaupun apa pangkatnya sekali pun apa

darjatnya sekali pun, hendaklah diambil tindakan yang cukup berat terhadapnya supaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik tadi tidak terjadi di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lesen. Saya yakin dan percaya oleh kerana diadakan lesen-lesen untuk mengilang, jikalau tidak ada kontrol di atas perkara ini di sini-lah menjadi satu perkara competition yang tidak dapat pada masa akan datang diambil langkah iaitu di atas perkara pengeluaran barang-barang. Sekiranya satu barang satu orang buat misalnya kertas seperti ini, 100 orang akan membuat kertas seperti ini bukan sahaja satu orang akan rugi tetapi 100 orang akan rugi oleh kerana competition begini. Dengan sebab itu saya yakin dan percaya Kementerian ini membuat satu undang-undang supaya menghadkan lesen-lesen daripada dua, tiga, empat manufacturers bukan kerana si A dan si B sudah ada membuat perkara ini oleh sebab buah hati kepada Menteri ini, maka tidak boleh lagi orang-orang membuat kilang-kilang itu tetapi sesungguhnya menahan supaya jangan ada pada masa akan datang bukan sahaja A dan B atau C yang bengkrap tetapi C, D, E dan F yang membuat perusahaan itu akan juga jatuh sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi berkenaan dengan bumiputra supaya sekurang-kurangnya 30% hak ekonomi itu di dalam tempoh 1990 di dalam bidang perniagaan dan perusahaan hendaklah dipegang oleh bumiputra. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyatakan mengenai perkara tersebut. Dan pada hari ini, selepas 20 tahun Malaysia merdeka, saya yakin dan percaya apa yang saya katakan ini adalah kebenaran, cuma 2.5% sahaja yang betul-betul ekonomi negeri ini dipegang oleh individu-individu orang Melayu. Barangkali 3.5% adalah dipegang oleh PERANSANG, PERNAS, UDA, MARA dan sebagainya, dan jika dicampurkan dengan badan-badan ini seperti yang dikatakan oleh Menteri tadi berjumlah 6%. Di dalam tempoh 20 tahun seperti yang telah dijanjikan, maka dalam masa 15 tahun lagi yang akan datang ini sekurang-kurangnya 30% iktisad negeri ini hendaklah dipegang oleh bumiputra. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangat

kepada Menteri yang bertanggungjawab, iaitu apa yang dibimbangkan oleh seorang Yang Berhormat daripada Barisan Nasional bahawa MARA atau badan-badan Kerajaan ini akan monopoli benda-benda ini tetapi pada tahun 1990 nanti segala saham-saham daripada UDA, MARA dan sebagainya akan diberi kepada bumiputra. Ini cuma dalam tempoh 15 tahun dipegang oleh badan-perbadanan ini, kemudian akan dipulangkan kepada bumiputra itu, kalau bumiputra pada tahun 1990 atau sebelum tahun 1990 ada berduit untuk membelinya. Kalau tidak badan-badan ini cuma jadi badan sahaja tetapi tidak ada memberi keuntungan langsung kepada bumiputra.

Dengan sebab itu saya syorkan kepada Menteri yang bertanggungjawab bahawa modal orang-orang Melayu dan bumiputra yang kebanyakannya cuma ada lidah dengan gigi dan sedikit-sedikit tanah, supaya pada masa akan datang cuba difikirkan iaitu tanah bumiputra itu dijadikan modal perusahaan, jangan perbadanan itu membuka satu kawasan, kemudian kawasan perusahaan itu dijual. Jadi bila dijual begitu, orang yang kayaraya juga yang membeli kawasan itu dan tentulah perbadanan sahaja boleh membelinya. Selain daripada itu tak dapat apa-apa. Dengan itu saya harap Menteri yang bertanggungjawab ini memerhatikan perkara ini, sungguhpun tanah itu dipunyai oleh State Governments tetapi saya yakin dan percaya Kerajaan Barisan Nasional ini boleh berunding dengan State Governments supaya tanah-tanah yang dipunyai oleh orang Melayu dalam Malay Reservation yang mempunyai "economic value" oleh kerana dekat dengan pekan, dijadikan tempat-tempat perkilangan. Tanah itu ditaksir berapa harga yang sepatutnya, kemudian berkongsi dengan warganegara dalam negara ini ataupun orang-orang luar. Ini dijadikan modal dan tidaklah orang Melayu menjadi "Ali-Baba" selama-lamanya ataupun bersusah-payah untuk meminjam daripada bank jika bank itu memberi pinjaman. Jadi dengan cara ini maka saya rasa pada satu masa akan datang banyak pemodal-pemodal Melayu yang boleh maju ke hadapan dan tidak lagi bersandar kepada bank-bank dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya hendak mengesyorkan kepada Menteri bertanggungjawab berkenaan dengan kilang-kilang di negara ini supaya apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi,

setengahnya sebelum ini telah menyatakan iaitu di negara kita ini banyak kayu balak dan banyak ladang kelapa sawit serta ladang getah dan sebagainya. Tetapi kebanyakan itu lebih kurang 90% daripada bahan-bahan ini adalah diekspot. Ini bukan saya seorang sahaja yang bercakap di atas perkara ini, tetapi banyak juga orang lain bercakap mengenainya tetapi tidak ada tindakan dijalankan ataupun sedikit sahaja usaha dijalankan dalam negeri kita atas bahan-bahan itu. Kalau ditanya oleh Wakil-wakil Rakyat atau Ahli-ahli Dewan Negara, Menteri menyatakan: "Kita tak ada apa-apa masalah, kita boleh hantar balak ke Singapura atau ke luar negeri".

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membangkitkan oleh kerana setengah lesen dipunyai oleh samada orang Melayu atau warganegara yang lain yang memiliki hutan balak yang banyak, maka boleh diperuntukan pula balak itu untuk diekspot. Ini pihak yang bertanggungjawab mesti memikirkan bukan kepada orang-orang yang kaya begini, tetapi mesti difikirkan untuk keuntungan negara. Sungguhpun barangkali perusahaan kayu balak bukan di bawah Kementerian Perdagangan tetapi di bawah Kementerian Perusahaan Utama maka dengan sebab itu perkara ini mestilah dikaji, janganlah takut oleh kerana lesen balak dan lesen hutan itu dipunyai oleh si A yang dia mempunyai kuasa yang besar dalam negeri ini, maka dengan sebab itu kita terpaksa keluaran lesen, tetapi kita mesti memikirkan keuntungan negara, maka kita terpaksa membuat demikian dan mereka juga bolehlah membuat perkilangan, barangkali lebih menguntungkan lagi daripada menjual balak keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kelapa sawit dan getah. Kita cuma ada dua faktori tayar iaitu Goodyear dan Dunlop. Kita tidak mahu dimonopoli oleh Dunlop dan Goodyear sahaja oleh kerana barangkali Dunlop memberi donation yang besar dan begitu juga Goodyear. Ini mestilah ditimbangkan kepada lain-lain kilang, kerana kita ada banyak kilang di sini iaitu kilang membuat tayar untuk diekspot dan lain-lain. Ini mestilah ditimbangkan oleh Kerajaan supaya banyak lagi bahan-bahan mentah yang ada di dalam negeri kita ini diproses untuk kegunaan negeri kita ini.

Berkenaan dengan "licencing officer", tadi ada ditegur oleh Ahli-ahli yang lain, jika dipilih licencing officer itu mestilah ditengokkan supaya mereka itu betul-betul pandai, bijak, adil dan saksama supaya jangan apa yang diragukan oleh rakan-rakan saya itu nanti betul-betul terjadi. Apa yang dipertahankan oleh Menteri tak betul pula nanti. Ini mestilah diingati oleh Kerajaan supaya pegawai yang dipilih nanti oleh Perdana Menteri yang dinasihati oleh Yang Berhormat Menteri adalah seorang pegawai yang betul-betul jujur, bukanlah jujur lurus begitu sahaja, tetapi juga mesti mempunyai apa yang dikatakan tolak ansur berkenaan sesuatu lesen samada untuk dikeluarkan ataupun memberi pertimbangan.

Selain daripada itu saya juga berpendapat banyak orang yang ragu-ragu terhadap Akta yang dikemukakan ini, tetapi sungguhpun setengahnya berasa ragu-ragu, saya yakin dan percaya Kerajaan ini adalah sebuah Kerajaan yang tidak akan menjadi satu Kerajaan komunis dan apa sahaja harta yang ditanam dalam negeri ini tidak akan dinasionalise seperti apa yang dikatakan untuk dijadikan hak negara sebagaimana yang kita lihat di setengah negeri jiran di Tenggara Asia, bahawa ada negeri-negeri yang telah nasionalisekan kilang-kilang, maka negeri itu, saya tengok lebih dahsyat dan lebih teruk lagi merosot kehidupan rakyatnya daripada apa yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya dan tidak sekali-kali merasa ragu-ragu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terutama sekali orang Melayu atau bumiputra dalam negeri ini adalah satu bangsa yang lemah-lembut. Tengoklah Kamus, orang Melayu, orang yang lemah-lembut, bertolak ansur, baik hati dan tidak pernah kita nampak dalam sejarah kita, dalam pemerintahan kita sampai hari ini, belum ada lagi satu jengkal tanah atau suatu lesen kita cancelled untuk orang lain. Ini saya harap kepada Menteri yang berkenaan apabila buat undang-undang ini, jagalah nama Melayu, jagalah nama bumiputra supaya jangan dirampas hak orang lain.

6.40 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

pindaan Rang Undang-undang ini bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang ada dalam Dewan ini dan dalam menyokong Rang Undang-undang ini, sukaulah saya memberi sedikit-sebanyak pandangan saya kepada Akta yang ada ini. Sebelum saya memberi pandangan kepada perkara yang ada dalam Akta ini, saya rasa ini kali yang kedua Kerajaan membuat Akta yang menimbulkan satu keadaan yang membimbangkan.

Mengikut sejarah negara kita Akta yang pertama yang menjadi kelam-kabut ialah Akta FAMA iaitu Perbadanan Pemasaran Persekutuan yang kita tubuhkan dalam beberapa tahun yang lalu. Saya masih ingat lagi waktu kita menyusun Akta FAMA pada masa itu Kerajaan telah menyusun satu Akta yang cukup kemas, cukup baik, dan cukup dengan segala kuatkuasa yang ada padanya. Apabila Akta itu berjalan, tidak berapa lama timbul kekecohan, timbul perselisihan di antara anggota-anggota yang berkuasa mengikut Akta itu. Saya masih ingat lagi, menjadi heboh perselisihan di antara Menteri Perdagangan yang pada masa itu Dr Lim Swee Aun dengan Pengerusi FAMA Encik Hanafiah Hussein yang kemudian saya pun lupa dan tidak tahu yang mana menang yang mana kalah, tetapi dua sekali "out" berpunca daripada cara kita menyusun satu Akta dan menyampaikan Akta itu kepada Parlimen dan meluluskan Akta itu. Akta itu juga telah menimbulkan perselisihan dan kekecohan di antara anggota-anggota Kerajaan sendiri. Ini sejarah dalam pada ingatan saya sebagai salah satu daripada Ahli yang tertua di sini.

Ini adalah Akta yang kedua menimbulkan kekecohan mengikut sejarah kita menyusun undang-undang. Akta ini telah diterima oleh Dewan Rakyat, diluluskan dengan sebulat suara, kemudian dibawa kepada Dewan Negara dan diluluskan dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dikuatkuasakan. Dalam Akta itu ada segala taringnya, ada segala tanduknya, cukup lengkap dengan kuatkuasa yang ada.

Ini kali yang kedua yang menimbulkan kekecohan yang hampir sama, saya bimbang sejarah berulang. Sejarah akan berulang di antara Menteri Perdagangan kita, Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah dengan

Pegawai Pelesen yang akan dilantik oleh Perdana Menteri. Sebab, Pegawai Pelesen dilantik oleh Perdana Menteri bermakna pegawai itu akan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri tidak kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Di mana duduknya Menteri Perdagangan dan Perindustrian kalau sekiranya Pegawai Pelesen menolak satu-satu permohonan maka dirayukan (appeal) kepada Menteri Perdagangan maka Menteri Perdagangan overrule apa yang dibuat oleh Pegawai Pelesen itu. Katakanlah diluluskan, diberikan lesen dengan tidak mengindahkan alasan-alasan yang diberikan oleh Pegawai Pelesen itu, saya berasa sudah tentu, wajib, dan Pegawai Pelesen ini akan menemui Perdana Menteri, dengan segala alasan yang ada itu:

“Datuk, nampaknya Menteri Perdagangan ini sudah menyeleweng”.

Itu perkataannya, yang akan menikam Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Perkataan-perkataan yang akan menikam Menteri Perdagangan dan Perindustrian ini bukan satu dua perkataan, banyak perkataan yang akan diaturkan yang mana akan menggugat kepercayaan Perdana Menteri kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Ini perlu dikaji dengan cermat. Barangkali Perdana Menteri kita hari ini tidak apalah kerana ia seorang yang ada principle dan saya dengar ucapan-ucapannya yang dibuat di Pulau Pinang telah mendedah perasaan hatinya, menunjukkan sikap dan prinsipnya kepada rakyat, barangkali susah hendak menerima perkataan-perkataan yang berupa hasutan dan sebagainya. Tetapi kalau Perdana Menteri lain, yang kemudian, sebab undang-undang ini akan berkekalan, Perdana Menteri akan pergi dan akan datang. Undang-undang tidak akan pergi dan tidak akan datang. Bila kita buat undang-undang itu tetap ada di situ, melainkan dipinda. Kalau Perdana Menteri yang tidak mempunyai principle, ketegasan dan kecekapan yang boleh menerima hasutan dan sebagainya, maka berulanglah sejarah yang kita tidak ingini itu. Ini saya bimbang iaitu cara kita menyampaikan. Jadi bermakna pada mula kita buat undang-undang itu, kita masukkan segala taringnya, segala kukunya dengan cukup lengkap, seperti FAMA dahulu. Bila sudah berjalan, kita cabut taringnya, cabut kuku, cabut semua,

tanduk habis, FAMA pun kita tidak tahu ke mana sudah jadi, lembukah, harimaukah, kambingkah, kita tidak tahu apa telah jadi pada FAMA. Ini pun begitu juga. Undang-undang yang diluluskan pada pertama kali itu bukan main hebat lagi, lebih daripada singa kuatkuasanya. Sekarang bulu pun tidak ada taring pun sudah tercabut, rupa pun tidak rupa singa lagi. Ini pandangan saya. Jadi kalau kita hendak buat undang-undang secara yang tegas, kita putuskan dahulu sebelum masuk Dewan Rakyat, biar ia merupakan tegas dan bila kita sudah luluskan, kita hadapi apa yang kita luluskan. Itu bermakna kita tegas dengan pendirian kita.

Barangkali Menteri Perdagangan ataupun Jawatankuasa Kabinet menimbang untuk meminda Rang Undang-undang ini ada sebabnya. Kita boleh terima alasan-alasan itu, sebagai manusia yang patut memikirkan kita boleh terima. Tetapi apa yang saya cakapkan itu ialah caranya, cara permulaan kita hendak masuk, bukan saya membangkang. Tetapi kaedah dan cara kita menyampaikan undang-undang kepada Parlimen, kita tidak putuskan dahulu samada kita hendak bawa masuk singakah, kambingkah atau kucing. Apabila hendak dibawa, masuk, kita bawa masuk singa. Kita lupa yang singa itu tidak boleh menggigit. Itulah perkara yang saya katakan kaedah kita kemukakan undang-undang di Parlimen ini tidak tegas dan tidak diputuskan terlebih dahulu. Kita tahu kita mempunyai rakyat yang berbagai kaum, kenapa tidak boleh kita fikirkan dahulu? Kita tahu dalam perindustrian banyak orang Melayu yang lemah, banyak juga orang China yang lemah tetapi kita tahu kuasa-kuasa besar dalam perindustrian duduk pada orang asing, tidak boleh lari daripada itu, 60% daripada modal luar yang menguasai perindustrian kita.

Apa yang direbutkan oleh orang-orang Melayu dan China ini bukan berebut daging tetapi berebut tulang, mereka tidak sedar yang mereka ini berebut tulang. Industrialists yang kecil ada di kalangan orang Melayu dan orang China. Industrialists yang sederhana ramai sedikit orang China, kurang sedikit orang Melayu tetapi industrialists besar yang merupakan kapitalists semuanya orang asing daripada England, Amerika, Jerman, daripada luar negeri yang masuk menanam modal, membina kilang-kilang

besar yang orang-orang kita cuma jadi pekerja sahaja. Kita mesti terima dan mengakui kenyataan ini dan tidak payah bergaduh dengan kenyataan ini. Kita patut sedar yang kita rakyat Malaysia daripada berbagai keturunan adalah berada di dalam keadaan yang tidak kaya dan tidak besar semuanya. Mereka yang besar ialah orang-orang luar yang kita gaduhkan ini benda lain.

Pada fahaman saya, kita boleh terima hujjah yang dikatakan oleh Menteri tadi untuk meminda Undang-undang ini supaya boleh diappealkan kepada Menteri, kalau ada Pegawai Pelesen itu hendak batalkan lesen. Pada fikiran saya kuasa appeal kepada Menteri ini dan apa yang didesakkan oleh pengusaha-pengusaha di dalam negeri ini ialah dipengaruhi oleh kapitalis-kapitalis luar negeri. Pengusaha kecil ini sebenarnya tidak faham mereka dipengaruhi oleh kapitalis luar negeri yang besar-besar, gedung yang besar-besar yang menguasai dalam negeri kita hari ini, sebab kalau kuasa membatalkan lesen, kuasa menarik dan sebagainya ada pada Pegawai Pelesen dan Menteri mempunyai kuasa penuh, dia takut, dia tidak menyempurnakan syarat-syarat ini dan bila dia tidak menyempurnakan syarat-syarat itu, sudah tentu Menteri ada hak mengikut kuatkuasa Undang-undang ini membatalkan lesen itu. Kalau dahulu orang Eropah kita boleh percaya ketuanya, kerana orang Eropah zaman dahulu kalau dia kata, dia kota, tetapi sekarang setengah-setengah orang Eropah kita tidak boleh percaya, bukan semua boleh dipercayai, barangkali Kerajaan kita buat satu susunan cara equiti yang mesti mengikut peraturan polisi Kerajaan, 30% kepada bumiputra, 40% kepada rakyat negeri ini dan 30% orang luar. Barangkali pada masa dia berkehendakkan kepada lesen itu dia mengatakan kesanggupannya mematuhi segala syarat-syarat. Ambil 30% bumiputra, saya bersetuju. 40% kepada orang yang bukan bumiputra dan orang lain yang ada dalam Malaysia ini pun saya setuju, tidak mengapalah 30% sahaja saya mahu pegang equity participation itu. Dia sanggup. Company besar-besar daripada Jerman, England, Amerika semuanya sanggup.

Pada masa kita beri lesen dia sanggup, tetapi pada masa menjalankan itu, bila dia nampak untung itu lebih, hendak beri 30%

bumiputra ini rasanya sayang juga, hendak beri 40% kepada orang yang bukan bumiputra ataupun rakyat Malaysia ini pun dia terasa sayang juga. Kalau dia tidak sempurnakan janji itu, bagaimana keadaannya bagaimana kuasa Kerajaan hendak membatalkan lesen itu? Kilang sudah berjalan, perusahaan telah berjalan, barang sudah keluar, perniagaan telah berjalan, Menteri tidak ada kuasa membatalkan lesen. Kemungkinan janji berlaku, bagaimana? Adakah kita hendak biarkan begitu sahaja dengan tidak ada tindakan Undang-undang? Sudah tentu tidak boleh, mesti berjalan mengikut tindakan Undang-undang, berkehendakkan kepada tindakan Undang-undang itulah sebabnya kita terpaksa mengadakan kuatkuasa Menteri ataupun Pegawai Pelesen untuk membatalkan lesen itu. Kalau tidak dipatuhi, kalau tidak disempurnakan janji itu. Jadi perkara ini perkara biasa sahaja, tidak payah kita kecoh, tidak payah kita bahas, tidak payah kita desak berkehendakkan kepada Advisory Board dan sebagainya. Saya fikir tidak perlu, sebab benda ini simple sahaja. Kalau tidak ikut syarat, ini cara kita buat. Kalau panggil Advisory Board dengan Dewan Perniagaan, Dewan Perusahaan apa pun, kalau tidak sempurnakan syarat ahli Dewan yang ada di situ pun terpaksa bersetuju dengan Menteri supaya diambil tindakan, tidak ada soalan lagi. Kalau tidak diambil tindakan bermakna kita tidak ada kuatkuasa. Bila kita tidak ada kuatkuasa, hancurlah dasar dan tujuan kita untuk menyusun balik equiti-equiti yang ada di dalam kilang-kilang. Ini perkara yang kita nampak terang, kenapa disebabkan dengan desakan-desakan mesti adakan Advisory Board dan sebagainya. Saya rasa ini dipengaruhi oleh pengilang-pengilang dan pelabur-pelabur besar daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bahaskan Undang-undang ini masa dahulu dan masa sekarang timbul masalah ketakutan pelabur asing masuk ke Malaysia ini bahkan setengahnya berkata sekarang pelabur asing tidak masuk lagi. Saya kata ini tidak betul. Saya sebagai seorang peniaga, kalau boleh hendak berniaga di atas langit; dalam hutan saya pergi berniaga, atas bukit, saya berniaga. Kalau boleh berniaga atas langit pun, saya boleh, asalkan ada untung. Pelabur asing hendak masuk ke Malaysia, kalau ada untung, dia masuk. Yang menyusahkannya, kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong

Chik tadi betul, bagaimana dia hendak masuk, dia sendiri pun tidak cukup modal, negerinya sudah bangkerap, bagaimana dia hendak masuk. Yang hendak datang itu yang ada modal, kalau dia susah, dia tidak datang; dia senang, dia datang, kerana dia hendak cari untung yang lebih—itu sahaja. Yang mustahak bagi kita ialah beri penerangan kepada orang-orang luar ini tentang keadaan situasi negeri kita, keamanan dalam negeri kita, jaminan Kerajaan kepada mereka, kita beri penerangan dan penerangan ini tidak cukup dengan pegawai Kerajaan dan misi-missi perdagangan kita yang pergi keluar negeri sahaja. Penerangan yang seumpama ini perlu datangnya daripada pegawai-pegawai dagang itu sendiri yang ada bekerja dalam swasta-swasta yang ada dalam negeri kita, sebab orang ini bahaya, dia balik ke negerinya dia cerita Malaysia ini susah, bureaucracynya, susah hendak dapat tanahnya, susah hendak dapat apinya, susah hendak dapat airnya, perkataan mulutnya itu tajam. Dengan Undang-undang yang begitu susah maka orang luar tidak masuk. Kalau misi perdagangan kita pergi keluar negeri hendak cerita, mereka dengar tetapi lebih tajam suara yang datang daripada pegawai-pegawai dagang yang bekerja di dalam syarikat-syarikat, kilang-kilang swasta, balik ke negerinya memberi penerangan yang merbahaya, yang merosakkan keadaan negeri kita ini.

Saya suka hendak sebutkan satu contoh bagaimana Yang di-Pertua Dewan Perniagaan Antarabangsa yang bernama Mr Little yang menjadi Pengurus Besar Chartered Bank di Kuala Lumpur. Dia duduk di sini dengan kemewahan, dengan keuntungan banknya, dengan segala kemudahan dan kemewahan yang ada, apabila dia hendak tukar balik, dia kena dihantar balik ke England, dan dia sebagai Pengerusi Dewan Perniagaan Antarabangsa membuat ucapan mengatakan Undang-undang inilah yang menyusahkan, yang menakutkan pelabur luar negeri dan dikecamnya undang-undang ini. Pada waktu dia hendak balik, waktu dia hendak keluar daripada Malaysia, dia keluaran perkataan begitu. Ini semasa dia berada di Malaysia, kalau dia balik ke England, apa dia cakap di England pun kita tidak tahu. Ini merbahaya. Ini saya kata, kita kena seru kepada pegawai-pegawai dagang yang bekerja dalam swasta yang ada

ini supaya menjadi suara untuk menyampaikan perkara yang baik kepada pelabur-pelabur yang ada di luar negeri. Lebih tajam daripada akhbar yang kita cetak dan kita hantar, sebab orang yang ada di luar negeri mereka tidak mahu percaya dari suratkhbar, tidak mahu percaya kepada perkataan kita, tetapi mereka percaya kepada orangnya yang ada dalam negeri kita ini, itu lebih lagi mereka percaya.

Satu lagi perkara yang penting, bila kita bercakap tentang menggalakkan pelaburan ini ialah sebagaimana kata Dr Lim Keng Yaik tadi mengenai bureaucracy kita. Saya menyokong pandangannya, iaitu cara kita menjalankan pentadbiran dan kecekapan kita. Saya hendak beritahu kepada Dewan ini masalah kecekapan ini ialah masalah besar bagi negara kita hari ini, kalau sekiranya kita mempunyai satu badan yang tidak cekap yang ada kaitan dengan pengilang-pengilang, katakanlah SIRIM, ini adalah satu contoh, yang memberi mengakui mutu cap mengakui mutu barang-barang pengeluaran. Kalau SIRIM tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan cekap sehingga pelabur-pelabur terpaksa menunggu beberapa lama untuk mendapat jawapan surat, tunggu untuk menjalankan tugasnya, macammana kita hendak mendapat kepercayaan pelabur-pelabur ini?

Saya jadi Pengerusi Technical Committee untuk Batek dalam SIRIM. Saya hendak memberitahu kepada Dewan ini, sampai sekarang daripada tahun 1972 belum boleh lagi buat standard bagi batek Malaysia. Pada tahun 1972 Allahyarham Tun Haji Abdul Razak menyuruh buat mutu batek yang diakui oleh SIRIM dan dilantiknya Committee dan saya jadi Pengerusi Technical Committee. Sudah lima tahun dan baru-baru ini baru sahaja dipanggil mesyuarat. Saya pun tidak ingat apa yang telah berlaku lima tahun dahulu

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Bukan Craft tangan?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahaya: Tidak. SIRIM, bukan Craft tangan. Saya bagi Pengerusi Jawatankuasa Technical menentukan mutu batek yang kita hendak cap untuk menyatakan batek ini bermutu yang diakui oleh SIRIM. Tetapi sampai 5 tahun,

saya tanya mengapa kita tidak boleh bermesyuarat? Jawapannya tidak ada kaki-tangan hendak buat kerja, dan apabila diadakan mesyuarat baru 4-5 hari dahulu diberinya kepada saya seorang setiausaha dan apabila saya bertanya, awak tahukah batek? Katanya dia tidak tahu. Jadi saya kata, awak pergi berjalan tengok dahulu apa dia batek. Cara buat batek pun dia tidak erti macammana orang buat batek, dia tidak tahu juga. Dia disuruh menjadi setiausaha saya. Jadi saya kata sebelum kita menentukan masaalah mutu ini, awak pergi berjalan dahulu, pergi tengok kilang-kilang batek macammana mencelup batek, mengecap batek, mengeluarkan batek dan apa itu batek, awak kenal dahulu, baru boleh bermesyuarat sekali lagi. Inilah kelemahan-kelemahan yang ada pada kita dan saya sokong pendapat Dr Lim Keng Yaik yang mengatakan kelemahan kita ini patut diperbaiki dari segi pentadbiran, menjawab surat, dari segi kecekapan. Serupa juga macam FIDA umpamanya, di mana kelemahannya mesti ada lemahnya.

Umpamanya, saya hendak buka satu kilang, saya minta lesen untuk buka kilang, dikeluarkan lesen untuk membuka kilang. Sudah dapat lesen membuka kilang, katanya kilang saya itu ialah sebuah kilang yang boleh mengeluarkan barang dan tidak dibebaskan cukai ke atas barang-barang mentah yang dibawa masuk. Kemudian apabila hendak bawa masuk bahan mentah, saya kena tulis surat 14 salinan pula untuk mendapatkan pengecualian cukai di atas barang-barang components yang dibawa masuk. Jadi ada dua surat yang dikehendaki. Surat yang pertama terpaksa menunggu 2-3 bulan, apabila sudah dapat didirikan kilang, buat surat lagi, 2-3 bulan kena menunggu kerana hendak mendapatkan exemption of duty di atas components yang kita order membawa masuk barang. Kadang-kadang boleh, kadang-kadang tidak boleh, dan bila tidak boleh, ia tidak beritahu siapa sebab tidak boleh. Katanya tidak diluluskan tanpa sebab.

Saya telah memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri di luar Dewan ini dalam taklimat dan Menteri bersetuju dengan saya bahawa perkara ini patut ditimbangan balik dan saya harap dapat dijawab dalam Dewan, sebab di luar Dewan saya rasa tidak kemas, jadi saya kemukakan perkara ini

untuk dijawab di dalam Dewan ini dengan secara rasmi. Kenapa tidak boleh dibuatkan "package"? Satu permohonan masuk untuk membuka kilang, jawapannya awak boleh buka kilang ini dan awak akan dapat kelulusan pengecualian cukai ke atas barang-barang components yang dibawa masuk. Satu surat sahaja hendak menunggu jawapan terpaksa berulang-alik dengan bermacam-macam soalan. Jadi kalau saya ada wang, sudah tentulah saya fikir tidak payah buka kilang, baiklah saya beli tanah buat rumah, kutip sewa sahaja dengan tidak payah buat kilang. Buat kilang ini hendak jaga pekerja, hendak buka kilang, tengok barang dan cari SIRIM lagi, banyak masaalah, lebih baik beli tanah buat rumah, kutip sewa tiap-tiap bulan, kaki atas kaki orang sampai beri duit dan saya belanja dengan senang. Ini pemikiran yang tidak mengenal susah dan pemikiran yang tidak mahu susah dan ini datangnya daripada kejemuan menemui pegawai-pegawai yang berkenaan. Inilah kaedah atau sebab-sebabnya yang melemahkan (discourage) mahupun bumiputra, atau tidak bumiputra, atau sesiapa pun dan saya menyokong pendapat Dr Lim Keng Yaik di atas ucapannya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu saya bercakap panjang dalam perkara ini, kerana tentulah kita akan luluskan pindaan ini dengan senang sahaja dan saya rasa kalau ada points yang kita hendak cakap, mestilah points yang besar yang boleh diterima dan patut diberi pertimbangan oleh Menteri. Oleh sebab masa sudah pukul 7.00 malam, jadi setakat itulah sahaja.

7.09 mlm.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berterus-terang memberi pendapat malahan memberi teguran-teguran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan.

Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab dalam mengawasi perjalanan pelaksanaan undang-undang ini dengan secara yang diserukan bukan sahaja pragmatic dari segi perlaksanaan praktikal bahkan juga secara adil. Saya memberi pengakuan di sini bahawa selaku Menteri yang berkenaan, saya akan awasi undang-undang ini dengan peraturan-peraturan di bawah

undang-undang yang akan dilaksanakan dan dijalankan sebagaimana yang dikehendaki pragmatic dan dengan secara adil.

Saya menyedari kebimbangan setengah-setengah pihak bahawa dengan adanya perlantikan seorang Pegawai Pelesen oleh Perdana Menteri, maka kuasa tanggungjawab Menteri terhadap perjalanan undang-undang ini mungkin mengikut kebimbangan pihak-pihak berkenaan ini adalah terhad ataupun kurang. Suka saya memberi jaminan dan kenyataan di sini bahawa Menteri akan terus bertanggungjawab di atas perjalanan kuatkuasa undang-undang ini dan mengawasi bahawa ianya dikendalikan dan menguatkuasakan sebagaimana matlamat matlamat dan tujuan di bawah undang-undang ini.

Saya menyedari umpamanya kebimbangan Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan tadi yang menyatakan mungkin berbangkit keadaan dalam mana selepas keputusan yang dibuat oleh Pegawai Pelesen itu diubah, ataupun tidak diterima oleh Menteri, Pegawai Pelesen mungkin akan membawa perkara ini kepada pihak yang melantik beliau iaitu Perdana Menteri sendiri. Dan dengan itu mungkin berbangkit satu keadaan agaknya yang dianggap perselisihan di antara pihak yang melantik dan pihak yang mendengar rayuan ini.

Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan di dalam Rang Undang-undang, keputusan Menteri itu selain daripada mahkamah adalah muktamad. Sebagai Perdana Menteri saya rasa tidaklah akan ujud dalam mana beliau akan mengubah dan menyentuh keputusan yang telah dibuat oleh Menteri tentang satu-satu permohonan oleh kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan sedia maklum, bahawa kita mempunyai prinsip ataupun konsep tanggungjawab bersama di kalangan Menteri-menteri Kabinet, termasuk Perdana Menteri sendiri. Dalam mana satu-satu keputusan yang diambil oleh seseorang Menteri itu adalah juga dipertanggungjawabkan oleh Menteri-menteri lain di dalam Jemaah Menteri termasuk Perdana Menteri. Jadi, saya berkeyakinan penuh dari segi prinsip ini bahawa keputusan yang dibuat oleh Menteri itu tidak diganggu oleh Perdana Menteri.

Maka inilah juga sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa; pertamanya, dijadikan Menteri itu sebagai pihak yang akan mendengar rayuan daripada pihak-pihak yang tidak berpuas hati di atas keputusan-keputusan yang dibuat. Oleh kerana pada masa kita membincangkan perkara badan rayuan terhadap keputusan-keputusan dibuat, ada pihak-pihak Menteri sendiri apabila kita membincangkan badan rayuan ini, apabila dicadangkan supaya diadakan satu badan rayuan di mana dimasukkan dua tiga atau empat orang Menteri-menteri sebagai ahli-ahli badan rayuan di atas. Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberi pendapat iaitu pendapat yang saya anggap betul dari segi prinsip, yang mereka keberatan diberi tanggungjawab mendengar rayuan dibuat oleh pihak lain terhadap satu-satu keputusan yang dibuat oleh rakan sejawatnya dalam Kabinet iaitu Menteri Perdagangan. Itu berlandaskan prinsip tanggungjawab bersama (collective responsibility) oleh kerana itulah dimasukkan pindaan dalam mana di atas Menteri itu tidak sepatutnya diadakan badan rayuan dalam mana lebih-lebih lagi ada Menteri-menteri yang menjadi rakan sejawat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam Kabinet untuk mendengar rayuan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dan diputuskan untuk mengatasi masalah perkara prinsip collective responsibility ini, badan rayuan muktamad dengan seorang lain di bawah Menteri itu dilantik menjadi seorang yang menapis, menimbang, memproses, melulus ataupun menolak sesuatu permohonan. Dengan itu kita masukkan peruntukan dalam mana Pegawai Pelesen dilantik oleh Perdana Menteri.

Jadi, kepada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, suka saya memberi penjelasan tentang perkara ini. Dalam perkara menimbang satu-satu permohonan oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi, Menteri Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab dalam penguatkuasaan undang-undang ini setelah diputuskan juga bahawa di dalam satu-satu pertimbangan yang dibuat oleh Pegawai Pelesen ini, kalau sekiranya perkara itu menyentuh prinsip-prinsip ataupun dasar-dasar negara berkenaan dengan perjalanan perusahaan negara, menyentuh Dasar Ekonomi Baru, maka adalah dikehendaki Pegawai Pelesen

ini berhubung dan berunding dengan Menteri sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Sungguhpun kuasa muktamad menolak ataupun meluluskan sesuatu permohonan itu diserahkan kepada Pegawai Pelesen itu. Ini adalah dengan tujuan supaya dalam masa dia menjalankan tugas memproses dan menimbang sesuatu permohonan, Menteri yang berkenaan yang saya katakan tadi bertanggungjawab di dalam perkara pelaksanaan undang-undang ini adalah sentiasa mengesani perjalanan-perjalanan pelaksanaan undang-undang ini dari segi penimbangan satu-satu permohonan oleh pihak yang diberi tanggungjawab memproses permohonan-permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya menyedari kebimbangan Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock yang juga disuarakan oleh setengah golongan pihak termasuk wakil-wakil di dalam Jawatankuasa Penasihat Perindustrian dan Perusahaan di Kementerian saya di kalangan swasta yang menyatakan bahawa masalah pokok yang timbul bukan sahaja masalah undang-undang ataupun peraturan-peraturan di bawahnya bahkan masalah yang hendak ditaksirkan itu ialah masalah pelaksanaan undang-undang pada masa awalnya. Saya tidak menafikan hakikat kenyataan ini bahawa di dalam perkara pelaksanaan mana-mana undang-undang pelaksanaan di peringkat awal tentulah ada dikatakan teething problems ataupun masalah-masalah permulaan yang ujud oleh kerana undang-undang itu baharu sahaja dilaksanakan maka dengan sebab itu sudah tentu timbul masalah itu. Tetapi di sini sukalah saya memberi jaminan, kita menyedari akan hakikat kenyataan bahawa ini mungkin berlaku. Dan oleh kerana itu saya dan pihak-pihak pegawai-pegawai Kementerian saya akan mengawasi dengan rapi jentera yang ada dan akan diwujudkan untuk melaksanakan undang-undang ini di semua peringkat, baik peringkat pusat mahupun peringkat negeri, supaya undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan kemas dan licin. Dan saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini di semua peringkat supaya menghubungi pihak saya dan Kementerian saya jikalau sekiranya di dalam masa pelaksanaan undang-undang ini didapati perkara-perkara yang membimbangkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari segi pelaksanaan. Kalau ada

sebagaimana yang dibimbangkan, juga perkara bureaucracy, perkara red-tape, perkara kelambatan pelaksanaan, satu-satu tanggungjawab dan tugas pihak pegawai-pegawai yang berkenaan, maka kita tidak sunyi akan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang berkenaan yang terletak di bawah jagaan Kementerian saya.

Saya tidak boleh nafikan masih ada bureaucracy, masih ada red-tape; kalau saya kata tidak ada langsung bureaucracy, tidak ada kelemahan-kelemahan dari segi red-tape di dalam pemerintahan kita, itu rasa saya cuma bercakap bohong sahaja di dalam Dewan ini. Perkara ini kita akui mesti ada dan saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan di semua peringkat, Federal, peringkat Negeri adalah mencari ikhtiar dan jalan bagi mengatasi perkara-perkara yang dikatakan red-tape, perkara-perkara yang dianggap sebagai kelemahan yang mengurangkan kelicinan pelaksanaan satu-satu dasar Kerajaan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyatakan tiga sebab faktor yang mungkin telah memuramkan pelaburan modal asing. Satu daripadanya mengikut Ahli Yang Berhormat itu ialah ada pihak-pihak syarikat luar negeri yang mengatakan bahawa Tiori Domino itu akan berhasil di dalam negara kita ini. Dan juga di atas adanya kebimbangan di kalangan bakal-bakal pelabur luar negeri di atas kesetabilan, keselamatan dalam negara kita. Dalam perkara ini, saya tidak menafikan memang ada kebimbangan ini di kalangan pelabur-pelabur modal di luar negeri yang saya telah saksikan dan dengar dengan sendiri apabila saya mengadakan conference ataupun persidangan-persidangan pelaburan di luar negeri di Kanada, di Australia dan di Eropah di mana inilah satu perkara kebimbangan yang sering disuarakan oleh bakal-bakal pelabur modal yang mengambil bahagian di dalam conference—seminar-seminar yang diadakan itu. Ini juga disebabkan sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dengan adanya kenyataan-kenyataan yang tidak tepat lebih-lebih lagi kenyataan-kenyataan, berita-berita yang sengaja diperbesarkan oleh pihak-pihak yang tertentu di luar negeri termasuk suratkhbar dan majalah-majalah.

Saya ingat pada masa saya di Kanada, saya telah membaca satu berita dalam suratkhbar di New York mengatakan semalam sudah ditembak jatuh 8 buah helikopter di kawasan sempadan di Utara Malaysia. Ini sudah mengejutkan dan membimbangkan pihak-pihak pelabur modal yang menghadiri conference itu dan saya telah meminta pihak Kedutaan kita di sana memberi kenyataan yang sebenarnya dan dihadapi sebenarnya 8 buah helikopter yang dikatakan jatuh ditembak oleh anasir kominis itu bukanlah di kawasan sempadan di Utara Malaysia bahkan di kawasan Utara Thailand. Jadi, samada berita itu sengaja dipesongkan daripada kenyataan yang sebenarnya ataupun tidak wallah hualam, tetapi ini adalah contoh dalam mana banyak berita-berita yang cuma membimbangkan orang-orang luar negeri melabur modal di sini oleh kerana kebimbangan mereka dari segi kesetabilan keselamatan itu adalah memang berlaku. Saya suka menyatakan di sini bahawa kita adalah giat berusaha menerusi missions perdagangan memberi laporan-laporan yang sebenarnya dan juga Kedutaan-kedutaan kita menerusi Wisma Putra, Kementearin Luar Negeri kita menghantar laporan-laporan, risalah-risalah kepada diplomatic missions di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri supaya mereka itu menyiarkan berita-berita yang tepat, yang betul berkenaan dengan kedudukan keselamatan dalam negeri kita.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat juga bahawa pergolakan politik di dalam negara ini mungkin menjadi satu daripada sebab mengapa pelabur-pelabur modal muram ataupun kurang datang di sini. Saya berterus terang menyatakan di sini bahawa saya tidak sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini. Perkara perselisihan di kalangan politik termasuk perselisihan di antara pemimpin dalam badan siasah, ini adalah perkara kebiasaan di mana-mana negara. Negara yang lebih maju dalam bidang politik daripada kita pun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat boleh saksikan di dalam negara yang berkenaan itu pun adalah lebih kuat lagi perkara perselisihan politik daripada negara kita. Kalau kita bandingkan pergolakan siasah dari segi perselisihan antara pemimpin dengan negara-negara Yang Berhormat Datuk Nik Hassan sebutkan tadi, kegeloran di sini seolah-olah seperti yang dikatakan "a storm

in the teacup" sahaja di negeri kita. Jadi, perkara adanya perselisihan antara kita sama kita di dalam Barisan Nasional, dalam parti kita sendiri, ini rasa saya tidaklah menyebabkan kurangnya bilangan pelabur-pelabur modal datang ke sini malahan pada masa saya mengadakan conference—seminar dengan pelabur-pelabur modal luar negeri banyak yang telah memberi kenyataan bahawa di dalam banyak-banyak negara di kawasan ini khususnya di dalam negara membangun Malaysialah satu daripada negara yang paling baik dari segi pelaburan modal dengan adanya keadaan politik yang sungguh setabil bukan buat masa ini bahkan buat masa akan datang.

Tentang adanya sekatan atas kemudahan bagi tenaga mahir masuk menjadi sebagai satu daripada faktor menghalang banyaknya wujud pelaburan modal di sini, saya juga tidak nafikan yang perkara ini memang berlaku. Perkara ini memang dibangkitkan juga di conference—seminar-seminar pelaburan bukan sahaja yang diadakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur tidak lama dahulu bahkan juga di conference—seminar-seminar yang diadakan di tempat-tempat lain di mana saya menghidirinya. Perkara payah, lambat dapat visa untuk masuk ke negara kita daripada pejabat-pejabat yang berkenaan, perkara payah mendapatkan jawatan penting (key posts) bagi satu-satu kilang perusahaan dan sebagainya adalah perkara yang saya tidak nafikan berlaku. Dalam perkara ini semenjak kita tubuhkan Jawatankuasa Investment yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri masaalah-masaalah semacam ini telah dikaji dengan mendalam dan langkah-langkah juga telah dan sedang diambil untuk mengatasi masaalah-masaalah ini.

Bagi Kementerian saya sebagaimana yang telah saya nyatakan baharu-baharu ini kita telah mengadakan apa yang dikatakan "package deal" dalam mana apabila satu-satu permohonan itu dikemukakan kepada pihak FIDA, FIDA akan memproses perkara ini dan akan menimbang bukan sahaja tentang samada diluluskan permohonan itu dengan diberi lesen tetapi juga akan mengkaji perkara-perkara yang menjadi kerumitan seperti perkara visa, perkara permit kerja, perkara bilangan jawatan penting

(key posts) yang boleh diberi kepada satu-satu pihak yang memohon lesen perkilangan dan kita berharap dengan adanya package deal yang dipertimbangkan oleh pihak FIDA ini maka masalah-masalah yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga saya percaya pihak-pihak yang lain akan kita dapat atasi.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak pelesen mengeluarkan lesen kepada pihak pengilang di peringkat negeri dengan tidak diberitahu kepada Kerajaan Negeri, saya sukalah menyatakan bahawa adalah menjadi kebiasaan (practice) bagi Kementerian ini apabila mengeluarkan satu-satu lesen, salinan surat kelulusan dihantar kepada orang yang memohon lesen itu bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri di mana projek itu akan ditapakkan, kalau di Muar kita hantar kepada Kerajaan Johor dan mungkin pihak-pihak yang berkenaan di Muar yang lesen itu diluluskan dan kilang itu akan ditempatkan umpamanya di kawasan perusahaan perkilangan Muar. Ini setelah kita lakukan dan selain daripada itu kita menghantar juga salinannya kepada Kementerian-kementerian yang lain yang berkenaan dan juga kepada Pejabat-pejabat Kerajaan yang berkenaan juga. Ini adalah kebiasaan bagi kita tetapi dalam pada itu kalau sekiranya ada satu-satu projek di negeri-negeri seperti di kawasan Ahli Yang Berhormat, ini tidak dilakukan dan saya berterima kasih sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi satu laporan spesifik tertentu supaya tindakan sewajarnya akan diambil oleh saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah diberi kesempatan sedikit menyentuh perkara penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dan juga oleh Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik mengenai perkara penyertaan bumiputra di dalam bidang kegiatan ekonomi, khususnya melibat perkara tanggungjawab saya, iaitu penyertaan bumiputra dalam bidang perusahaan. Ini adalah satu perkara yang saya ramalkan menjadi pokok kebimbangan orang-orang yang berasa tidak begitu senang hati terhadap undang-undang ini. Ada yang menganggap rasa saya bahawa mereka ini dikehendaki memperuntukkan sebahagian sahamnya supaya dibeli oleh pihak lain. Ini

rasa saya sungguhpun tidak ada yang menyuarakan dengan begitu lantang dan terang tetapi mengikut ucapan-ucapan dan pendapat-pendapatan yang disuarakan di dalam Dewan ini, ramalan saya ialah inilah pokok kebimbangan, khususnya orang-orang melabur yang datang daripada luar negeri yang kita akan memaksa mereka memberi menjual ataupun memperuntukkan sebahagian sahamnya untuk dibeli oleh pihak-pihak lain terutamanya bumiputra. Saya percaya ramalan saya ini betul oleh kerana ada seorang daripada Ahli Yang Berhormat di sini mengatakan kalau kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru ini dengan memberi kemudahan kepada orang-orang bumiputra janganlah wujud keadaan dalam mana seorang itu akan "disinvest", akan dirampas hak dia diberi kepada orang lain.

Saya suka menyatakan kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada pihak yang telah membangkitkan kenyataan semacam ini dalam Dewan bahawa tidaklah menjadi dasar Kerajaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru khususnya melibati penyertaan pemberian hak kepada orang-orang bumiputra dalam bidang-bidang ekonomi, tidaklah menjadi dasar Kerajaan merampas hak orang diberi kepada orang lain. Kita tidak mengikuti dasar seperti kata pepatah Inggeris: "To rob Peter to pay Paul" atau sebaliknya. Ini saya berani mengatakan adalah tidak menjadi dasar kita cuma memberi kemudahan-kemudahan kepada bumiputra dari segi umpamanya 30% penyertaan dari segi saham di dalam kilang-kilang yang baru wujud ataupun yang sudah wujud di dalam konteks perkembangan (within the context of growth). Jadi perkembangan (growth) satu-satu kilang itu adalah akan diberi panduan (guideline) yang telah dalam mana kita akan memberi takrif perkataan perkembangan (growth) dari segi kilang itu diperbesarkan ataupun dari segi capacity dibesarkan, modal ditambahkan. Apabila ada perkembangan dari segi erti kata growth itu maka pihak-pihak yang berkenaan itu diminta supaya sebahagian daripada saham itu diperuntukkan kepada bumiputra.

Saya suka mengatakan di sini bahawa tidaklah benar sebagaimana diramalkan oleh setengah pihak bila diminta supaya 30% itu dihadkan kepada bumiputra, pihak yang berkenaan itu dengan serta-merta mesti menghadkan 30% kepada pihak-pihak yang dikehendaki diberi saham itu, iaitu kaum

bumiputra. Di bawah Dasar Ekonomi Baru kita mempunyai matlamat di mana dalam tahun 1990 kedudukan struktur ekuiti mengikut proses penyusunan semula masyarakat ialah 30—30—40, iaitu 40% kepada rakyat; 30% kepada bumiputra dan 30% kepada pihak pelabur asing (kalau ada) dan penyusunan semula ini adalah dikehendaki boleh dilakukan dengan secara peringkat berperingkat—tidak serta-merta. Mula-mula dengan 5%, sekarang dipertambah hingga pada tahun 1990 struktur penyusunan ekuiti saham di dalam syarikat itu adalah akan meningkat kepada peringkat yang saya katakan tadi iaitu 30% bumiputra, 40% rakyat Malaysia yang lain dan 30% pelabur modal luar negeri kalau ada.

Rasa saya dasar ini kita telah laksanakan semenjak kita mengadakan Undang-undang Incentive Act, di mana apabila seorang itu membuka kilang dengan diberi galakan kita mengenakan syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% saham itu diuntukkan bagi bumiputra, sekurang-kurangnya 30% guna-tenaga pekerja mestilah daripada bumiputra untuk menggambarkan bilangan kaum di sini dan saya suka menyatakan semenjak kita mengadakan Undang-undang Insentif, 1968 dan melaksanakan perkara ini tidak timbul langsung masalah-masalah. Ada kenyataan pada kita. Setengah-setengah kilang yang diminta mematuhi dasar ini menyatakan dia telah mencuba menghubungi pihak-pihak bumiputra samada badan-badan berkanun ataupun orang-orang individu supaya membeli saham yang ditawarkan 30% dan kenyataan ada pada kita apabila kita dapat dia dapati bumiputra yang boleh membeli 30%. Kita kata awak sudah mencuba, oleh kerana awak tidak dapat bumiputra itu awak boleh bergerak terus dan cuma kita minta kalau sekiranya berkembang maju pada masa hadapan sila tawarkan saham 30% kepada kaum bumiputra. Ini rasa saya adalah satu cara yang praktik yang kita akan laksanakan di bawah undang-undang ini di mana di bawah syarat ini juga ada ditentukan bahawa bagi kilang-kilang yang lama telah bergerak di dalam negara kita ini kita tidak memaksa dia memberi 30% malahan kita mengatakan bahawa dia boleh mengekalkan kedudukan ekuitinya buat masa itu, kalau 100% pun boleh dengan syarat apabila dia berkembang (expand), dia mestilah kalau boleh cuba menawarkan 30% saham itu kepada pihak Bumiputra. Bagi kilang yang

baru wujud sebagaimana yang saya katakan dalam ucapan pendahuluan saya tadi kalau sekiranya modal tetap investment satu-satu syarikat yang baru ini \$500,000 ke bawah oleh kerana menjaga kedudukan kilang-kilang perusahaan bercorak keluarga, kita telah mengecualikan syarikat-syarikat berkenaan itu daripada syarat equiti dalam mana dia tidak buat permulaan diperlukan menghadkan umpamanya 30% daripada sahamnya kepada pihak bumiputra. Itulah penjelasan saya berkenaan dengan equiti yang telah dibangkitkan banyak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya percaya adalah menjadi pokok kebimbangan di kalangan setengah-setengah pihak terhadap undang-undang ini.

Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik telah membangkitkan perkara bureaucracy dan rate tape yang saya telah sentuh dan saya telah memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik dan oleh kerana itu tidak payahlah saya menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Saya menerima kasih kepada Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tentang syor cadangan supaya tanah-tanah Melayu atau Rizab Melayu itu dikaji sebagai satu bahan modal bagi pengusaha-pengusaha Melayu yang mungkin mahu masuk di dalam bidang perusahaan. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini bukan sahaja di dalam pertimbangan Kementerian saya, bahkan di dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan yang diadakan baru-baru ini, perkara adanya banyak tanah-tanah orang Melayu (bumiputra), khususnya di kawasan-kawasan bandar yang tidak digunakan supaya memperoleh economic value yang baik adalah dipertimbangkan. Saya percaya oleh kerana perkara ini di dalam perhatian pihak yang berkenaan, cadangan-cadangan yang baik yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan pada masa yang akan datang.

Tentang cadangan supaya bahan-bahan mentah seperti kayu, kelapa sawit dan getah kita itu diproses banyak di negeri ini daripada dihantar keluar negeri, suka saya menyatakan bahawa ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan pada masa ini, khususnya

Kementerian saya sendiri dalam mana adalah benar bahawa kita memberi apa sahaja galakan yang kita boleh beri kepada pihak-pihak pengilang dalam negeri yang datang daripada luar negeri supaya memproses bahan-bahan mentah kita di sini untuk dijadikan barang-barang pengeluaran dengan kita memberi berbagai rupa galakan, termasuk taraf perintis dan sebagainya supaya meramaikan lagi dan membanyakkan lagi pengeluaran barang-barang semacam ini daripada bahan-bahan mentah kita sendiri dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tentang cadangan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan supaya kita awasi pihak-pihak yang bekerja di dalam swasta balik memberi kenyataan yang merosak kepada kita, sukalah saya menyatakan mungkin ada pihak-pihak yang berbuat demikian, tetapi dalam pada itu suka juga saya menyatakan ada pihak-pihak pekerja yang biasa bekerja di sini yang balik keluar negeri masing-masing memberi kenyataan yang baik terhadap peluang-peluang pelaburan dalam negeri kita. Baru-baru ini saya berada di London saya diberitahu oleh Pesuruhjaya Tinggi kita di London bahawa pada satu masa di mana dia mengadakan satu seminar pelaburan di Glasgow dengan tidak disangka-sangka tampil ke hadapan seorang, orang Scotland yang biasa bekerja di kilang ini sejak beberapa tahun lama dahulu dengan sukarelanya telah meminta supaya dibenarkan berucap dan memberi kenyataan-kenyataan yang sungguh menggalakkan dari segi pelaburan kepada pihak-pihak yang telah menghadiri acara semacam ini. Dan pada masa saya mengetuai rombongan misi perdagangan ke Canada dan Amerika banyak pelabur-pelabur modal yang ada bekerja di kilang-kilang yang bergerak di sini telah bersetuju dengan sukarelanya juga mengambil bahagian dalam seminar-seminar dan conferences di negara-negara tersebut di mana mereka telah memberi kenyataan-kenyataan panjang lebar tentang kemudahan-kemudahan yang telah diperolehi dan yang akan diperolehi oleh pelabur-pelabur modal di dalam negara kita. Saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita akan terus mengambil langkah menggunakan orang-orang yang semacam ini kerana kita berpendapat kenyataan yang diberi oleh orang-orang yang semacam ini adalah lebih rasa

saya berkesan lagi daripada kenyataan-kenyataan yang diberi oleh orang kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya mungkin ada perkara-perkara yang saya tidak sentuhi yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan mengkaji sekali lagi perkara ini dengan mendalamnya. Kalau ada perkara-perkara yang saya tidak sentuh yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya meminta maaf dan saya berjanji akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9—

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri terhadap satu perkataan sahaja iaitu ada satu angka yang patut dimasukkan dalam Fasal 4 (naskah Bahasa Malaysia Rang Undang-undang) yang telah dibentangkan dan dibincangkan sekarang ini, angka itu ialah angka 3 seperti berikut:

Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan Seksyen 7 (3) Akta Ibu adalah dipinda mengikut Fasal 4 (b) Rang Undang-undang ini: dengan menggantikan perkataan "Menteri" yang terdapat dalam seksyen kecil (1) dengan perkataan-perkataan "Pegawai Pelesen". Perkataan-perkataan ini patutlah dibaiki menjadi Seksyen kecil (1) dan (3) bukan (1) sahaja dalam Rang Undang-undang ini. Fasal 4 (b) seksyen-kecil (1) itu ketinggalan angka (3) patutlah dibaiki, oleh

sebab Akta Ibu 7 (3) yang mana mengatakannya perkataan "Menteri" patutlah digantikan dengan "Pegawai Pelesen". Begitu juga pembaikan untuk Clause 4 (b) Rang Undang-undang naskah bahasa Inggeris.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya hendak menegur atas Fasal 2 (b):

"(b) dengan menggantikan koma bertitik yang terdapat di hujung takrif "keluaran" dengan perkataan-perkataan "dan termasuklah jeneka keluaran;".

Perkataan "jeneka" di muka pertama seksyen 2 (b) saya percaya adalah "jentera".

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Pengerusi, adalah menjadi satu kesilapan bagi kita kalau hendak meminda apa yang ada dalam peraturan itu pada masa ini kerana kita telahpun buat satu kesalahan pada masa dahulu, cuba buat satu pindaan oleh Menteri Undang-undang dalam satu persidangan berkenaan dengan pelajaran, kemudian Menteri itu sendiri menarik balik, dia kata "silap", tak boleh buat pindaan kerana telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Jadi kalau ada kesilapan itu maka pindaan itu hendaklah dibawa kemudian, tidak dibawa sekarang. Saya rasa tidak boleh dipinda, melainkan kalau silap taip boleh diperbaiki, tetapi kalau silap pada undang-undang tidak boleh dipinda, cadangan untuk pindaan tidak boleh diterima di sini melainkan undang-undang itu ditolak balik kepada Dewan Rakyat.

Saya rasa patutlah kita terima undang-undang ini dan serahkan kepada Menteri Undang-undang untuk mengkaji, kalau perlu dibuat pindaan kemudian.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya suka menjelaskan sedikit, saya rasa perkataan "jeneka" itu memanglah kena pada tempatnya iaitu "range of products". Ini satu perkataan mengikut istilah baru yang diwujudkan oleh Peguam Negara. Saya pun pada mulanya tak tahu juga "jeneka" ialah range of products. Tentang perkara yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi, perkara itu sudah dilaksanakan pindaannya semasa persidangan di Dewan Rakyat.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.53 mlm.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan Rang Undang-undang bagi meminda Akta (Mengawal dan Melesen) Pemasu Perumahan, 1960 untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini.

Sebagai termaklum, Rang Undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 5-4-77 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pentadbiran, pengalaman dalam masa lebih tujuh tahun yang lalu mengenai Akta (Mengawal dan Melesen) Pemasu Perumahan, 1966 menunjukkan undang-undang tersebut perlu diperkuatkan. Oleh sebab itu saya kemukakan satu cadangan meminda Akta tersebut.

Dalam pada itu saya suka memaklumkan langkah yang serupa bagi menguatkan Kaedah-kaedah atau Rules yang diwujudkan di bawah Akta tersebut sedang juga dibuat, terutama untuk memperluaskan penguatkuasaan bilangannya ke rumah-rumah pangsa dan "sub-divided buildings" yang lain serta mengetatkan mana-mana peraturan yang diketahui longgar.

Berbalik kepada Rang Undang-undang pindaan kepada Akta ini, tujuannya ialah supaya diadakan perbekalan tambahan kepada Seksyen 19 bagi menjelaskan hukuman sekiranya Seksyen 8 dilanggar.

Di bawah Seksyen 8, jika sekiranya pemasu perumahan ada cadangan untuk membuat peraturan lain atau mengadakan perjanjian untuk menjual, mengalih atau menyusun semula perniagaannya mengenai kemajuan perumahan, maka ia hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Pengawal sebelum ia melaksanakan cadangannya

itu. Terdapat bahawa ada pemaju-pemaju perumahan yang telah melanggar Seksyen ini tetapi, dalam keadaan sekarang ini, Akta tersebut tiada mengandungi peruntukan yang khusus dan tepat bagi hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan tersebut. Ada juga ditafsirkan bahawa Seksyen 8 berkaitan dengan Seksyen 7 (iaitu mengenai tanggungjawab pemaju perumahan) dan dengan itu Seksyen 19 (iaitu yang mengandungi kesalahan-kesalahan oleh pemaju perumahan dan hukuman yang boleh dikenakan) haruslah digunakan, andainya Seksyen 8 telah dilanggar. Tetapi, langkah semacam ini bukan sahaja tidak begitu tepat malahan kesannya pun adalah dicurigai. Oleh itu difikirkan adalah wajar pindaan dibuat kepada Seksyen 19 seperti yang dicadangkan itu.

Di samping mengakui peranan penting pemaju-pemaju perumahan swasta untuk membekalkan perumahan, Kerajaan perlu memastikan bahawa mereka menjalankan urusan mereka itu dengan penuh tanggungjawab. Oleh sebab ada segelintir pemaju-pemaju perumahan yang mengambil kesempatan kerana kekurangan dalam undang-undang dan untuk mengelakkan perkara seperti itu berlaku lagi di masa akan datang saya dapati perlu langkah yang tersebut di atas ini dijalankan.

Sayugia saya terangkan bahawa Akta yang terlibat ini bertujuan mengawal urusan pemaju perumahan demi melindungi kepentingan pembeli-pembeli. Ia tidak memberi kuasa bagi satu-satu langkah diambil untuk mengawal pembahagian rumah-rumah ataupun mengawal harga jualan rumah-rumah yang diniagakan oleh pemaju-pemaju perumahan yang diberi lesen di bawah Akta tersebut.

Kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan sebagai masalah kemajuan perumahan swasta boleh diatasi dengan tindakan di bawah peraturan-peraturan yang telah diwujudkan di dalam Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970. Cadangan yang saya kemukakan malam ini tidaklah mengenai Kaedah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sekarang memerlukan pindaan kepada Akta sebagai saya huraikan tadi, maka saya memohon, agar cadangan di

dalam Rang Undang-undang ini diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.01 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam beberapa minit sahaja kerana banyak ahli-ahli hendak balik dan marah kepada saya, saya tahu. Sungguhpun begitu, saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini. Saya sokong penuh oleh kerana pada masa dahulu pemaju-pemaju perumahan ini tidak ada apa-apa sekatan mereka ini boleh berbuat apa sahaja mereka suka. Saya memuji dengan hati yang ikhlas kepada Menteri yang bertanggungjawab pada hari ini sudah ada undang-undang yang tertentu iaitu sesiapa juga pemaju-pemaju perumahan ini mesti meletakkan cagaran sekurang-kurangnya \$250,000 untuk menjadi pemaju-pemaju supaya rakyat jelata jangan tertipu. Pemaju-pemaju ini pada masa dahulu tidak mempunyai duit, hendak menjadi pemaju, kutip wang daripada orang ramai, akhirnya cabut lari, rumah tiada dan tanah pun tiada. Dengan sebab itu maka dengan adanya Rang Undang-undang ini maka rakyat jelata terjamin mendapat rumah yang betul-betul dijalankan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mengesyorkan iaitu rumah-rumah yang akan didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan ini hendaklah sekurang-kurangnya mengikut dasar sekarang iaitu sekurang-kurangnya 50% daripada rumah yang didirikan rumah-rumah yang betul-betul rumah murah yang boleh menampung kehendak orang ramai, terutama sekali di Kuala Lumpur. Orang yang bekerja di kilang-kilang yang mendapat gaji dua tiga ratus ringgit boleh membeli rumah-rumah ini oleh kerana kebanyakan rumah-rumah yang didirikan oleh pemaju perumahan ini tidak dapat dibeli oleh orang-orang yang bergaji peringkat \$200-\$300. Pada hari akan datang itu menjadi satu dasar Kerajaan iaitu apabila satu lesen pemaju diluluskan, maka saya harap dikenakan satu condition iaitu pemaju-pemaju ini mestilah mendirikan sekurang-kurangnya

50% daripada perumahan ini hendaklah rumah yang di bawah \$10,000. Pada masa sekarang kalau hendak mendapat rumah \$10,000 ke bawah, untuk orang miskin memang jarang kita dapat. Dengan sebab itu orang-orang miskin yang tidak mempunyai rumah dan harta pada hari ini memikirkan Kerajaan kita tidak mementingkan untuk memberi perumahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pemaju-pemaju apabila membuat jalan-jalan atau parit-parit mestilah standard yang betul-betul dibuat mengikut specification yang diberi oleh Kerajaan. Oleh kerana saya katakan begitu apabila sesudah pemaju-pemaju ini menyerahkan kepada Kerajaan maka kawasan itu akan dimasukkan ke kawasan Local Government dan Local Government di tempat itu akan membiayai segala jalan-jalan, longkang-longkang atau parit-parit yang rosak terpaksa mengeluarkan wang yang banyak daripada Local Authority itu. Jadi dengan sebab itu, saya harap kepada Kementerian Perumahan atau Kementerian yang bertanggungjawab menengok supaya perkara ini dijalankan dan juga menengok supaya jangan menjadi kerosakan kepada perumahan-perumahan yang di bawah kawasan yang dimajukan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada hari ini kita menjadi rakyat dalam negeri ini yang mempunyai warganegara samada orang Melayu, orang China, orang India yang hendak hidup damai, sentosa di dalam satu negara yang merdeka dan berdaulat ini, saya harap di dalam tiap-tiap rumah mestilah diberi quota-quota yang tertentu. Misalnya, sekurang-kurangnya 30% daripada perumahan itu dikhaskan kepada bumiputra terutama kepada orang Melayu. Oleh kerana di dalam kawasan ini dapatlah mereka ini bergaul dan apabila mereka ini bergaul, pada satu masa akan datang maka perasaan perkauman itu boleh hilang. Dengan sebab itu, perkara ini adalah mustahak untuk diberi pertama sekali kepada bumiputra, bukan hendak 100% kalau boleh 30% mesti diberi kepada bumiputra.

Saya sangat dukacita oleh kerana ada satu pemaju perumahan di Bangsar Park Baharu yang bernama Eng Lian Enterprises, sebab ada satu orang Melayu datang berjumpa saya dan apabila orang Melayu

ini dibawa berjumpa pihak Eng Lian Enterprises ini dan apabila saya minta diberi orang Melayu ini satu rumah, apa yang dijawab oleh pegawai-pegawainya. Dia kata "tidak boleh dapat". Saya bertanya "apa sebab tidak boleh dapat, sebab ada peruntukan diberi kepada bumiputra duduk dalam kawasan ini". Dia kata, "kalau tidak diberi, apa hendak dibuat"? Kalau tidak diberi 30% apa hendak buat? Apa kuasa Kerajaan hendak buat kepada Eng Lian Enterprises ini?" Ini adalah menyakitkan hati dan saya harap Menteri menyiasat Eng Lian Enterprises ini oleh kerana ia akan memajukan lagi rumah-rumah supaya menjalankan dasar Kerajaan yang ada kita jalankan hari ini. Saya dengan tidak ragu-ragu menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

8.08 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Tahun 1966. Saya hendak bercakap sedikit sahaja, untuk perhatian Kementerian yang berkenaan iaitu dengan diluluskan Rang Undang-undang ini Kementerian ini dapat bertindak dan memberikan satu faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan mengurangkan sungutan-sungutan yang saban masa dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan memandang pemaju perumahan yang ada dalam negeri kita ini sebagai swasta yang hendak membantu Kerajaan dalam masalah sosial mengatasi perumahan yang sangat kurang. Rakyat setiap masa menghendaki rumah yang sempurna, sekiranya dibiarkan sahaja oleh Kerajaan dalam memajukan perumahan, Kerajaan tidak ada upaya. Saya contohkan di Johor Bahru. Kerajaan cuma membuat rumah 1,000 yunit tetapi yang memintanya 14,000 orang. Jadi dengan adanya kerjasama pemaju-pemaju dalam negeri ini akan menolong Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu saya harap Kerajaan hendaklah jangan memandang kepada pemaju perumahan ini dengan tujuan semata-mata hendak mencari keuntungan dan saya harap Kerajaan memberikan banyak kemudahan-kemudahan yang sentiasa dialami oleh pemaju-pemaju perumahan tadi.

Saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi bahawa pemaju sesuatu kawasan yang dimajukan untuk perumahan hendaklah dibuat 50% rumah murah. Yang sebenarnya Kementerian mengatakan 40%, kalau tidak salah ingatan saya. Saya nampak bahawa peraturan ini pun menyusahkan pemaju perumahan, sebab kosnya mahal, hendakkan jalan yang baik. Jadi dengan itu seseorang pemaju perumahan dia mempunyai modal yang besar, kadangkala dia pinjam dari bank. Hal ini patutlah Kerajaan timbangkan balik, jangan dikenakan 40%, beri 20% rumah yang murah dan 80% rumah yang harga biasa, sebab manusia pun pada zaman sekarang bukan semuanya mereka berkehendakkan rumah yang murah dan satu peraturan lagi dibuat bahawa yang dinilai, yang ditakrifkan rumah murah itu \$7,000. Pada masa sekarang harga rumah \$7,000 itu satu benda yang sangat kecil dengan kos-kos yang begitu mahal. Saya harap Kementerian yang berkenaan naikkan takrif nilai rumah yang \$7,000 itu kepada \$10,000. Dengan keadaan ini akan memberi peluang kepada pemaju-pemaju perumahan menjalankan kerjanya dengan baik dan licin.

Akhirnya, saya harap Kementerian ini campur tangan dalam masalah belah-bahagi tanah yang dimajukan oleh pemaju-pemaju perumahan kita dalam negeri ini yang melibatkan enam tujuh jabatan memberikan satu ulasan supaya estet atau kawasan itu boleh memajukan perumahan. Ini memakan masa yang lama, sampai satu dua tahun. Saya harap Kerajaan akan membuat satu dasar khas memberikan keutamaan dalam masalah pemaju perumahan ini. Jadi bila ada fail itu, jalankan dengan segera. Dengan keadaan ini, pemaju perumahan tidak sulit, orang yang hendak membeli rumah pun dapat dengan segera.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

8.14 mlm.

Datuk Michael Chen Wing Sum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad kerana memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap pindaan kepada Akta ini.

Kementerian saya sedar ada beberapa pemaju perumahan swasta yang telah melanggar sebahagian daripada syarat-syarat perlesenan. Itulah sebabnya maka pindaan yang dimajukan ini adalah menjadi perlu demi untuk melindungi kepentingan pembeli-pembeli. Walaupun kita perlu menguatkuasakan Akta ini untuk mengawal keadaan yang tidak diinginkan daripada berlaku, Kementerian saya sentiasa memainkan peranan sebagai "watchdog" tanpa menjadi sebagai "bloodhound". Sikap ini perlu supaya sekim-sekim perumahan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat memberi hasil-hasil yang dicita-citakan.

Walaupun Kementerian saya tidak mengawal harga-harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan swasta, tetapi Kementerian saya mengambil langkah-langkah pentadbiran untuk menggalak serta mempengaruhi pemaju-pemaju swasta supaya membina lebih banyak lagi rumah-rumah di dalam lingkungan harga \$25,000 atau kurang supaya rumah-rumah jenis ini akan dapat memberi faedah kepada rakyat daripada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya waktu sekarangpun sudah hampir pukul 8.15 malam, saya minta maaf jikalau saya tidak menjawab satu persatu pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad dengan butir-butir ataupun detail-detail tetapi Kementerian saya mestilah akan mengambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT
PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.19 *mlm.*

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan), 1977 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Seksyen 19 dan 23 Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau "SIRIM" (Perbadanan) 1975 seperti yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mengemaskan lagi jentera pentadbiran SIRIM dan membolehkan penggunaan kependekan (acronym) SIRIM sebagai alternatif kepada kependekan "SIM" atas tanda-pengesahan.

Pada masa ini hal-hal kewangan ialah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Kewangan. Walaupun demikian didapati bahawa Jawatankuasa Kewangan hanya perlu bermesyuarat 3 atau 4 bulan sekali untuk menyelesaikan masalah-masalah kewangan. Oleh kerana kebanyakan daripada Ahli Jawatankuasa Kewangan termasuk wakil Perbendaharaan adalah juga Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Majlis SIRIM berpendapat bahawa Jawatankuasa Eksekutif yang bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali dapat menjalankan tugas-tugas Jawatankuasa Kewangan dengan sempurna.

Bagi tujuan ini Fasal 2 (a) Rang Undang-undang yang dikemukakan memperuntukkan supaya Jawatankuasa Eksekutif mengambilalih tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Kewangan. Seterusnya Fasal 2 (b) Rang Undang-undang tersebut bertujuan menghapuskan Jawatankuasa Kewangan dan sebaliknya menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelidikan. Memandangkan bahawa penyelidikan menjadi salah satu aktiviti utama SIRIM, peranan Jawatankuasa Penyelidikan ialah untuk memberi arahan dan bimbingan tentang bidang-bidang penyelidikan yang

perlu dijalankan dalam usaha-usaha pembangunan negara serta juga mengawasi kemajuan projek-projek penyelidikan dari masa ke semasa.

Tujuan Fasal 2 (c) ialah untuk menjadikan Timbalan Pengerusi Majlis SIRIM, Pengerusi Jawatankuasa Piawaian bagi menggantikan Pengarah Piawaian. Oleh kerana Pengarah Piawaian bukan seorang Ahli Majlis maka tidaklah wajar baginya memengerusikan satu Jawatankuasa yang ditubuhkan dan dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis.

Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut bertujuan membolehkan penggunaan kependekan SIM atau SIRIM atas barangan yang telahpun mendapat tanda pengesahan SIM atau SIRIM. Pindaan ini adalah penting kerana sehingga sekarang kependekan SIM masih digunakan walaupun SIRIM telah ditubuhkan lebih 1½ tahun dan oleh itu secara tidak langsung perhubungan tanda pengesahan dengan Institiut Piawaian Malaysia yang kini sudah pun tidak ada masih dikekalkan. Adalah juga diharapkan penggunaan kependekan SIRIM atau tanda-tanda pengesahan akan mengenalkan Institiut ini kepada lebih ramai industri dan orang awam. Supaya pertukaran menggunakan kependekan SIM kepada SIRIM dapat dilaksanakan dengan licin, adalah dicadangkan bahawa buat sementara waktu kedua-dua tanda pengesahan SIM dan SIRIM akan diterima, hanya permohonan-permohonan baru dan permohonan-permohonan untuk memperbaharui lesen penggunaan tanda pengesahan akan diwajibkan menggunakan kependekan SIRIM dan dengan cara ini peralihan kepada penggunaan kependekan SIRIM dapat dijalankan beransur-ansur tanpa sebarang kesulitan kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.24 *mlm.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di

hadapan kita ini. Saya cuma hendak bercakap dengan cara ringkas dan pendek untuk menyempurnakan hajat saudara-saudara saya dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dan memberi ulasan dalam Fasal 2 iaitu Majlis Jawatankuasa Penyelidikan. Saya nampak pada masa dahulu SIRIM atau Jawatankuasa Penyelidikan ini sangat berkurangan, hanya terbatas kepada industri-industri yang besar dalam bandar sahaja. Saya ingin memberi satu pengesyoran kepada Jawatankuasa ini supaya membuat satu penyelidikan yang luas kepada penduduk-penduduk luar bandar atas tujuan seperti kata Yang Berhormat Menteri tadi iaitu tujuan penyelidikan ini ialah untuk pembangunan negara kita. Jadi banyak perkara-perkara yang boleh kita ketengahkan usaha-usahanya yang dibuat oleh penduduk luar bandar yang boleh kita perniagakan, dengan adanya nasihat dan selidikan SIRIM ini maka akan meninggikan mutu perusahaan penduduk-penduduk luar bandar dan dapat pula dijaga, dijamin kebersihannya dan diberikan satu cap SIM, dengan ini tentulah boleh diketengahkan barang-barang pengeluaran itu.

Saya hendak beri contoh bahawa barang-barang yang patut dibuat selidikan yang ada kaitan dengan penduduk luar bandar, dengan pembangunan negara kita dan juga menjadi tujuan Kerajaan hendak menambah mata pencarian penduduk-penduduk luar bandar. Misalnya barang-barang buatan tangan, barang-barang makanan. Barang-barang buatan tangan ini seperti membuat paip, iaitu yang kita pakai yang mana kita beli dari England, dan paip ini orang luar bandar boleh buat, tetapi tidak dapat diakui, tidak dapat diberikan nasihat. Misalnya, buat tongkat, joran pancing ikan semuanya boleh buat, kalau diakui macam joran yang kita beli daripada Negeri Jepun, pada hal buluh di negeri kita ini banyak, orang luar bandar boleh buat, sarung parang, alat anyaman yang termasyur di Trengganu, semua barang-barangnya baik, tetapi tidak ada pengakuan daripada SIRIM. Jadi orang ramai tidak begitu tertarik, kerana qualitiya rendah.

Yang kedua, dalam masaalah perusahaan makanan, seperti buat belacan, buat dodol, pisang salai, halua buah-buahan, keropok

ikan, keropok udang, acar dan barang-barang yang dalam tin atau dalam botol. Orang Melayu buat jem daripada buah-buahan, buat kicap, buat tomato, serbuk kopi, rokok keretek, gula kabung dan termasuk negeri-negeri di sebelah utara seperti Perak atau Kedah, orang Melayu di sana ada mempunyai kilang padi untuk mengeluarkan beras. Kalau SIRIM atau Jawatankuasa Penyelidikan ini memberi nasihat kepada mereka supaya mutu pengeluaran beras itu molek, dengan bungkusnya molek dan dicap oleh SIRIM yang beratnya 30 kati, tentulah nilai beras yang dijual oleh penduduk luar bandar itu dapat pasaran yang baik. Ini kalau pergi siasat, daripada kilang-kilang bumiputra, guninya bocor, guninya tersumbat, bermacam-macam, berasnya tidak begitu baik, tetapi kenapa SIRIM tidak memberi nasihat? Dan SIRIM boleh memberi nasihat supaya orang di sana boleh buat kilang mee hoon. Mee hoon ini mudah dibuat daripada beras, jadi usaha-usaha yang macam ini kalau mendapat nasihat, diberikan tunjuk-ajar dan diberikan bantuan dalam masaalah perkilangan, insya Allah, saya fikir ini satu bahan yang boleh menambahkan hasil negara kita ini.

Saya fikir itulah sahaja, terima kasih.

8.30 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Melayu mengatakan kalau mandi biarlah basah. Saya hendak bercakap ini bukan panjang-panjang, oleh kerana ada satu lagi Rang Undang-undang yang saya hendak bercakap juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini terutama sekali berkenaan dengan penyelidikan. Kita ada mempunyai pegawai-pegawai; pegawai-pegawai yang kita ada bukanlah tidak boleh menyelidik—bukan pegawai kita ini tidur, tidak, tetapi oleh kerana, pegawai-pegawai ini kekurangan bahan penyelidikan.

Tadi Menteri bertanggungjawab menyatakan tiap-tiap kali mesyuarat kewangan; kalau duitnya tidak ada hendak mesyuarat kewangan apa gunanya? (*Ketawa*) Saya tahu pegawai-pegawai Kerajaan, baik apa Kementerian mana sekalipun tiap-tiap hari mesyuarat. Kalau kita pergi ke pejabat jam

8.30-9.00 pagi hendak jumpa satu-satu pegawai, memang tidak ada—tidak dapat jumpa. Asyuk mesyuarat sahaja, tidak habis-habis. Tetapi apa yang dia buat kita tidak tahu. Perkara-perkara ini memang benar-benar berlaku. Pergi ke Pejabat Tanah—pegawai mesyuarat; pergi ke pejabat Menteri Besar—pegawai mesyuarat. Pergi ke Kementerian, ke SIRIM atau sebagainya pegawai mesyuarat. Tidak habis-habis mesyuarat, tetapi keputusannya tidak ada.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Ada.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kalau ada pun kita tidak puas hati itu sebab saya bercakap ini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan penyelidikan ini adalah sangat-sangat penting. Saya beri satu contoh. Misalnya hendak membuat testing pipe—P.V.C. pipe. Kita tidak boleh buat. Macam mana SIRIM hendak buboh chop menandakan ini pipe yang kukuh, begitu begini, tidak dapat. Oleh kerana bahan untuk test pipe itu tidak ada. Jadi terpaksa kilang yang bertanggungjawab itu membawa bahan itu untuk chop “SIRIM”. Kalau tidak ada perkakas macam mana SIRIM hendak letakkan tanda “SIRIM”—belacan bubuh SIRIM, rojak, mee hon, mee goreng pun hendak buboh SIRIM (*Ketawa*). Macam mana ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa bahan-bahan seperti rojak dan sebagainya yang disebutkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat itu bukanlah penyelidikan yang dibuat oleh SIRIM. Cuma apa yang diselidik oleh SIRIM ini hanyalah bahan-bahan tertentu sahaja. Misalnya, topi keledar yang ditest oleh SIRIM digunakan pecah, penunggang mati, sedangkan topi ini SIRIM sudah test—entah apa yang ditest, kita tidak tahu. SIRIM akan didakwa di court, oleh kerana sudah ditandakan SIRIM, tiba-tiba topi keledar itu pecah. Ini boleh dibawa ke court oleh sesiapa juga keluarga si mati itu. Sebab benda itu ditest oleh SIRIM tetapi sebenarnya topi keledar itu tidak bagus.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana kita tidak ada pegawai yang berkelayakan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bukan kita tidak hendak test batek, tetapi cara menegang ataupun menentukan berapa kuat kain itu hendak ditegangkan mesti ada satu perkakas. Begitu juga samada kain itu

luntur colournya atau tidak, itu pun mesti ada perkakas hendak ditest. Jadi dengan air liur sahaja hendak ditest, tidak boleh jadi. (*Ketawa*). Saya ingat, Yang Berhormat Menteri pun barangkali akur dengan saya di atas perkara ini. (*Ketawa*) Oleh kerana SIRIM ini ada dan namanya baik tetapi perkakas untuk menyelidik tidak ada, jadi apa yang hendak dibuat? Dengan sebab itu, saya minta kepada Kementerian bertanggungjawab untuk mengadakan betul-betul penyelidikan dan berilah mereka ini segala perkakas untuk menyelidikan itu.

8.35 mlm.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya saya rasa dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan kalau sekiranya beliau bersetuju supaya SIRIM ini dipindahkan potfolionya ke bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya dapat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian itu mengawasi kerja-kerja SIRIM itu dengan lebih cepat, dan dengan lebih selaras lagi, sebab SIRIM ini ada hubungannya dengan kilang-kilang yang mana duduknya di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya nampak ianya tidak selaras kedudukan perbadanan ini. Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Menteri yang berkenaan ini dengan suka hatinya meminta Kerajaan mengalihkan SIRIM ini diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang kedua, saya hendak beritahu Dewan ini, SIRIM ini memang tidak cukup orang, tidak cukup duit, tidak cukup alat, sebagaimana kata Raja Datuk Nong Chik tadi. Itu betul kerana kadang-kadang malu kalau kita dengar pihak kilang-kilang ini berkata SIRIM hendak menguji barang, tetapi kilang pula kena tolong SIRIM ini bawakan alat daripada kilangnya ke SIRIM untuk diuji. Kalau tidak SIRIM tidak mempunyai alat yang cukup, yang up-to-date untuk menjalankan ujian-ujian itu. Perkara ini besar dan penting sebagai satu perbadanan Kerajaan, maka SIRIM mestilah diberi betul-betul peruntukan dan sokongan yang kuat daripada Kerajaan.

8.37 *mlm.*

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini. Saya fikir Kerajaan patut menimbang-kan supaya SIRIM ini diperbesarkan kuasanya dan diperuntukkan satu undang-undang yang mengawal perusahaan-perusahaan kilang tentang mutu-mutu pengeluarannya. Pada hari ini yang diketahui oleh orang hanyalah topi keledar sahaja. Jadi, apakah takrif mutu barang-barang kilang kita kerana SIRIM ini satu badan yang tidak mencukupi alat-alat penyelidikan. Saya ber-setuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bahawa hendaklah kita membuat satu peruntukan bagi mengawal mutu barang-barang pengeluaran kilang-kilang kita. Pertama, kilang-kilang yang dapat faedah yang dibebaskan daripada cukai kerana barang-barang kita sekarang ini bukan sahaja dijual di dalam Malaysia akan tetapi ianya diekspot yang melibatkan imej negara kita.

Begitu juga, pada satu ketika dahulu, payung-payung yang dibuat dalam negeri ini diberi kelepasan cukai dan menahan quota payung yang datang daripada luar negeri. Tetapi apabila kita bandingkan payung yang datang daripada luar negeri dengan payung yang dibuat di dalam negeri, mutu payung yang dibuat di dalam negeri kurang daripada mutu-mutu barang yang datang daripada luar negeri. Dengan jalan demikian, Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia pembeli ataupun pengguna mereka memilih barang yang lebih baik ataupun lebih tahan mutunya walaupun harganya agak mahal sedikit. Jadi untuk menjaga imej negara perlulah satu undang-undang diadakan. Kerana perkara yang semacam ini, banyak negara-negara luar yang mengadakan Undang-undang Pengawalan Mutu Barang-barang Perkilangan seperti di India dan lain-lain tempat, tidak salah kalau kita berbuat demikian. Dan kalau kita panjang-kan kaedah yang ada pada hari ini, cuma beberapa perkara sahaja yang SIRIM lakukan, jadi mutu barang-barang pengeluaran di negara kita akan teruji di luar negeri dan ini menyebabkan nama imej perkilangan negeri kita kurang mutunya bila dibandingkan dengan mutu pengeluaran luar negeri. Saya berharap perkara ini akan dapat dikaji oleh Kerajaan, samada menasabah atau tidak menasabah, tetapi pada saya

sudah sampai masanya bagi Kerajaan mengadakan kajian mutu ini diperbesarkan. Apabila dibesarkan, hendaklah kita memenuhi hasrat dan cita-cita SIRIM itu sendiri dengan membanyakkan pegawai dan membanyakkan tenaga yang mencukupi bagi mengatasi masalah apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan ucapan saya dan saya menyokong Bil ini diluluskan.

8.42 *mlm.*

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membuat teguran dan sumbangan terhadap peranan SIRIM. Perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah diambil perhatian dan tindakan akan diambil atas syor-syor dan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Oleh kerana masa pun sudah lewat malam, saya tidak berniat hendak menjawab satu persatu apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun saya ingin menerangkan secara ringkas matlamat-matlamat SIRIM.

Pertama, untuk menjawab teguran Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengenai pengusaha-pengusaha luar bandar. Adalah menjadi tujuan SIRIM untuk menolong industri yang kecil terutama pengusaha-pengusaha luar bandar, oleh itu terdapat satu bahagian Perkhidmatan Perunding Perindustrian (Industrial Consultative Service) di SIRIM yang boleh memberi nasihat kepada pengusaha-pengusaha kecil yang perlukan bantuan dan sekurang-kurangnya pengusaha-pengusaha ini mempunyai kesulitan-kesulitan yang tertentu, bolehlah berhubung dengan SIRIM.

Perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, perlu saya terangkan di sini iaitu menyentuh mengenai satu kemalangan yang telah berlaku ke atas seorang penunggang motosikal. Dari laporan-laporan akhbar pada 19hb April, 1977 jelaslah menunjukkan bahawa topi keledar itu bukan buatan tempatan. Siasatan sedang dibuat oleh SIRIM bersama-sama dengan ejensi-ejensi Kerajaan yang berkaitan untuk

menentukan, iaitu bagaimana kemalangan itu berlaku, kerana mengikut specification satu-satu topi keledar itu hanya dapat menahan impact yang tertentu dan sekiranya kemalangan itu telah berlaku, maka sudah tentulah topi keledar itu telah kena dan sudah tentu topi keledar itu akan pecah.

Kedua, samada topi keledar yang berkenaan itu sebenarnya buatan luar negeri ataupun buatan tempatan (tiruan). Lebel atas topi keledar itu menunjukkan bukan buatan tempatan, kerana tanda di atas topi keledar itu adalah lebel yang diimpot daripada luar negeri dan bukan tanda pengesahan SIRIM yang biasanya diberi kepada barang-barang tempatan yang diluluskannya. Ini adalah perlu kerana perkara tiruan telah pernah berlaku pada masa yang sudah-sudah. Selepas kedua-dua perkara ini telah dipastikan, baharulah tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menasihatkan semua pengguna-pengguna topi keledar bahawa untuk keselamatan diri mereka, topi keledar yang telah terlibat dengan satu-satu kemalangan tidak seharusnya digunakan selepas kemalangan itu berlaku, kerana keteguhannya telah berkurangan akibat kemalangan itu. Ini telah dibuktikan dalam ujian-ujian di Makmal SIRIM.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik berhubung dengan P.V.C. pipe, saya suka memaklumkan bahawa sudah ada sekim P.V.C. pipe dan kemudahan-kemudahan untuk menguji P.V.C. pipe ada di SIRIM dan masa ini SIRIM sedang memproses satu permohonan bagi tanda pengesahan oleh satu pengusaha daripada Sarawak.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah membangkitkan mengenai memindahkan SIRIM kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, perkara ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memikirkan perlu dan wajar Jabatan ini dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya pun tidak ada apa-apa halangan, kerana ini akan meringankan lagi kerja saya (*Ketawa*).

Saya suka juga memberi pandangan tentang perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan dalam

perbahasan tadi. Dalam Akta Penyelarasan Perindustrian beliau telah membangkitkan perkara kelewatan mengadakan piawaian batek oleh sebab birokrasi. Ini berpunca daripada kedudukan industri batek. Pada mulanya Lembaga Kraftangan telah ditugaskan menjaga industri batek dan Lembaga Kraftangan telah mengadakan tanda pengesahan sendiri, oleh itu terdapat sedikit kekeliruan tentang siapakah yang harus bertanggungjawab atas perkara ini. Saya ingin mengatakan di sini bahawa perkara ini sudahpun dibereskan sekarang dan SIRIM serta Lembaga Kraftangan sedang bekerjasama dalam mencepatkan pengeluaran piawaian bagi batek.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Barangkali Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu memberi jawapan daripada pegawai, iaitu jawapan itu datangnya daripada Pegawai SIRIM. Saya rasa eloklah selepas daripada persidangan ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu menyiasat sedikit tentang kedudukan perkara ini, sebab setahu saya Lembaga Kraftangan ini ditubuhkan kemudian daripada ketetapan Kerajaan dalam tahun 1972 untuk mengadakan cap SIRIM bagi batek.

Yang keduanya, tentang hendak menentukan specification ataupun jenis mutu kain batek di mana sepatutnya ditentukan oleh satu jawatankuasa dan jawatankuasa itu daripada tahun 1972 lagi ditubuhkan baru bermesyuarat sekali, kemudian tidak bermesyuarat. Selepas daripada itu barulah ditubuhkan Lembaga Kraftangan. Perkara perhubungan antara Lembaga Kraftangan dengan SIRIM ini tidak diberitahu kepada Jawatankuasa SIRIM yang ada ini. Saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, iaitu untuk menentukan mutu batek dan 5 tahun tidak bermesyuarat, baru ini bermesyuarat. Itu yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Maknanya jawapan yang diberi oleh pegawai itu barangkali untuk memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri supaya kelewatan 5 tahun itu tidak salah pada segi pentadbiran, tetapi bagi saya 5 tahun kelewatan ini tidak boleh dikatakan tidak salah pada segi pentadbiran, sebab 5 tahun itu lama masanya. Kalau election, 5 tahun itu satu Kerajaan sudah turun atau satu Kerajaan sudah naik.

Kalau hendak adakan mutu batek, naik satu Kerajaan tidak bersetuju dengan mutu batek, barangkali habis, tidak adalah batek.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan saya akan siasat perkara ini.

Akhirnya saya hendak menerangkan iaitu objektif SIRIM kerana berbagai masalah-masalah dan syor-syor yang telah dibuat oleh dua Ahli Yang Berhormat untuk membuat piawai berkenaan dengan jenis barang-barang. Saya suka menerangkan iaitu objektif SIRIM ialah untuk mengawal taraf barang keluaran tempatan demi untuk kepentingan pengguna-pengguna. Kerajaan telah menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan, iaitu:

- (1) dengan mengadakan tarif dan cukai atau kuota barang-barang yang diimpot; dan
- (2) memberi insentif-insentif seperti pengecualian cukai.

Oleh itu pengguna-pengguna diharap mendapat barang keluaran tempatan yang bermutu tinggi dan setanding dengan barang-barang yang diimpot. Misalnya, pada satu masa yang lampau alat-alat letrik buatan tempatan sangat rendah mutunya dan ini bukan sahaja merugikan bahkan adalah merbahaya kepada pengguna-pengguna. Oleh yang demikian, Bahagian Inspectorate, Lembaga Letrik Negara telah mengarahkan penguasa-penguasa dan pengimpot-pengimpot bahawa alat-alat letrik yang tidak mendapat tanda pengesahan SIRIM tidak boleh digunakan. Sekiranya amalan ini dapat diperluaskan lagi barang-barang yang lain maka pengguna-pengguna akan dapat bahan-bahan yang bermutu dan bernilai selaras dengan wang yang dibelanjakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-
setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.00 m/m.

Menteri Kebajikan Am (Datuk Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1977, dibaca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu yang terkandung di dalam Akta Orang-orang Papa 1977 supaya diselaraskan dengan Perkara 5 Perlembagaan Malaysia dari segi kebiasaan asasi. Pindaan-pindaan ini menyusul daripada pandangan yang ditimbulkan di Dewan Rakyat ketika Akta Orang-orang Papa itu diluluskan dalam persidangan yang lalu.

Pindaan yang terpenting sekali ialah mengenai seksyen 3 Akta ibu itu, iaitu bagi memindahkan kuasa Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kepada Mahkamah untuk memerintah orang-orang papa dimasukkan ke dalam rumah-rumah kebajikan. Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak menjejaskan kuasa seseorang pegawai kebajikan masyarakat atau seseorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak berkuasa tempatan dan yang bertindak di bawah arahan Ketua Pengarah itu bagi mengambil dalam jagaan seseorang yang dikatakan orang papa. Di bawah pindaan ini sekarang, adalah perlu bagi pegawai itu membawa orang papa ke hadapan Magistret dalam tempoh dua puluh empat jam. Peruntukan juga dibuat bagi pegawai-pegawai ini meminta mana-mana pegawai Polis untuk membantu mereka dalam menjalankan kuasa-kuasanya sekiranya orang papa itu enggan dimasukkan dalam jagaan atau menentang pegawai-pegawai yang tersebut tadi. Seterusnya, jika Magistret itu mempunyai

sebab yang menasabah untuk mempercayai bahawa orang itu adalah sebenarnya seorang papa maka Magistret boleh memerintah orang itu ditahan buat sementara di rumah kebajikan sementara menunggu laporan dari pegawai kebajikan masyarakat.

Dengan adanya pindaan baru ini, Magistret akan meminta laporan dari pegawai kebajikan masyarakat mengenai orang yang dihadapkan ke Mahkamah itu dan sekiranya Magistret dalam Kamar berpuashati bahawa orang itu adalah orang papa, maka ia boleh memerintah orang papa itu tinggal dalam rumah kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dengan pindaan baru ini, kuasa memerintah seorang papa masuk ke dalam rumah kebajikan dipindahkan kepada Mahkamah, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa Kementerian saya tidaklah menganggap seseorang papa, kutu-rayau atau pengemis sebagai seorang penjenayah. Pindaan ini tidak mengubah pendapat asas bahawa masalah orang papa adalah satu masalah sosial dan hanya boleh diatasi atau dikurangkan melalui satu rancangan bantuan sosial yang komprehensif. Kebanyakan orang-orang papa yang juga cacat memerlukan bantuan, perlindungan serta pemulihan dan oleh yang demikian Akta itu ada membuat peruntukan membolehkan juga orang-orang papa memohon sendiri masuk ke rumah kebajikan secara sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

9.03 mlm.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang membahaskan Bil ini, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebajikan Am menyedari bahawa Rang Undang-undang ataupun undang-undang ini berlawanan dengan asasi kebebasan kita. Pindaan ini perlu dibawa kerana dengan adanya pindaan ini bahawa kita mengakui hak seseorang itu samada dia papa, samada dia kutu-rayau, walau apapun dia ialah rakyat negara kita ini mengikut Perlembagaan 5 (1):

“5 (1) Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.”

Pada masa yang sudah-sudah kuasa yang ada ialah pada pengarah kemudian kita menggunakan kuasa polis, maka dengan adanya pindaan ini saya fikir lengkaplah buat sementara waktu ini undang-undang ini, tetapi saya hendak tahu sedikit apakah diambil perkataan “papa” sebab ini berlawanan dengan semangat Dasar Ekonomi Baru kita. Kita boleh tukarkan dengan nama “yatim piatu”, lebih manis. Apa fasal kita ambil papa. Papa ini mengikut Islam, perlindungan kita kepada Allah. Papa ini maknanya, dalam adat-adat resam kita Melayu, perkataan ini kalau disebut siah palih 40 hari, minta Tuhan lindungi 40 hari jangan disebut papa. Papa bermakna tinggal nyawa sahaja, adakah rakyat kita, tinggal nyawa sahaja lagi dalam negara yang mewah ini? Menteri kita yang bijak dalam bahasa Melayu. Seorang pengarang dahulu pernah ke England, ke Eropah, ke Amerika dan tak dapat cari perkataan yang lebih sesuai, apa salahnya diubah perkataan ini dengan perkataan yang lebih manis “yatim piatu”, sedangkan negara kita ialah negara yang maju, tumbuh-tumbuhan boleh hidup, benih-benih ditabur boleh orang daripada luar datang ke sini kaya, buat itu, buat ini semua boleh, negara kita aman, pendek-kata kalau kita banding dengan negara-negara lain negara kita ialah sebuah negara yang paling secukupnya udaranya, hawanya dan semua kaumnya. Jadi, tidak ada istilah papa pada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya sokong Bil ini diluluskan.

9.06 mlm.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan ke atas Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Di samping itu saya ingin memberi sedikit pandangan berhubung dengan penyiasatan dan laporan yang akan dibuat oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat mengenai orang-orang yang dianggap papa yang dihadapkan ke mahkamah. Pada lahirnya memang

senang bagi kita menentukan sebab-sebab yang menasabah untuk mempercayai seseorang itu papa. Tetapi di sini ada besar kemungkinan orang-orang yang bukan papa atau orang-orang yang pura-pura papa kelihatan pada lahirnya berpakaian compang-camping dan koyak rabak boleh jadi kerana memang bersikap malas bekerja atau ingin hendak mendapatkan rezeki secara mudah, disalah anggap sebagai orang papa dan diperintah masuk ke rumah kebajikan untuk menikmati segala layanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat demikian oleh kerana negara kita ini adalah sebuah negara yang kaya dengan penduduk-penduduknya hidup dalam serba kesenangan. Maka dengan itu tidak wajar sama sekali kedapatan ramai orang-orang yang benar-benar masuk pada takrif "papa".

Dalam hubungan ini saya mencadangkan penyiasatan yang rapi hendaklah dijalankan tidak semata-mata bergantung dari segi lahir sahaja sebelum menentukan bahawa seseorang itu benar-benar papa. Tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat menjalankan penyiasatan ini adalah penting, sekiranya penyiasatan itu tidak menepati maksud yang sebenar, maka ianya akan membuka peluang kepada mereka yang sengaja mencari kesempatan dan ini boleh menambah rumitkan lagi masalah sosial yang kita hadapi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya.

9.08 mlm.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bangun dan berucap secara ringkas tentang Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1977.

Masalah orang papa di dalam negara kita ini bukannya satu perkara yang baru timbul tetapi adalah satu-satunya penyakit masyarakat turun-temurun dan berkembang menurut kemajuan masa. Dari apa yang dikatakan orang-orang papa ini terbahagi kepada beberapa jenis dan tingkatan iaitu orang-orang papa yang betul-betul ada di dalam ertikata yang sebenar dan yang muda dan tua dan yang memilih dan menjadikan aktiviti-aktiviti itu sebagai cara hidup yang disukai dan ada pula oleh satu-satu sebab

atau desakan menganggap cara hidup seperti itu sebagai satu kelas masyarakat khas yang berlainan dari yang lain.

Pada pandangan saya undang-undang yang diperbuat ini hendaklah diukur dengan cara tertentu dan berlainan mengenai tiap-tiap satu kelas dan jenis orang-orang papa itu dan menentukan bahawa jenis-jenis yang tulin sahaja yang ditangkap dengan cara siasatan yang mendalam ke atas tiap-tiap seorang daripada mereka itu samada menyimpan harta-harta termasuk wang simpanan di pejabat-pejabat pos dan harta-harta tetap yang dimiliki oleh mereka sendiri atau anak isteri mereka. Saya syorkan jika mereka itu terbukti ada memiliki wang di bank atau harta tetapi masih menjalankan aktiviti orang papa hendaklah dijadikan satu kesalahan jenayah yang sewajarnya dan dihukum sebagai seorang penjenayah masyarakat.

Akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

9.12 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Terlebih dahulu saya gemar memberi pandangan bahawa saya sangat tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya yang saya kasihi Senator Datuk Abdul Razak Haji Hussin.

Pertama sekali beliau tak setuju perkataan "papa" itu hendaklah diganti dengan "yatim piatu" tetapi yatim piatu itu maknanya tiada mempunyai ayah dan ibu. Mengenai papa jangan kita nafikan bahawa di dalam Quran ada menyebutkan ada di antara manusia ini masyarakat miskin dan papa (wal-fuqara wal-masakin). Itu tidak terkeluar dari sifat papa kerana manusia ini memang dijadikan oleh Tuhan sebahagiannya papa dan papa ini menurut takrif yang saya tahu umpamanya seseorang manusia itu dalam sehari memerlukan belanja makan \$1 tetapi usaha pendapatannya yang dia boleh dapat kurang dari 40 sen. Kalau begitu boleh dianggap orang itu papa. Jadi saya tak bersetuju dan berat sangat hendak menyokong Rang Undang-undang ini kerana apakah hak asasi manusia yang dikatakan

papa ini dihapuskan, mesti ditangkap mereka dan dibawa ke mahkamah macam kesalahan jenayah pula orang papa itu. Pada hal hak asasi manusia, memang manusia ada yang papa. Kenapakah hak asasi manusia yang telah dijadikan Tuhan sebagai papa itu ditangkap dan dibawa ke mahkamah macam kesalahan jenayah? Dengan keadaan ini, saya fikir kurang molek manusia yang telah dijadikan Tuhan sebagai manusia papa itu dibawa ke mahkamah. Dalam masaalah hendak memberikan kemudahan kepada mereka saya bersetuju Kementerian ini mengadakan pegawai untuk menangkap apabila sabit perkaranya dibicarakan dalam Jawatankuasa Kementerian Kebajikan Am dihantar ke rumah kebajikan. Jika mereka lari keluar, tangkap balik masukkan ke rumah itu semula.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu ulasan lagi saya hendak beritahu bahawa orang papa itu dipandang mulia iaitu oleh agama Hindu yang memandang orang papa itu mulia. Ini bukan agama Islam, tetapi agama Hindu yang memandang orang papa itu sangat mulia. Jadi dengan keadaan ini saya tak berapa bersetuju bahawa orang papa itu dihantar ke mahkamah, selepas dibicarakan apabila didapati sabit betul dia papa barulah dihantar ke rumah kebajikan, tetapi lebih baik sekiranya ditangkap orang papa itu bersama dengan polis dibawa kepada Kementerian Kebajikan Am, jika sabit ia papa tak payah bawa ke mahkamah tetapi dihantar ke rumah kebajikan am tempat orang-orang papa itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya Rang Undang-undang ini dipinda saya fikir kerana orang menyalahgunakan takrif "papa" itu. Ada manusia yang hendak menjadikan dirinya papa, maka dengan sebab dia salahguna, dia mengambil kesempatan minta sedekah, mencari jalan dan ikhtiar mendapatkan wang sehingga terbongkar manusia yang macam ini tidak papa tetapi ada harta atau orang yang ada duit. Jadi dengan sebab dia menyalahgunakan takrif "papa" itulah agaknya Kerajaan telah mengambil satu langkah supaya dapat menakutkan golongan ini dibawa ke mahkamah.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah ditakrifkan papa, umpamanya, ada terjadi seorang itu datang dari Alor Setar, Kedah dia mengatakan,

"Saya tak ada duit, emak saya sakit, anak saya sakit dan isteri saya sudah mati. Saya hendak balik ke Alor Setar tak ada duit. Tolonglah Yang Berhormat Menteri, beri saya tambang untuk balik ke Alor Setar". Tetapi orang itu bila dikaji tidak papa, tetapi hanya musafir. Dan keadaan ini selalu berlaku dalam negara kita untuk kepentingan mendapatkan wang sahaja tujuannya. Pada hal sebenarnya dia hanya musafir. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

9.16 m/m.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini bukan kerana Yang Berhormat Menteri yang budiman itu adalah orang Selangor, tetapi oleh kerana Rang Undang-undang ini mesti dibawanya. Tetapi definisi "papa" tadi mestilah betul-betul ditakrifkan iaitu fakir-miskin. Itulah yang dikatakan orang papa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu apa sebab-sebabnya Rang Undang-undang ini dibawa. Banyak orang, samada Melayu, China dan India minta sedekah di tepi jalan dan mereka lebih suka minta sedekah di tepi jalan itu daripada masuk ke rumah kebajikan am. Pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab hendak menangkapnya tak dapat, mereka itu lari kerana tak mahu atau hendak mengelakkan masuk ke rumah kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak menengok orang-orang papa itu ataupun fakir miskin itu duduk di tepi jalan minta sedekah, semacam mana kita nampak di setengah negara terutama sekali saya nampak macam di India dan Pakistan. Di sana beribu-ribu orang papa mati di tepi jalan dengan bergolek sahaja di situ. Jadi dengan sebab itu untuk mengelakkan gejala ini dipandang oleh orang ramai atau pelancang seperti kata Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi bahawa negara ini kaya raya penuh dengan hasil-hasil dalam negeri tetapi rakyatnya papa dan miskin ataupun fakir-miskin yang banyak sangat meminta sedekah menghulurkan tempurung buruk di tepi jalan. Dengan sebab itu mestilah dibuat satu undang-undang memaksa supaya mereka boleh dimasukkan dalam rumah

kebajikan. Ini tujuannya bukan hendak dibicarakan mereka kerana mereka bukan orang salah.

Saya yakin dan percaya tujuan Yang Berhormat Menteri tadi untuk mengadakan Undang-undang ini tidak mengatakan orang-orang itu salah. Tidak. Orang itu bukannya salah. Itu hak asasi manusia. Kalau misalnya dia kata dia tak miskin dan papa, dia boleh dibenarkan keluar tanpa gangguan. Tetapi tujuan kita untuk menyelamatkan mereka untuk mengharumkan nama negara kita ini. Oleh sebab itu, diadakan Rang Undang-undang ini.

Cuma satu sahaja teguran saya, iaitu apa sebabnya orang-orang itu jadi begini, lari daripada rumah-rumah kebajikan. Kerana orang-orang susah ini, orang-orang papa, orang-orang miskin ini macam di England, barangkali Menteri ini telah pergi melawat dan telahpun duduk di England beberapa lama dan telah menengok rumah-rumah kebajikan di sana, orang yang tiada anak, orang yang tiada isteri, orang yang susah, ada rumah kebajikan. Bagaimana orang-orang yang duduk di rumah kebajikan ini? Di sana tempat tidornya sedap betul, elok betul, diadakan permainan-permainan untuk mereka yang tua-tua ini, ada tempat exercise, makanannya sedap, sepertimana yang didapati oleh orang-orang yang di luar daripada tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di setengah-setengah rumah kebajikan ini, orang-orang tua yang merangkak ini mesti masak, pekong dia ada, kepalanya pun tidak betul setengah-setengahnya itu terpaksa masak, jadi apa yang mesti dimasak. Orang-orang ini, walau bagaimanapun pada satu masa dahulu, saya percaya telah berjasa kepada negeri ini. Katakanlah seorang penoreh getah, ia tidak mampu langsung untuk kahwin, tiada beranak, orang papa, pendapatannya kurang sangat, tetapi orang ini dahulu telah mengeluarkan hasil yang banyak, tenaga, titik peluhnya untuk negara. Jadi orang ini hendaklah dilayan di rumah kebajikan. Ada setengah-setengahnya bukan saya kata tiada perubahan, perubahan itu ada, tetapi perubahannya tidak memuaskan hati. Yang dikehendaki sekarang, orang-orang ini mestilah diberi layanan yang berpatutan dan benar-benar elok. Jikalau di hospital first class itu dapat makan yang

sedap, dapat telur dua biji sehari, pisang dan sebagainya, orang ini juga mesti diberi kerana orang ini tidak lama hidupnya, oleh kerana orang-orang ini kebanyakannya orang yang tua-tua. Nama sahaja Kementerian Kebajikan, namanya bagus, wangi betul. Saya yakin dan percaya, saya tidak salahkan Menteri, oleh kerana Menteri ini bila menjawab, dia marah kerana berjalan tidak betul, sebab itu dia tegur. Teguran saya ini supaya Kementerian yang bertanggungjawab minta kepada pihak Kerajaan wang yang lebih banyak lagi untuk orang-orang yang miskin ini, itu yang dikehendaki. Ini tidak, lebih pula gaji pegawai-pegawai daripada yang diperuntukkan untuk melayan orang-orang miskin ini. Inilah barangkali yang kita ragu-ragu, kita ada perasaan, sungguhpun kita bukan menjadi orang papa, tetapi kita juga mempunyai perasaan kemanusiaan dan kita juga telah melawat rumah-rumah kebajikan ini yang sepatutnya teguran-teguran daripada kami ini bukan untuk keburukan, tetapi semata-mata untuk kebaikan manusia yang telah berjasa, bekerja, berkhidmat untuk negara ini baik apa bangsa sekalipun dan sepatutnya flat-flat yang indah-indah, yang elok-elok itu diberi kepada mereka. Mereka adalah warganegara dan telah berjasa.

Sekianlah sahaja pendapat saya dan saya berharap perkara ini akan ditimbangkan oleh Menteri yang bertanggungjawab dan saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya supaya orang-orang papa ini dapat kita bawa dan kemudian kita letakkan ke dalam rumah kebajikan ini.

9.26 mlm.

Datuk Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih di atas pandangan-pandangan dan sokongan-sokongan yang telah disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengenai pindaan Rang Undang-undang Orang-orang Papa ini. Saya tidak akan menjawab pada keseluruhannya kerana saya dapati ada perkara-perkara yang juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menolong menjelaskannya. Walau bagaimanapun di mana-mana perlu, saya akan cuba menerangkan supaya dapat memberi gambaran yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apakah tujuan pindaan ini dibuat.

Seperti yang telah saya sebutkan juga tadi pindaan ini ialah berikutan dengan adanya pandangan yang disuarakan dalam Dewan Rakyat supaya hak asasi manusia iaitu dengan tidak membawa ke mahkamah seseorang itu ditahan lebih daripada 24 jam maka adalah bercanggah dengan kehendak Perlembagaan. Maka dengan kerana itu undang-undang ini dipinda sedikit dengan cara membawa mereka ini ke mahkamah terlebih dahulu sebelum dibawa ke rumah Kebajikan. Bila magistrate mengatakan orang ini memang orang susah, maka mereka dibawa ke rumah kebajikan.

Berkenaan dengan perkataan “papa” ini, sebenarnya pihak Kementerian saya telah puas mencari apakah perkataan yang agaknya paling tepat, tetapi inilah perkataan yang dapat kami cari. Barangkali perkataan “papa” ini berlainan maknanya, takrifnya di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Jadi kami istilahkan “papa” ini sebenarnya di bawah daripada miskin.

Miskin itu barangkali, income tidak cukup, kurang sedikit—itu dikatakan miskin. Umumanya, kalau keperluan hidupnya \$150 dia dapat 120, orang ini boleh digulungkan sebagai golongan miskin. Tetapi orang papa ini kadangkala mereka itu saudara pun tiada, rumah pun tiada, sudah tua pula, dhaif, cacat lagi. Jadi seperti kata Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin tadi, kadang-kadang memang benar memang nyawa sahaja yang ada. Selain daripada itu, ada lagi orang-orang yang menggunakan kesempatan meminta sedekah hari ini. Masaalah pengemis di negara kita ini telah selalu disuarakan dan susah bagi Kementerian saya mengatasinya. Oleh kerana itulah Kementerian saya mengemukakan Akta Orang-orang Papa dan memansuhkan Vagrancy Act yang lama dengan tujuan supaya undang-undang ini dapatlah merangkumkan kesemua sekali mereka yang didapati mengemis di tempat-tempat yang tertentu ataupun jika orang ini walaupun tidak papa tetapi dia mengemis seperti yang disentuh juga oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi maka mereka juga akan dibawa dan dimasukkan ke rumah kebajikan ini. Selepas disiasat latar belakangnya, kalau sebenarnya ia papa, memang dia boleh duduk, di rumah kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah hendak menjelaskan perkara yang ditimbulkan oleh Senator Hajjah Fatimah iaitu minta dijalankan siasatan yang rapi. Ini memanglah diberi perhatian oleh Kementerian saya, kerana tentulah kita akan merasa rugi untuk menahan mereka yang tidak sepatutnya duduk di rumah kebajikan. Apa yang kita harap mereka yang “profesyenal” ini tentulah tidak suka duduk di Rumah Kebajikan kerana dia segar, badannya elok dan mereka ini semata-mata menjalankan usaha seperti itu untuk mendapat duit sebab ada pula anggota masyarakat yang mahu memberi. Jadi kita harap mereka ini tentulah akan merasa tidak senang duduk di Rumah Kebajikan kerana tersekat kebebasannya sebab disebut juga dalam Undang-undang ini kalau dia itu lari barulah dianggap sebagai satu kesalahan. Kita hendak menetapkan mereka duduk di situ dengan tujuan untuk membantu mereka ini untuk menyenangkan mereka.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga menyatakan kurang bersetujunya mengapa orang-orang itu dihadapkan ke mahkamah. Pada mula Undang-undang ini kita buat, inilah yang kita cuba elakkan tetapi telah mendapat teguran daripada Dewan Rakyat bahawa ini bercanggah dengan kehendak Perlembagaan. Oleh kerana itulah kita terpaksa juga membawa mereka ke mahkamah. Jadi biarlah dengan kehendak hukuman mahkamah orang ini pula baru boleh ditahan dan dimasukkan dalam Rumah Kebajikan.

Sukacita saya hendak menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan semuanya mereka ini suka duduk di Rumah Kebajikan kerana ada yang mengemis ini, yang minta sedekah ini bukan kerana miskin tetapi kerana mereka seronok dapat duit banyak. Jadi seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi ada mereka itu yang lari dan kerap kali lari kerana itulah juga kita akan menyesuaikan dengan keadaan ini terpaksa pula memagar Rumah-rumah Kebajikan Orang-orang Tua ini supaya mereka yang ditempatkan di situ tidak boleh lari, kalau mereka benar susah duduklah di Rumah itu, makan minum ditanggung.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu sahaja barangkali yang saya perlu terangkan iaitu kedudukan Rumah-rumah Kebajikan di

negara kita ini iaitu terbahagi kepada dua; ada Rumah Kebajikan yang didirikan oleh Kementerian Kebajikan Am dan ada juga Rumah-rumah Kebajikan yang didirikan oleh Central Welfare Council. Jadi mungkin agaknya Ahli Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik pernah melawat Rumah Kebajikan yang didirikan oleh badan-badan sukarela ini tentulah dengan keadaan keawangan yang terhad keadaannya tidak begitu sempurna dan kadangkala orang tua itu sendiri pula lebih suka lagi memasak sendiri. Jadi berbagai-bagailah ragam dan tingkah laku orang tua-tua ini yang kadangkala kita nampak dia siksa memasak tetapi barangkali dia lebih suka memasak sendiri. Jadi sebab itulah rumah-rumah yang didirikan oleh badan-badan sukarela ini membiarkan apa kehendak orang tua-tua seperti simpan kualiti buruk, simpan barang-barang, tin-tin buruk di bawah katil mereka, kadangkala ini juga dibenarkan kerana orang-orang tua yang sudah lanjut sangat umurnya barangkali dia balik jadi kanak-kanak, jadi berbagai-bagailah keadaan yang kita lihat di dalam Rumah Kebajikan itu.

Rumah Kebajikan ataupun Rumah Orang-orang Tua yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Am beranilah saya berkata di sini tidaklah begitu keadaannya dan sukalah saya menjemput Yang Berhormat Senator-senator di sini sudi melawat satu hari supaya dapatlah gambaran yang sebenarnya, TV pun ada, makanan pun elok. Insya Allah, Kerajaan membelanjakan duit yang banyak sebanyak \$8 juta setahun untuk

membiayai rancangan keluarga dan kanak-kanak termasuklah juga penyaraan bagi orang-orang tua ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itu sahaja-lah perkara-perkara yang perlu saya jelaskan di sini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.36 malam.